



IJM CORPORATION BERHAD

(104131-A)

LAPORAN TAHUNAN 2001



CIDB  
MALAYSIA  
**MCIA**  
THE MALAYSIAN  
CONSTRUCTION  
INDUSTRY  
AWARDS  
2001

IJM Construction Sdn. Bhd.  
Builder Of The Year Award





## Anugerah Industri Pembangunan Malaysia

Jurubina bagi  
Tahun 2001

### Wawasan

Untuk menjadi kumpulan terunggul di rantau ini dalam penyerahan projek-projek infrastruktur dan bangunan yang dibina dengan baik.

### Misi

Untuk terus mendokong mercu kecemerlangan dalam semua usaha kami dan untuk memaksimumkan pulangan pemegang-pemegang kepentingan.

### Budaya Kami

- Untuk memaksimumkan pulangan kepada pemegang kepentingan dan sentiasa mendokong piauan profesionalisme yang tinggi dan urus tadbir korporat contoh;
- Untuk memastikan produk dan perkhidmatan kami mempunyai mutu yang memenuhi atau melebihi jangkaan pelanggan kami;
- Menghormati budaya yang berlainan, gender, ugama, hak kemanusiaan dan maruah individu tempatan dan dalam kesemua negara yang kami mempunyai operasi;
- Menjadi warga korporat yang bertanggungjawab dan dihormati dengan keperihatinan terhadap isu-isu sosial, keselamatan, kesihatan dan alam sekitar;
- Mewujudkan suasana yang sesuai bagi semangat berpasukan dan untuk kakitangan kami bekerja ke arah mencapai matlamat kerjaya mereka.



“ Anugerah ini, menyusul  
sebaik sahaja selepas  
Anugerah Kontraktor  
Antarabangsa Malaysia  
Tahun 2001, merupakan bukti  
akan komitmen setia kami  
kepada kecemerlangan dan  
semangat ‘boleh lakukan’  
orang-orang IJM. ”

En Krishnan Tan  
Pengarah Urusan Kumpulan

# kandungan



KULIT : Montaf projek Kejuruteraan & pembinaan tempatan oleh IJM.

|   |     |
|---|-----|
| • Profil Korporat                                       | 4   |
| • Polisi Perniagaan dan Komitmen Kami                   | 5   |
| • Sorotan Kewangan Kumpulan                             | 6   |
| • Struktur Kumpulan IJM                                 | 8   |
| • Penyata Nilai Ditambah & Pengagihan                   | 10  |
| • Maklumat bagi Pelabur-pelabur                         | 11  |
| • Analisis Pemegangan Saham                             | 12  |
| • Diari Korporat  | 14  |
| • Lembaga Pengarah & Setiausaha                         | 16  |
| • Profil Para Pengarah, Setiausaha dan Pengurusan Kanan | 18  |
| • Carta Organisasi Syarikat-syarikat Kumpulan IJM       | 23  |
| • Penyata Pengerusi                                     | 24  |
| • Ulasan Operasi  | 28  |
| • Penyata Urus Tadbir Korporat                          | 40  |
| • Laporan Jawatankuasa Audit                            | 47  |
| • Penyata Kawalan Dalaman                               | 50  |
| • Penyata Mengenai Mutu                                 | 52  |
| • Penyata Mengenai Keselamatan dan Kesihatan            | 54  |
| • Penyata Mengenai Alam Sekitar                         | 56  |
| • Penyelidikan dan Pembangunan, serta Inovasi           | 58  |
| • Orang-orang Kami                                      | 60  |
| • Kaktangan & Produktiviti                              | 62  |
| • Perkhidmatan Masyarakat                               | 63  |
| • Penyata Kewangan                                      | 65  |
| • Senarai Harta   | 127 |
| • Notis AGM   | 134 |
| • Borang Proksi   | 135 |
| • Maklumat Korporat & Panduan Kumpulan                  | 137 |

Penyata Wawasan, Misi & Budaya IJM  
(Kulit dalam)

Laporan Tahunan ini juga dicetak dalam Bahasa Inggeris dan boleh diperolehi atas permintaan.



## Profil Korporat

IJM boleh mengimas kembali permulaannya kepada tiga buah syarikat yang dikelolakan secara profesional – IGB Construction Sdn Bhd, Jurutama Sdn Bhd dan Mudajaya Construction Sdn Bhd. Ketiga-tiga syarikat pembinaan yang gigih ini bergabung pada tahun 1983 dalam usaha untuk bersaing secara lebih berkesan dengan pesaing-pesaing asing yang lebih besar.

Jurutama dan Mudajaya, diasaskan oleh jurutera generasi pertama negara untuk menjadi kontraktor, membawa bersama mereka profesionalisme dan sistem pengurusan ke dalam kumpulan pembinaan bernilai RM 46 juta yang baru ditubuhkan ketika itu, membolehkannya mendapat kepercayaan dan tempat dalam pasaran.

Hari ini, IJM diiktiraf sebagai salah sebuah daripada sebilangan kecil syarikat-syarikat bebas yang dikelolakan secara profesional di Malaysia dengan rekod prestasi yang cemerlang dalam pasaran tempatan dan antarabangsa; fakta yang diketahui sejauhnya oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan yang menganugerahkan ke atas syarikat, Anugerah Kontraktor Antarabangsa Malaysia bagi Tahun 2000 dan Anugerah Jurubina Malaysia bagi Tahun 2001.

IJM berjaya melonjak berlipat kali ganda sepanjang dua dekad yang lepas disebabkan strategi kami membina di atas kekompetenan teras kami sambil berkembang ke dalam bidang-bidang baru perniagaan terpilih.

Kami mengorak langkah pertama ke dalam pembangunan harta kerana terpaksa semasa kemelesetan pada pertengahan tahun-tahun 1980an apabila Kerajaan menyediakan tanah untuk syarikat-syarikat pembinaan membina rumah-rumah kos rendah dan sederhana secara besar-besaran di bawah program penswastaan. Bermula dari

situ, bahagian harta berkembang menjadi sebahagian besar daripada perniagaan kumpulan.

Begitu juga, IJM mengambil peluang menukar perniagaan bahan binaan dalamannya menjadi kegiatan teras apabila permintaan di luar Kumpulan meningkat dengan ketaranya.

Kami mempelbagai ke dalam perladangan pada tahun 1984 dalam satu usaha untuk mengurangkan sifat kekitaran pendapatan daripada bahagian pembinaan. Pelaburan kami dalam perladangan mendatangkan hasil memandangkan bahagian ini telah membantu menampung pendapatan kumpulan ketika masa-masa meruncing seperti krisis kewangan Asia baru-baru ini.

IJM juga berjaya mencebur pasaran luar negara dengan melabur dalam projek-projek infrastruktur besar seperti Guangdong Provincial Expressway di China, projek Western Access Tollway di Argentina, projek-projek lebuhraya di India dan loji rawatan air di Vietnam. Hari ini, bahagian infrastruktur menyumbang dengan banyaknya kepada pendapatan kami.

IJM menjadi syarikat awam pada 1986 dengan permodalan pasaran sebanyak RM66 juta dan aset berjumlah RM172 juta. Kami mempunyai penghormatan dengan menjadi salah sebuah daripada sebilangan kecil syarikat-syarikat tersenarai pada Bursa Saham Kuala Lumpur yang menikmati pertumbuhan kukuh dan keuntungan tidak terganggu. Setakat 31 Disember 2001, Kumpulan mempunyai permodalan pasaran dan jumlah aset masing-masing sebanyak RM1.5 bilion dan RM2.3 bilion. IJM akan berusaha untuk mengekalkan momentum pertumbuhan ini hingga ke Abad 21.

## Polisi Perniagaan dan Komitmen Kami

Pengendalian perniagaan kami dipandukan oleh komitmen kukuh ke arah mutu produk; keselamatan, kesihatan dan alam sekitar; pelakuan beretika; kebijikan kakitangan; tanggungjawab sosial; urus tadbir korporat yang baik; dan memaksimumkan pulangan kepada kesemua pemegang kepentingan.







Kami komited kepada:

- Mutu produk dan perkhidmatan kami dan nilai diberi kepada pelanggan-pelanggan kami;
- Memupuk perhubungan menguntungkan semua pihak dengan kesemua pelanggan kami agar kepercayaan dan hormat menghormati akan melanjutkan lagi perhubungan kami.
- Mencapai matlamat kami untuk operasi tanpa kemalangan, penghapusan bahaya kesihatan pekerjaan dan memastikan tidak ada kerosakan kekal kepada alam sekitar;
- Menjadi warga korporat yang baik dengan menghormati kedaulatan undang-undang dalam apa jua perniagaan dan dalam mana-mana negeri kami beroperasi.
- Mewujudkan persekitaran kerja di mana terdapat kepercayaan dan hormat menghormati antara satu sama lain, dalam mana kepelbagai dan kemasukan dinilai dan sumbangsih diiktiraf dan diberi ganjaran berpadanan.
- Memastikan bahawa kebijikan kakitangan kami diambil kira pada sepanjang masa manakala kami mengusahakan objektif perniagaan.
- Mengurus prestasi kewangan kami untuk memaksimumkan pulangan jangka panjang kepada pemegang kepentingan - pelabur, kakitangan, pelanggan, pembiutang dan kerajaan;
- Berada di hadapan dalam mengusahakan urus tadbir korporat yang baik.

## Sorotan Kewangan Kumpulan

|  | 2001<br>RM'000 | 2000<br>RM'000 | 1999<br>RM'000 | 1998<br>RM'000 | 1997<br>RM'000 |
|--|----------------|----------------|----------------|----------------|----------------|
| <b>HASIL KENDALIAN*</b>                              |                |                |                |                |                |
| Pembinaan  | 628,314        | 621,377        | 612,122        | 636,462        | 883,900        |
| Pembangunan harta                                    | 148,575        | 97,247         | 252,594        | 180,226        | 202,207        |
| Perkilangan dan pengkuarian                          | 237,711        | 188,708        | 155,607        | 132,962        | 230,957        |
| Perlادangan  | 72,554         | 65,123         | 114,964        | 158,269        | 140,849        |
| Infrastruktur  | 80,068         | 98,020         | 56,336         | 31,467         | 6,128          |
| Pelaburan & Lain-lain                                | 18,914         | 24,149         | 18,345         | 9,130          | 11,514         |
|  | 1,186,136      | 1,094,624      | 1,209,968      | 1,148,516      | 1,475,555      |
| <b>KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI</b>                      |                |                |                |                |                |
| Pembinaan  | 86,599         | 64,040         | 42,083         | 15,247         | 28,349         |
| Pembangunan harta                                    | 16,873         | 13,411         | 25,864         | 8,527          | 22,672         |
| Perkilangan dan pengkuarian                          | 17,378         | 11,718         | 8,693          | (8,472)        | 11,271         |
| Perlادangan  | 6,796          | 4,792          | 24,314         | 40,025         | 36,602         |
| Infrastruktur  | 99,293         | 27,911         | 36,230         | 15,023         | 5,700          |
| Pelaburan & lain-lain                                | (16,530)       | (2,916)        | 2,247          | 393            | (10,794)       |
|  | 210,409        | 118,956        | 139,431        | 70,743         | 93,800         |
| <b>KEUNTUNGAN BOLEH DIAGIH KEPADA PEMEGANG SAHAM</b> |                |                |                |                |                |
|  | 168,998        | 76,773         | 117,676        | 39,130         | 63,234         |
| <b>MODAL SAHAM YANG DITERBITKAN</b>                  |                |                |                |                |                |
|  | 352,723        | 351,517        | 345,966        | 342,090        | 342,072        |
| <b>DANA PEMEGANG SAHAM</b>                           |                |                |                |                |                |
|  | 1,320,641      | 1,205,851      | 1,113,479      | 1,002,532      | 965,991        |
| <b>JUMLAH ASET</b>                                   |                |                |                |                |                |
|  | 2,289,922      | 2,262,011      | 2,050,274      | 1,969,561      | 1,918,291      |
| <b>PENDAPATAN SESAHAM (Asas)</b>                     | Sen            | 48.0           | 21.9           | 34.2           | 11.4           |
| <b>DIVIDEN KASAR SESAHAM</b>                         | Sen            | 20.0           | 8.0            | 6.0            | 5.0            |
| <b>ASET KETARA BERSIH SESAHAM</b>                    | RM             | 3.62           | 3.26           | 3.05           | 2.84           |
|  |                |                |                |                | 2.73           |
| <b>PULANGAN KE ATAS ASET KESELURUHAN</b>             | %              | 7.38           | 3.39           | 5.74           | 1.99           |
| <b>PULANGAN ATAS EKUITI</b>                          | %              | 12.80          | 6.37           | 10.57          | 3.90           |
| <b>PENGGEARAN (Hutang/Ekuiti)</b>                    | %              | 14.14          | 30.57          | 29.54          | 48.69          |
| <b>HARGA SAHAM</b>                                   |                |                |                |                |                |
| Tinggi   | RM             | 4.60           | 4.42           | 3.46           | 2.45           |
| Rendah   | RM             | 2.27           | 2.56           | 1.86           | 0.60           |
| Tutup  | RM             | 4.26           | 2.66           | 3.08           | 2.39           |
|  |                |                |                |                | 1.29           |
| <b>HARGA WARAN</b>                                   |                |                |                |                |                |
| Tinggi   | RM             | 1.51           | 1.69           | -              | -              |
| Rendah   | RM             | 0.60           | 0.70           | -              | -              |
| Tutup  | RM             | 1.29           | 0.73           | -              | -              |

\* Termasuk bahagian hasil syarikat bersekutu dan usahasama





**STRUKTUR  
KUMPULAN**



## PEMBINAAN

### IJM Construction Sdn Bhd

- Anak-anak Syarikat
  - IJM Building Systems Sdn Bhd
  - Jurutama Sdn Bhd
  - Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd
- Syarikat-syarikat Bersekutu
  - Hexacon Construction Pte Ltd
  - Integrated Water Services (M) Sdn Bhd
  - THB-IJM Joint Venture Sdn Bhd

### Nilai Cipta Sdn Bhd

- Syarikat Bersekutu
  - Deltabumi Sdn Bhd



## HARTA

### IJM Properties Sdn Bhd

- Anak-anak Syarikat
  - Chen Yu Land Sdn Bhd
  - IJM Management Services Sdn Bhd
  - Jalinan Masyhur Sdn Bhd
  - Liberty Heritage Sdn Bhd
  - Suria Bistari Development Sdn Bhd
  - Wedec Sdn Bhd
  - Xylocorp Sdn Bhd
- Syarikat Bersekutu
  - Worldwide Venture Sdn Bhd

### IJM Australia Pty Ltd

- Billmex Pty Ltd
  - Syarikat Bersekutu
    - Quay Link Enterprise Pty Ltd
- Syarikat Bersekutu
  - Jelutong Development Sdn Bhd



## INDUSTRI

### Malaysian Rock Products Sdn Bhd

- Anak-anak Syarikat
  - Aggregate Marketing Sdn Bhd
  - Azam Ekuiti Sdn Bhd
  - Bohayn Industries Sdn Bhd
  - Damansara Rock Products Sdn Bhd
  - Kemena Industries Sdn Bhd
  - Scaffold Master Sdn Bhd
  - Strong Mixed Concrete Sdn Bhd
- Syarikat-syarikat Bersekutu
  - Batu Kenangan Sdn Bhd
  - Kuang Rock Products Sdn Bhd

### Torsco Berhad

- Syarikat-syarikat Bersekutu
  - Cofreth (M) Sdn Bhd
  - Industrial Concrete Products Berhad
  - Sin Kean Boon Group Berhad
  - Spirolite (M) Sdn Bhd



## PERLADANGAN

### IJM Plantations Sdn Bhd

- Anak-anak Syarikat
  - Berakan Maju Sdn Bhd
  - Desa Talisai Sdn Bhd
- Anak-anak Syarikat
  - Cahaya Adil Sdn Bhd
  - Desa Talisai Palm Oil Mill Sdn Bhd
  - Firdana Corporation Sdn Bhd
  - Gerbang Selasih Sdn Bhd
  - Sihat Maju Sdn Bhd
  - Dynasive Enterprise Sdn Bhd
  - Excellent Challenger (M) Sdn Bhd
- Anak-anak Syarikat
  - Ampas Maju Sdn Bhd
  - Gapas Mewah Sdn Bhd
  - Golden Grip Sdn Bhd
  - Kulim Mewah Sdn Bhd
  - Laserline Sdn Bhd
  - Rantajasa Sdn Bhd
  - Sri Kilau Sdn Bhd
  - Gunaria Sdn Bhd
  - IJM Agri Services Sdn Bhd
  - Rakanan Jaya Sdn Bhd
- Anak Syarikat
  - Isu Mutiara Sdn Bhd
  - Sabang Mills Sdn Bhd
  - Sijas Plantations Sdn Bhd

### Syarikat-syarikat Bersekutu

- Cekap Tropikal Sdn Bhd
- Loongsyn Sdn Bhd
- Minat Teguh Sdn Bhd
  - Akrab Perkasa Sdn Bhd
- Trunkline Plantations Sdn Bhd



## INFRASTRUKTUR & LAIN-LAIN

### IJM International Limited

- Syarikat Bersekutu
  - OSW Properties Pty Ltd
- IJM International (BVI) Pty Ltd
  - Syarikat-syarikat Bersekutu
    - Avillion Hotels International (Sydney) Pty Limited
    - Reliance-OSW (Nominees) Pty Ltd

### IJM Overseas Ventures Sdn Bhd

- Syarikat Bersekutu
  - Earning Edge Sdn Bhd

### IJM Investments (M) Limited

- IEMCEE Infra (Mauritius) Limited
  - Gautami Power Limited
- IJMII (Mauritius) Limited
  - IJM (India) Infrastructure Limited

- Syarikat-syarikat Bersekutu
  - CIDB Inventures Sdn Bhd
  - Emas Utilities Corporation Sdn Bhd
  - Grupo Concesionario del Oeste S. A.
  - Inversiones E Inmobiliaria Sur Sur S. A.
  - JWS Projects Sdn Bhd
  - Masscorp-Chile Sdn Bhd

*Nota: Syarikat-syarikat lengai tidak dimasukkan.*

## Penyata Nilai Ditambah & Pengagihan

|  | 2001<br>RM'000 | 2000<br>RM'000 |
|--|----------------|----------------|
| <b>Nilai ditambah:</b>                                     |                |                |
| Hasil  | 857,391        | 615,848        |
| Pembelian barang & perkhidmatan                            | (652,982)      | (457,674)      |
| Nilai ditambah oleh Kumpulan                               | 204,409        | 158,174        |
| Bahagian keuntungan syarikat bersekutu                     | 22,351         | 55,383         |
| Bahagian keuntungan ekuiti kawalan bersama                 | 12,966         | 10,244         |
| Peruntukan bagi penurunan dalam nilai syarikat bersekutu   | (47,000)       | -              |
| Laba atas pelupusan pelaburan                              | 122,257        | -              |
| Pendapatan pelaburan lain                                  | 3,415          | 489            |
| Jumlah nilai ditambah                                      | <b>318,398</b> | <b>224,290</b> |
| <b>Pengagihan</b>  |                |                |
| Kepada kakitangan  |                |                |
| - Gaji dan lain-lain kos kakitangan                        | 55,774         | 49,106         |
| Kepada Kerajaan  |                |                |
| - Cukai  | 34,418         | 30,421         |
| Kepada pembekal modal                                      |                |                |
| - Dividen  | 50,690         | 28,655         |
| - Kos kewangan   | 27,769         | 35,426         |
| - Kepentingan minoriti                                     | 6,993          | 11,762         |
| Disimpan untuk pelaburan semula & pertumbuhan masa hadapan |                |                |
| - Susut nilai  | 24,446         | 20,802         |
| - Keuntungan tertahan                                      | 118,308        | 48,118         |
| Jumlah diagihkan   | <b>318,398</b> | <b>224,290</b> |

Nilai ditambah adalah ukurankekayaan terbentuk. Penyata di atas menunjukkan nilai ditambah Kumpulan bagi 2001 dan 2000 dan pengagihannya melalui bayaran kepada kakitangan, kerajaan dan pembekal-pembekal modal, dengan baki disimpan dalam Kumpulan bagi pelaburan semula dan pertumbuhan masa hadapan.

## Maklumat bagi Pelabur-pelabur

### PROSPEK 2002

Sebagaimana diterangkan dalam Penyata Pengerusi dan Tinjauan Operasi Pengarah Urusan Kumpulan dalam laporan tahunan ini, Kumpulan yakin dapat memberi prestasi yang baik bagi tahun semasa.

### TAHUN BERSEJARAH 2001

Saham Syarikat menunjukkan prestasi yang baik pada 2001 mengatasi Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) yang agak muram. Sepanjang tahun, saham IJM naik daripada RM2.66 kepada RM4.26 mencatat laba sebanyak 60.15% manakala KLCI hanya mampu mencatat 2.4% kenaikan. Pada keseluruhan IJM mengakhiri tahun 2001 sebagai syarikat yang menunjukkan prestasi kedua terbaik di BSKL.


### TOP 10 KLCI component stocks that most outperformed the index

| KL COMPOSITE INDEX STOCK  | 26/12/00 | 31/12/01 | DIFF (%) | INDEX BY (%) |
|---------------------------|----------|----------|----------|--------------|
|                           | 679.64   | 696.09   | 2.42     |              |
| 1 Proton                  | RM4.66   | RM8.05   | 72.75    | 68.67        |
| 2 IJM Corp                | RM2.66   | RM4.26   | 60.15    | 56.37        |
| 3 IOI Corp                | RM2.55   | RM3.84   | 50.59    | 47.03        |
| 4 Road Builder            | RM2.99   | RM4.50   | 50.50    | 46.94        |
| 5 Petronas Dagangan       | RM2.86   | RM4.22   | 47.55    | 44.06        |
| 6 Magnum                  | RM1.46   | RM2.13   | 45.89    | 42.44        |
| 7 Bandar Raya Devts       | RM0.85   | RM1.23   | 44.71    | 41.29        |
| 8 M'sian Ind Devt Finance | RM0.67   | RM0.96   | 43.61    | 40.22        |
| 9 Tan & Tan Devts         | RM0.88   | RM1.24   | 40.91    | 37.58        |


The Edge 14 Jan 2002

ANALYST DATA SOURCE

### Saham IJM berbanding KLCI



### Waran IJM berbanding KLCI



### ESOS DAN WARAN IJM

Pelabur-pelabur boleh merujuk kepada Nota 7 dan 8 Laporan Pengarah untuk maklumat terperinci.

### KHIDMAT PELABUR

Kumpulan menyenggara laman web dinamik (<http://www.ijm.com>) yang memberikan maklumat mengenai operasi dan perkembangan terkini Kumpulan. Untuk maklumat selanjutnya, anda boleh menghubungi:-

En Jeremie Ting Keng Fui  
Jabatan Perkhidmatan Korporat  
Tel: 03-79558122  
Fax: 03-79550745  
E-mail: jt@ijm.com.my

## Analisis Pemegangan Saham

Pada 29 Mac 2002

|                              |   |   |
|------------------------------|---|---|
| Modal Saham Dibenarkan       | : | RM1,000,000,000                           |
| Modal Diterbitkan & Berbayar | : | RM362,477,654                             |
| Kelas Saham                  | : | Saham-saham biasa bernilai RM1.00 sesaham |
| Hak Mengundi                 |   |   |
| Atas unjukan tangan          | : | 1 undi                                    |
| Atas undian secara pol       | : | 1 undi bagi setiap saham dipegang         |

### PENGAGIHAN PEMEGANGAN SAHAM

#### Julat Pemegangan Saham

|   | Bilangan Pemegang Saham | Bilangan Saham | Peratusan Modal Diterbitkan |
|---|-------------------------|----------------|-----------------------------|
| Kurang dari 1,000                                     | 323                     | 91,846         | 0.03%                       |
| 1,000 – 10,000  | 3,647                   | 10,517,402     | 2.90%                       |
| 10,001 – 100,000                                      | 653                     | 22,912,452     | 6.32%                       |
| 100,001 - hingga kurang daripada 5% saham diterbitkan | 359                     | 259,301,020    | 71.53%                      |
| 5% dan ke atas saham diterbitkan                      | 2                       | 69,654,934     | 19.22%                      |
|   | 4,984                   | 362,477,654    | 100.00%                     |

### DAFTAR PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM UTAMA

|   | Bilangan Saham |                      | Peratusan Modal |
|---|----------------|----------------------|-----------------|
|   | Langsung       | Kepentingan Dianggap | Diterbitkan     |
| 1. Dato'Tan Chin Nam                      | -              | 70,982,534           | 19.58%          |
| 2. Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja | 19,510,000     | -                    | 5.82%           |
| 3. IGB Corporation Berhad                 | 12,903,600     | 58,078,934           | 19.58%          |
| 4. Permodalan Nasional Berhad             | 21,576,000     | -                    | 5.95%           |
| 5. Riraiance Enterprise Sdn Bhd           | 48,078,934     | -                    | 13.26%          |
| 6. Robert Tan Chung Meng                  | -              | 70,982,534           | 19.58%          |
| 7. Tan & Tan Developments Berhad          | -              | 70,982,534           | 19.58%          |
| 8. The Capital Group Companies, Inc.      | -              | 21,894,897           | 6.04%           |
| 9. Yayasan Pelaburan Bumiputra            | -              | 21,576,000           | 5.95%           |

### TIGA PULUH PEMEGANG SAHAM TERBESAR

|   | Bilangan Saham | Peratusan Modal Diterbitkan |
|---|----------------|-----------------------------|
| 1. HSBC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Akaun Sekuriti Disandarkan bagi Riraiance Enterprise Sdn Bhd                                    | 48,078,934     | 13.26%                      |
| 2. Permodalan Nasional Berhad   | 21,576,000     | 5.95%                       |
| 3. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd - Emerging Markets Growth Fund   | 16,512,714     | 4.56%                       |
| 4. Arab-Malaysian Nominees (Tempatan) Sdn Bhd<br>- Akaun Sekuriti Disandarkan bagi IGB Corporation Berhad (Bk 7/786-2)                | 12,903,600     | 3.56%                       |
| 5. Malaysia Nominees (Tempatan) Sdn Bhd<br>- Akaun Sekuriti Disandarkan bagi Intercontinental Aviation Services Sdn Bhd (01-0075-000) | 10,000,000     | 2.76%                       |
| 6. Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja   | 8,422,000      | 2.32%                       |
| 7. Malaysia Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (MLF)  | 6,989,000      | 1.93%                       |
| 8. Mayban Securities Nominees (Tempatan) Sdn Bhd<br>- Phileo Allied Credit & Leasing untuk Salient Growth Sdn Bhd                     | 5,000,000      | 1.38%                       |
| 9. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd - JPMCB untuk Fleming Flagship Asian Opportunities Fund  | 4,961,000      | 1.37%                       |
| 10. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd<br>- BNY Brussels untuk The State Teachers Retirement System of Ohio (Genesis Asst Mg)              | 4,750,000      | 1.31%                       |
| 11. Cartabon Nominees (Asing) Sdn Bhd<br>- Nordea Bank Damark A/S untuk Uni-Invest Engros Asiatiske Aktier (3297)                     | 4,200,000      | 1.16%                       |
| 12. Malaysia Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (MLF2)                                      | 4,037,000      | 1.11%                       |
| 13. AM Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (A/C 1)   | 3,184,000      | 0.88%                       |
| 14. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd - BBH and Co Boston untuk GMO Emerging Markets Fund   | 3,051,000      | 0.84%                       |
| 15. Citicorp Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Prudential Assurance Malaysia Berhad (Par Fund)  | 2,743,332      | 0.76%                       |
| 16. Universal Trustee (Malaysia) Berhad - Mayban Unit Trust Fund  | 2,697,000      | 0.74%                       |
| 17. Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Skim Amanah Saham Nasional  | 2,601,000      | 0.72%                       |
| 18. AM Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Pertubuhan Keselamatan Sosial  | 2,503,000      | 0.69%                       |
| 19. Citicorp Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Aetna Universal Insurance Berhad (INV-IL PAR)  | 2,500,000      | 0.69%                       |
| 20. Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Sekim Amanah Saham Bumiputera   | 2,365,294      | 0.65%                       |
| 21. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd - Abu Dhabi Investment Authority  | 2,161,000      | 0.60%                       |
| 22. Citicorp Nominees (Asing) Sdn Bhd<br>- TNTC unter Government of Singapore Investment Corporation Pte Ltd                          | 2,015,000      | 0.56%                       |
| 23. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd<br>- BNY Brussels untuk The State Teachers Retirement System of Ohio (Sanford Emerg)                | 1,938,000      | 0.53%                       |
| 24. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd - Capital International Emerging Markets Investment Fund  | 1,921,000      | 0.53%                       |
| 25. Malaysia Nominees (Asing) Sdn Bhd<br>- Oversea-Chinese Bank Nominees Pte Ltd untuk Greatlink Asean Growth Fund (9011D)            | 1,889,000      | 0.52%                       |
| 26. Citicorp Nominees (Asing) Sdn Bhd - CB LDN untuk Stiching Shell Pensionfonds  | 1,850,000      | 0.51%                       |
| 27. DB (Malaysia) Nominee (Asing) Sdn Bhd - DB GCS London untuk Credit Lyonnais (OPCVM.FCP)   | 1,813,000      | 0.50%                       |
| 28. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd - Genesis Malaysia Maju Fund Limited  | 1,744,000      | 0.48%                       |
| 29. Amanah Raya Berhad - Tabung Ittikal Arab-Malaysian  | 1,725,000      | 0.48%                       |
| 30. Glenfield Enterprise Sdn Bhd  | 1,621,000      | 0.45%                       |
|   | 187,751,874    | 51.80%                      |

## Analisis Pemegangan Waran

Pada 29 Mac 2002

Waran 2000/2004 : RM79,845,930 belum ditukar

### PENGAGIHAN PEMEGANGAN WARAN

#### Julat Pemegangan Waran

|   | Bilangan Pemegang Waran | Bilangan Waran | Peratusan Waran Belum Ditukar |
|---|-------------------------|----------------|-------------------------------|
| Kurang dari 1,000                                     | 228                     | 81,201         | 0.10%                         |
| 1,000 – 10,000  | 2,538                   | 5,714,665      | 7.16%                         |
| 10,001 – 100,000                                      | 246                     | 8,675,636      | 10.87%                        |
| 100,001 - hingga kurang daripada 5% waran diterbitkan | 87                      | 42,673,342     | 53.44%                        |
| 5% dan ke atas waran diterbitkan                      | 3                       | 22,701,086     | 28.43%                        |
|   | 3,102                   | 79,845,930     | 100.00%                       |

### TIGA PULUH PEMEGANG WARAN TERBESAR

|  | Bilangan Waran | Peratusan Waran Belum Ditukar |
|--|----------------|-------------------------------|
| 1. Riraiance Enterprise Sdn Bhd  | 10,768,828     | 13.49%                        |
| 2. Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja  | 6,653,200      | 8.33%                         |
| 3. Permodalan Nasional Berhad  | 5,279,058      | 6.61%                         |
| 4. Sow Cheng Kow   | 3,000,000      | 3.76%                         |
| 5. IGB Corporation Berhad  | 2,886,000      | 3.61%                         |
| 6. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd - Emerging Markets Growth Fund  | 2,432,542      | 3.05%                         |
| 7. Intercontinental Aviation Services Sdn Bhd  | 2,237,000      | 2.80%                         |
| 8. Glenfield Enterprise Sdn Bhd  | 1,916,000      | 2.40%                         |
| 9. Arab-Malaysian Nominees (Tempatan) Sdn Bhd<br>- Arab-Malaysian Trustee Bhd untuk HLB Penny Stock Fund (5/4-3)         | 1,786,000      | 2.24%                         |
| 10. Tan Boon Seng @ Krishnan   | 1,543,000      | 1.93%                         |
| 11. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd - HSBCIT HK untuk JF Malaysia Fund   | 1,500,000      | 1.88%                         |
| 12. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd - BNY Brussels untuk JF Asean Fund   | 1,250,000      | 1.57%                         |
| 13. Mayban Securities Nominees (Tempatan) Sdn Bhd<br>- Phileo Allied Credit & Leasing untuk Salient Growth Sdn Bhd       | 1,000,000      | 1.25%                         |
| 14. Goh Chey Koon  | 986,000        | 1.23%                         |
| 15. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd<br>- BNY Brussels untuk The State Teachers Retirement System of Ohio (Genesis Asst Mg) | 950,000        | 1.19%                         |
| 16. Mayban Securities Nominees (Tempatan) Sdn Bhd<br>- Akaun Sekuriti Disandarkan bagi Choo Thye (Rem 890-Margin)        | 750,000        | 0.94%                         |
| 17. Ooi Poay Lum   | 735,000        | 0.92%                         |
| 18. Tengku Uzir Bin Tengku Ubaidillah  | 731,000        | 0.92%                         |
| 19. Universal Trustee (Malaysia) Berhad - BHLB Pacific Emerging Companies Growth Fund                                    | 709,000        | 0.89%                         |
| 20. Soo Heng Chin  | 580,000        | 0.73%                         |
| 21. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd - RBC Noms SG untuk Asian Dragon Worldwide Ltd   | 569,000        | 0.71%                         |
| 22. Mayban Securities Nominees (Tempatan) Sdn Bhd<br>- Akaun Sekuriti Disandarkan untuk Velayuthan A/L Tan Kim Song      | 551,600        | 0.69%                         |
| 23. Norwest Corporation Sdn Bhd  | 516,000        | 0.65%                         |
| 24. Seah Hong Ghee (@ Chair Kow  | 514,000        | 0.64%                         |
| 25. Lim Yong Keat  | 507,000        | 0.63%                         |
| 26. Takaful Nasional Sdn Bhd   | 500,000        | 0.63%                         |
| 27. AAA Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Akaun Sekuriti disandarkan bagi Lim Hwa Yew  | 490,000        | 0.61%                         |
| 28. DB (Malaysia) Nominee (Asing) Sdn Bhd - DB GCS London untuk Credit Lyonnais (OPCVM.FCP)                              | 485,800        | 0.61%                         |
| 29. Ee Ching Wah   | 460,000        | 0.58%                         |
| 30. BHLB Trustee Berhad - TA Comet Fund  | 445,000        | 0.56%                         |
|  | 52,731,028     | 66.05%                        |

## Pemegangan Saham & Pemegangan Waran Para Pengarah

Pada 12 April 2002

| Nama Pengarah  | Bilangan Saham Langsung | Bilangan Saham Dianggap | Peratusan Modal Diterbitkan | Bilangan Waran Langsung | Bilangan Waran Dianggap | Peratusan Waran Belum Ditukar |
|--|-------------------------|-------------------------|-----------------------------|-------------------------|-------------------------|-------------------------------|
| Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin | -                       | 45,000 <sup>1</sup>     | 0.012%                      | 31,000                  | 8,200 <sup>1</sup>      | 0.05%                         |
| Tan Boon Seng @ Krishnan                                       | 750,698                 | 357,6                   |                             |                         |                         |                               |

## Diari Korporat

### 5 Januari PENYAMPAIAN SIJIL OHSAS

IJM Corporation Berhad dan anak syarikat milik penuhnya IJM Construction Sdn Bhd menjadi syarikat Malaysia pertama dalam Industri Pembinaan untuk menerima Sijil Pengesahan Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan di bawah pensijilan OHSAS 18001:1999 oleh SIRIM. Anugerah telah disampaikan oleh Pengurus SIRIM QAS Sdn Bhd Y. Bhg. Dato' Dr Mohd Ariffin bin Haji Aton kepada Pengarah Urusan Kumpulan IJM, En Krishnan Tan dan telah disaksikan oleh Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Dr Fong Chan Onn di Sheraton Hotel, Subang Jaya.



### 17 Januari PEMERIAN KONTRAK JALAN LINGKARAN BANDAR U4

IJM Corporation Berhad berjaya memperolehi Kontrak Rekabentuk dan Bina Jumlah Sekaligus Tetap Bayaran Tertunda untuk RM470 juta daripada Kerajaan Malaysia bagi pembinaan Jalan Pengagih Utama di Putrajaya. Lebuhraya sepanjang 15.2km terdiri daripada 2 persimpangan keluar penuh, 1 persimpangan trumpet, 1 persimpangan berlian, 1 tanjakan berarah, 1 silang tegak ERL, 3 silang tegak sungai, 2 silang tegak kolam, 2 jalan bawah dan 1 laluan atas.

### 23 Februari PENSIJILAN ISO 9002

IJM Building Systems Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh IJM Construction Sdn Bhd, telah dianugerahkan pensijilan MS ISO 9002:1994 oleh SIRIM.



### 6 Jun PROJEK BOT TADA-NELLORE – UPACARA PECAH TANAH

Upacara pecah tanah telah dirasmikan oleh YB Dato Seri S. Samy Vellu, Menteri Kerjaraya Malaysia dan Mejar Jeneral (Bersara) B.C. Khanduri, Menteri Negeri, Jalan, Pengangkutan dan Lebuhraya India bagi lebuhraya empat lorong di antara Tada-Nellore (NH5) dan dari Vijayawada-Nandigama (NH9) atas dasar Bina-Kendali-Pindah dengan tempoh konsesi 30 tahun.

### 29 Januari PENBERIAN KONTRAK PEJABAT KERAJAAN PUTRAJAYA

Usahasama Norwest – Orbtech – IJM telah diberi kontrak bernilai RM229 juta bagi pembinaan dan penyiapan 4 blok Pejabat Kerajaan. Terletak di atas sebahagian daripada Lot PT III Kawasan 1 Pembangunan Putrajaya, bangunan-bangunan pejabat terdiri daripada blok menara 8 hingga 13 tingkat dan dijadual akan siap menjelang awal 2003.

### 3 Mac RIANA GREEN FASA III – PEMILIKAN KOSONG

Pembeli-pembeli dan residen berkumpul di dek kolam melata untuk meraikan penyiapan Fasa III – 14 bulan lebih awal daripada jadual. Orang ramai telah dijamu makanan, minuman, muzik dan menyanyi karaoke. Terdapat juga cabutan bertuah.

### 28 April PEMBANGUNAN SANDAKAN MENJADI PUSAT UTAMA BAGI PEMPROSESAN MINYAK SAWIT DAN PASARAN EKSPORT DI SABAH

Penyampaian mengenai "Pembangunan Sandakan menjadi pusat utama bagi pemprosesan minyak sawit dan pasaran eksport di Sabah" telah dibuat oleh Pengarah Eksekutif Kumpulan IJM, En Velayuthan Tan di Wisma IJM Plantations. Penyampaian, dipengerusikan oleh YB Datuk Musa Haji Aman, Menteri Kewangan, Sabah, telah dihadiri oleh YB Datuk Anifah bin Hj Aman (Timbalan Menteri Perusahaan Utama Malaysia), Y. Bhg. Datuk Mark Koding (Pengerusi Pihak Berkua Pelabuhan Sabah) dan YB Datuk Lau Ngan Siew (MP Sandakan), antara lain.

### 18 Jun IJM MEMPEROLEHI SATU LAGI PROJEK PUTRAJAYA YANG BERPRESTIJ

IJM berjaya mendapat projek Kontrak Rekabentuk dan Bangunan, Pusat Konvensyen Putrajaya yang berprestij. Ini adalah satu daripada beberapa projek diperolehi oleh Kumpulan dalam tahun yang merupakan tahun cemerlang setakat mana pemerolehan projek-projek adalah berkenaan. Skop kerja terdiri daripada 2 aras besmen tempat letak kereta dan kemudahan konvesyen bertingkat-tingkat yang termasuk 2,880 keupayaan tempat duduk Dewan Plenary, Dewan Bankuet bulat, Dewan Konferensi Ketua Kerajaan Negeri peringkat tinggi, 2 dewan Pameran pelbagai kegunaan, bilik-bilik mesyuarat dan dewan konferensi pelbagai saiz dan lain-lain kemudahan sampingan.

### 31 Julai BINH AN DIANUGERAHKAN PENSIJILAN ISO 9001

Binh An Water Corporation Limited (BAWC) mendapat penghormatan unik dengan menjadi syarikat infrastruktur "Bina-Kendali-Pindah" yang pertama di Vietnam yang memperoleh pensijilan berprestij ISO 9001 : 2000.



### 8 Ogos PERLUMBAAN BSKL "RAT RACE"

Pada suatu petang di bawah sinaran matahari, lebih daripada 200 tokoh korporat, ada yang berpakaian kerja yang lengkap menggoyangkan punggung dan menghayangkan anggota badan menyertai perlumbaan BSKL Ke 2. Berserta dengan sorakan "We are blue, we are white, we are IJM....!" daripada pasukan sorak kami yang kesemuanya memakai pakaian skirt dan baju tenis yang sepadan, pasukan IJM berlumba habis-habisan dan muncul sebagai pemenang dalam acara berpasukan.



### 17 Ogos "BANGUNAN UNTUK MASA DEPAN"

IJM Properties Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh IJM Corporation Berhad menandatangani Memorandum Persefahaman dengan HICOM Teleservices Sdn Bhd untuk bersama membina infrastruktur Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) yang lebih dikenali sebagai e-Condo. Langkah ini akan membolehkan IJMP untuk menyediakan infrastruktur ICT untuk Akses Internet dan perkhidmatan nilai ditambah berkaitan dalam projek pembangunan komersil dan kediaman kami.



### 5 – 9 September MINGGU PELABUR-PELABUR BSKL



Untuk mempertingkatkan lagi hubungan pelabur-pelabur, IJM telah turut serta dalam acara tahunan ini yang diaturkan oleh BSKL. Syarikat menghadiahkan laporan tahunan, brosur dan cenderamata kepada semua pelawat manakala Pengarah Urusan Kumpulan telah mengadakan sesi taklimat 30 minit dengan pihak Akhbar dan pengurus dana, juruanalisis penyelidikan dan pelawat-pelawat.



### 14 September ANUGERAH PEMBINAAN CIDB 2001

IJM telah menerima pengiktirafan selanjutnya daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) apabila IJM Construction Sdn Bhd mendapat anugerah Jurubina bagi Tahun 2001. Anugerah ini diterima semasa bahang Anugerah Kontraktor Antarabangsa Malaysia bagi Tahun 2000 masih dirasai.



### 15 November MoU DENGAN UMS BAGI USAHASAMA R&D DAN LATIHAN

IJM Plantations telah menandatangani MoU dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi usahasama R&D dan latihan yang membolehkan kedua-dua pihak menggunakan kekuatan dan sumber mereka masing-masing untuk faedah bersama.

## Lembaga Pengarah & Setiausaha



## Profil Para Pengarah, Setiausaha dan Pengurusan Kanan

### PENGARAH

#### TAN SRI DATO' (DR) HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN

PSM, DPMP, KMN, JP, B.Eng. (Mining) (NZ), AM (Aust)IMM, FIME(Mal), P.Eng

Y. Bhg. Tan Sri Ahmad, berusia 74 tahun, adalah Pengurus bukan-eksekutif bebas Kumpulan. Beliau menyertai lembaga IJM pada 16 April 1984.

Beliau bermula sebagai pegawai kerajaan dan kemudiannya sebagai Pemeriksa Kanan Lombong selama 14 tahun. Y. Bhg. Tan Sri Ahmad adalah juga seorang Senator (1976-1978), Speaker Dewan Undangan Negeri Perak (1978-1982), dan Ahli Dewan Negeri Daerah Belanja (1982-1986).

#### TAN BOON SENG @ KRISHNAN #^

SMS, B.Econs (Hons), CPA, CA, MBA

En Tan, berusia 50 tahun, adalah akauntan. Beliau menyertai IJM sebagai Pengawal Kewangan pada 1983 dan menyertai Lembaga sebagai Pengarah Silih Ganti pada 12 Jun 1984. Beliau telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pengarah Urusan Kumpulan pada 1 Januari 1997.

En Tan juga merupakan Pengarah bukan-eksekutif Industrial Concrete Products Berhad, MASSCORP Berhad, ABN AMRO Bank Berhad, Torsco Berhad, dan Grupo Concesionario del Oeste S.A.. Beliau adalah juga ahli Jawatankuasa Eksekutif Federation of Public Listed Companies Berhad (FPLC).

Sebelum menyertai IJM, beliau bersama dengan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad selama tujuh tahun.

#### GOH CHYE KOON #^+

KMN, B. Eng (Civil) (Hons), MIEM, P. Eng.

En Goh, berusia 53 tahun, adalah Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan IJM sejak 1 Januari 1997.

Beliau berkhidmat sebagai jurutera di Kementerian Kerjaya selama 11 tahun dan menjadi Jurutera Pengawasan sebelum menyertai IJM sebagai Jurutera Kanan pada 1984. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar (Kawasan Tengah) pada 1986 dan telah dijadikan Pengarah Silih Ganti pada 25 Julai 1995 sebelum memegang jawatan semasanya.

En. Goh adalah juga Naib Presiden Master Builders Association.

#### SOO HENG CHIN #^

B. Eng. (Civil) (Hons), MIEM, MBA

En Soo, berusia 47 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Silih Ganti pada 12 Jun 1998 dan kemudiannya sebagai Pengarah Eksekutif Kumpulan pada 17 Mei 2001. Beliau mengetuai unit pembinaan utama dalam Kumpulan dan menyelia Jabatan Pembelian & Stor, Jabatan Loji & Bengkel serta Jabatan Sistem Mutu & Keselamatan.

Sebelum menyertai IJM pada 1979 sebagai Jurutera di Mudajaya Construction Sdn Bhd, beliau adalah Jurutera dengan Jabatan Penyaliran & Pengairan, Pahang.

#### VELAYUTHAN A/L TAN KIM SONG #

M.MIN, D.DIV (India & USA)

En Velayuthan, berusia 48 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Silih Ganti pada 12 Jun 1998 dan kemudiannya sebagai Pengarah Eksekutif Kumpulan pada 17 Mei 2001. Beliau mengetuai Bahagian Perladangan Kumpulan.

Sebelum menyertai IJM pada 1985, beliau adalah Penolong Pengurus Multi-Purpose Holdings Berhad. Beliau bermula sebagai Pegawai Projek Desa Talisai Sdn Bhd dan dinaikkan pangkat menjadi Pengarah Eksekutif IJM Plantations Sdn Bhd pada 1997.

#### TAN SRI DATO' (DR) HAJI MURAD BIN MOHAMAD NOOR >\*+

PSM, DSDK, JMN, PMK, SMK, KMN, BA (Hons) (Mal), Dip.Ed.(Mal), Dip.Ed.Admin (Reading UK), Hon.D. Litt. (Reading UK), Hon.D.Ed (USM Pulau Pinang)

Y. Bhg. Tan Sri Murad, berusia 72 tahun, adalah Pengarah bukan-eksekutif bebas kanan. Beliau telah dilantik ke Lembaga pada 25 Julai 1985.

Jawatan beliau yang lepas termasuk Ketua Pengarah Pendidikan (1976-1985), Pengerusi Lembaga Pembangunan Bandar (1985-1988), Pengerusi Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (1985-1990), Pengerusi Majlis Universiti Sains Malaysia (1985-1992), dan Naib Presiden Universiti Islam Antarabangsa (1992-1995).

#### DATUK YAHYA BIN YA'ACOB >\*

PJN, DIMP, JSM, KMN, SMP, PBS, B.A. (Hons), D.P.A. (Malaya), M.B.M. (Filipina)

Y. Bhg. Datuk Yahya, berusia 58 tahun, adalah Pengarah bukan-eksekutif bebas. Beliau telah dilantik ke Lembaga pada 31 Mac 1999.

Beliau adalah juga Pengerusi Malaysian Highway Authority and Trenergy (Malaysia) Berhad serta Pengarah bukan-eksekutif UDA Holdings Berhad, Rumpun Hijau Capital Berhad, dan Torsco Berhad.

Y. Bhg. Datuk Yahya telah berada dalam perkhidmatan awam selama lebih daripada 32 tahun, setelah berkhidmat selama lima tahun yang lepas sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kerjaya sebelum beliau bersara pada 1999. Jawatan lain beliau termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan (1991-1994), Setiausaha Perbendaharaan Persekutuan (Bahagian Kontrak) (1988-1991), Timbalan Pengarah Unit Pelaksanaan & Penyelaras, Jabatan Perdana Menteri (1986-1988), dan Timbalan Setiausaha Perbendaharaan Persekutuan (Bahagian Kewangan) (1976-1986).

#### OH CHONG PENG \*

FCA, CPA

En. Oh, berusia 57 tahun, adalah Pengarah bukan-eksekutif bebas. Beliau telah dilantik ke Lembaga pada 12 April 2002.

Beliau adalah Pengerusi bukan-eksekutif Land & General Berhad, Nanyang Press Holdings Berhad dan RHB Management Company Sdn Bhd, dan merupakan Pengarah bukan-eksekutif Star Publications (Malaysia) Berhad, British American Tobacco (Malaysia) Berhad, Rashid Hussain Berhad, RHB Capital Berhad, RHB Bank Berhad, RHB Insurance Berhad, Powertek Berhad dan Renong Berhad. Beliau adalah seorang Ahli Majlis Institut Akauntan Bertauliah Malaysia (MICPA), Pemegang Amanah Huaren Education Foundation, dan seorang Ahli dilantik Kerajaan bagi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan.

Beliau adalah rakan kanan Coopers & Lybrand (kini dikenali sebagai PricewaterhouseCoopers), Malaysia dari tahun 1974 hingga persaraan beliau pada tahun 1997. Beliau mengetuai Coopers & Lybrand di London pada tahun 1969 dan di Malaysia pada tahun 1971. Beliau adalah juga Ahli Jawatankuasa dilantik Kerajaan bagi Bursa Saham Kuala Lumpur dari tahun 1990 hingga 1996, dan bekas Presiden MICPA dari tahun 1994 hingga 1996.

#### TAN SRI DATO' IR. (DR) WAN ABDUL RAHMAN BIN WAN YAACOB >\*

PSM, SPMT, DPMT, JSM, AMN, D.Eng. (h.c.) B'ham, FASc, FIEM, FICE, FIHT, FCIQB, P.Eng., C.Eng.

Y. Bhg. Tan Sri Wan Abdul Rahman, berusia 61 tahun, menyertai Lembaga pada 1 Julai 1996 dan adalah Pengarah bukan-eksekutif.

Di samping ini, beliau adalah juga Pengerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, Majlis Piawaian & Pentaulahan Malaysia, dan Persatuan Kejuruteraan Jalan Malaysia (REAM), Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad dan Lysaght Galvanized Steel Berhad. Beliau juga menganggotai lembaga sebagai Pengarah bukan-eksekutif Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Malaysia Mining Corporation Berhad, Northport Corporation Berhad, Powertek Berhad, Saujana Consolidated Berhad, dan SIME UEP Properties Berhad. Beliau juga merupakan ahli Majlis The Road Engineering Association of Asia & Australia (REAAA) dan ahli Ex-Officio The Institution of Highways and Transportation (Cawangan Malaysia).

Beliau berkhidmat dengan Kementerian Kerjaya untuk selama 32 tahun, dengan memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kerja Awam selama enam tahun yang terakhir sebelum beliau bersara pada 1996.

**DATO' GOH CHYE KEAT >**

DSPN, JSM, DJN, *Dip.Eng., P.Eng.*

Y.Bhg. Dato' Goh, berusia 61 tahun, salah seorang perintis Kumpulan, telah menjadi Pengarah bukan eksekutif sejak beliau bersara sebagai Pengarah Urusan Kumpulan IJM pada 31 Disember 1996. Beliau telah dilantik ke Lembaga pada 16 April 1984, dan menjadi Pengarah Urusan Kumpulan pada 1988.

Beliau adalah Pengarah bukan-eksekutif Industrial Concrete Products Berhad dan MASSCORP Berhad.

Y.Bhg. Dato' Goh bermula dengan Jabatan Kerja Raya dan berada di sana untuk tiga tahun sebelum menyertai Soon Tat & Co sebagai Pengurus Projek. Beliau meninggalkan Soon Tat & Co selepas tiga tahun untuk menyertai Jurutama Sdn Bhd pada 1970.

**CHOO CHOON YEOW**

*B.Eng.(Hons), FIEM, MICE, P.Eng., C.Eng.*

En Choo, berusia 58 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah bukan-eksekutif sejak beliau bersara sebagai Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan IJM pada 24 Mac 1999.

Beliau telah bersama dengan Jurutera Konsultant (M) Sdn Bhd selama 13 tahun dan merupakan Pengarah Projek sebelum menyertai IJM pada 1985 sebagai Pengurus Teknik. Dari situ, beliau dinaikkan pangkat menjadi Penyelaras Projek pada 1987, Pengarah Silih Ganti pada 1 November 1988, Pengarah pada 1994, dan Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan pada 1997.

**LAI MENG**

*B.Econs (Hons)*

En Lai, berusia 47 tahun, adalah Pengarah bukan-eksekutif IJM. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah pada 23 Jun 1994 dan adalah wakil IGB Corporation Berhad.

Beliau telah menjadi Pengarah Eksekutif IGB Corporation Berhad sejak 1995, dan Pengarah bukan-eksekutif Ipmuda Berhad.

Beliau telah bersama dengan Bank Negara Malaysia selama tujuh tahun dan adalah Pegawai Pentadbiran Kanan sebelum menyertai Hongkong Tin Corporation (M) Berhad pada 1985 sebagai Perancang Korporat, dan Kinta Kelas Investments PLC pada 1986 sebagai Pengurus Korporat. Pada 1988, beliau menyertai Tan & Tan Developments Berhad sebagai Pengurus (Hal Ehwal Korporat) sebelum dilantik sebagai Pengawal Kewangan Kumpulan pada 1989 dan Pengurus Besar (Kewangan & Pentadbiran) pada 1990. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengarah (Hal Ehwal Korporat) IGB Corporation Berhad pada 1992.

**HAJI OSMAN BIN HAJI ISMAIL**

*Adv Dip Acc*

Tuan Haji Osman, berusia 44 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah bukan-eksekutif IJM pada 5 Januari 2001. Beliau adalah wakil Permodalan Nasional Berhad ("PNB").

Beliau juga merupakan Pengarah bukan-eksekutif Gold IS Berhad, Heitech Padu Berhad, IGB Corporation Berhad dan Tan & Tan Developments Berhad.

Tuan Haji Osman yang menyertai PNB pada 1985, pada masa ini adalah Pengurus Kanan, Jabatan Audit Kewangan & Pengurusan PNB. Beliau juga merupakan ahli Institut Juruaudit Dalaman Malaysia.

**SETIAUSAHA****JEREMIE TING KENG FUI**

*MBA, FCIS, FCSM*

En Ting, berusia 45 tahun, menyertai IJM pada 1982 dan telah dilantik sebagai Setiausaha Syarikat pada 1 Julai 1994. Beliau mengetuai Jabatan Perkhidmatan Korporat.

Beliau adalah juga Setiausaha Syarikat Industrial Concrete Products Berhad.

Beliau merupakan Timbalan Presiden Malaysian Association of the Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA) untuk tahun 2002, dan adalah ahli silih ganti Jawatankuasa Eksekutif Federation of Public Listed Companies Berhad. Beliau telah dianugerahkan Anugerah Setiausaha Syarikat 2000 ROC-MAICSA (Kategori Syarikat Tersenarai).

**PENGURUSAN KANAN****LING AH HONG**

*B.Agric. Sc (Hons)*

En Ling, berusia 51 tahun, telah menjadi Pengurus Besar Bahagian Perladangan IJM sejak 1 September 1999.

Jawatan beliau yang lepas termasuk Ahli Agronomi (1979-1985) dan Pengurus, Perkhidmatan Pertanian Dunlop Estates Berhad (1986-1989), Pengurus Besar, Bahagian Perladangan (1992-1996) Malaysian Mosaics Berhad dan Ketua Pegawai Operasi-Perlادangan (1996-1998) Hap Sang Consolidated Berhad.

**LOY BOON CHEN**

*CPA, MBA*

En Loy, berusia 51 tahun, telah dilantik sebagai Pengarah Kewangan pada 1 Julai 1998. Beliau juga merupakan Pengarah bukan-eksekutif Guangdong Provincial Expressway Development Co. Limited.

Beliau mengetuai kedua-dua Jabatan Kewangan & Akaun dan Jabatan Sumber Manusia & Pentadbiran, dan adalah ahli Jawatankuasa Kecil Piawaian Perakaunan Federation of Public Listed Companies Berhad sejak 1998.

Beliau telah bersama dengan Ernst & Young untuk selama tujuh tahun. Beliau menyertai Mudajaya Construction Sdn Bhd sebagai Ketua Akauntan sebelum dinaikkan pangkat sebagai Pengawal Kewangan Kumpulan IJM pada 1994.

Beliau adalah juga ahli Jawatankuasa ESOS.

**MAH TECK OON**

*B.Eng.(Hons), P.Eng., MIEM*

En Mah, berusia 50 tahun, mengetuai Bahagian Industri IJM sejak 1 Julai 1998.

Beliau telah bersama dengan Hong Leong Group Malaysia untuk selama 15 tahun dan adalah Pengurus Besar kilang jubin seramik untuk selama 10 tahun. Beliau adalah Pengurus Besar Kanan Bahagian Produk Konkrit Hume Industries (M) Berhad sebelum menyertai IJM pada 1995 sebagai Pengurus Besar Kumpulan (Bahagian Industri).

**TEH KEAN MING**

*B.E (Civil), P.Eng. MIEM*

En Teh, berusia 47 tahun, telah dilantik sebagai Pengurus Besar Kumpulan IJM Bahagian Harta pada 1 April 2001.

Beliau adalah Jurutera Awam & Struktur Residen Malayan Banking Berhad (1983-1987) dan Pengurus Tapak Antah Biwater J.V. Sdn Bhd (1987-1989) sebelum menyertai IJM Construction Sdn Bhd sebagai Pengurus Projek (1989 - 1993), Pengurus Kanan (Projek) (1994-1997) dan Pengarah Projek (1998-2001).

## Carta Organisasi Syarikat-syarikat Kumpulan IJM

Tidak ada perhubungan keluarga di antara para Pengarah dan/atau pemegang-pemegang saham utama Syarikat kecuali seperti berikut:-

| Bil. | Nama   | Perhubungan  |
|------|--|--------------|
| 1.   | Tan Boon Seng @ Krishnan dan Velayuthan a/l Tan Kim Song | Adik beradik |
| 2.   | Dato' Goh Chye Keat dan Goh Chye Koon                    | Adik beradik |

Semua Pengarah adalah warganegara Malaysia.

Kecuali bagi Y. Bhg. Dato' Goh Chye Keat dan Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman Bin Wan Yaacob, tidak ada Pengarah mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan dengan Syarikat.


Tidak ada Pengarah telah disabitkan dengan mana-mana kesalahan kecuali bagi kesalahan trafik dalam tempoh 10 tahun yang lepas.

- # Jawatankuasa Eksekutif
- > Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan
- \* Jawatankuasa Audit
- ^ Jawatankuasa Saham
- + Jawatankuasa ESOS



**Khidmat Sokongan Kumpulan**

Kiri ke kanan: En Lee Hock Keat (Pengurus Besar - Akaun & Kewangan), En Jeremie Ting (Setiausaha Syarikat), En Velaigam a/l Doraisamy (Pengurus Kanan - Perundangan), Cik Wong Wai Li (Pengurus - Sumber Manusia & Pentadbiran) dan En Loy Boon Chen (Pengarah Kewangan).



## Penyata Pengerusi



### PENDAHULUAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah IJM Corporation Berhad, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2001.

### KEPUTUSAN KENDALIAN

Ekonomi Malaysia berubah menjadi teruk pada tahun 2001, selepas pemulihan membanggakan pada tahun-tahun 1999-2000 daripada tahun-tahun kemelesetan 1997 dan 1998. Ia mencatat kadar pertumbuhan KDNK hanya 0.4% berbanding 8.3% pada tahun 2000. Semua sektor utama dalam ekonomi, terutamanya dalam perkilangan dan perladangan, telah terjejas teruk oleh kelembapan ekonomi dunia dan kelemahan eksport berikutnya. Peristiwa 11 September di New York dan peperangan di Afghanistan memburukkan lagi keadaan, melambatkan pemulihan dalam ekonomi US dan dunia dan akhirnya, ekonomi Malaysia.

Dalam tahun 2001, kerajaan mengambil langkah-langkah melabur modal rangsangan untuk merangsang permintaan domestik bagi menampung ekonomi Malaysia yang semakin lembap. Ini termasuklah dua pakej rangsangan fiskal khas berjumlah RM7.30 bilion, untuk membolehkan sektor pembinaan menerajui pertumbuhan dalam ekonomi tempatan.

Kerajaan juga melipatkan usaha untuk menghapus kelambatan birokratik untuk mempercepatkan pelaksanaan dan penyiapan projek dengan memberi kesemua kementerian dan agensi tempoh untuk mempercepatkan bayaran kepada kontraktor-kontraktor dan pembekal-pembekal. Rangsangan fiskal pengembangan, kedua-dua cukai dan bukan cukai dan dasar kewangan yang boleh bertolak ansur telah diamalkan untuk membantu negara menghindar pertumbuhan KDNK negatif bagi 2001.

“...di sebalik persekitaran ekonomi dunia yang amat rumit dan tidak pasti, Kumpulan kami telah memperkenalkan prestasi yang agak baik manakala masih bepegang kuat kepada komitmen kami ke atas mutu produk kami dan persekitaran kerja selamat bagi orang-orang kami.”

Tan Sri Dato' (Dr)  
Haji Ahmad  
Azizuddin Bin Haji  
Zainal Abidin  
Pengerusi

Memandangkan langkah-langkah positif diambil oleh Kerajaan dan sumbangan yang bertambah baik daripada operasi luar pesisir, Kumpulan kami mampu mencatat 76.9% peningkatan dalam keuntungan sebelum cukai kepada RM210.41 juta (2000: RM118.96 juta) pada 2001, berlandaskan hasil sebanyak RM857.39 juta (2000: RM615.85 juta). Kesemua bahagian, iaitu, Pembinaan, Harta, Industri, Perladangan dan Infrastruktur memberi prestasi yang lebih baik pada 2001. Keuntungan sebelum cukai juga disumbangkan sebahagiannya oleh laba terkecuali bersih sebanyak RM62.61 juta. Harus diperhatikan bahawa Kumpulan menikmati laba terkecuali sebanyak RM122.26 juta daripada pelupusan sebahagian daripada pelaburan dalam Guangdong Provincial Expressway Development Co. Ltd (GPED). Namun laba telah dikurangkan oleh kerugian sebanyak RM47.00 juta daripada peruntukan bagi penurunan dalam nilai pelaburan dalam Grupo Concesionario del Oeste S.A. (GCO), berikutan penurunan nilai yang teruk dalam peso Argentina.

Di samping keuntungan sebelum cukai yang menunjukkan suatu rekod, Kumpulan juga mencapai lain-lain kejayaan yang ketara pada 2001. Ini termasuklah memperolehi RM1.77 bilion dalam kontrak pembinaan, jumlah tertinggi pernah dicapai bagi sesuatu tahun; pengiktirafan daripada industri melalui anugerah "Jurubina Bagi Tahun 2001" (Builder of the Year); dan menjadi saham berprestasi kedua terbaik pada Bursa Saham Kuala Lumpur.

Pada akhir 2001 nisbah penggearan (hutang-ekuiti) Kumpulan adalah yang terendah pernah dialami sebanyak 14.1% (2000: 30.6%). Ini terutamanya boleh dikaitkan kepada peningkatan dalam pengeluaran bil-bil, kawalan kredit dan pengutipan hutang yang gigih dan penjualan saham-saham GPED yang membawa masuk

RM249.18 juta untuk membolehkan Kumpulan membayar balik dan mengurangkan dengan banyaknya pinjaman mata wang asing.

### PROSPEK PERNIAGAAN DAN STRATEGI OPERASI

Beberapa petunjuk penting ekonomi US mula menunjuk tanda-tanda pemulihan, membayangkan bahawa ekonomi dunia yang diketuai US mungkin dapat pulih dengan agak cepat dan mengelak risiko kemelesetan serentak, mendalam serta berpanjangan untuk banyak negara. Pendapat umum, pada masa ini ialah bahawa ekonomi dunia akan pulih lebih cepat pada pertengahan kedua tahun 2002. Walaupun Bank Negara Malaysia telah dalam Laporan Tahunannya, dikeluarkan pada 20 Mac 2002, meramalkan pertumbuhan sederhana sebanyak 3.5% dalam KDNK bagi Malaysia untuk tahun 2002, kebanyakan syarikat penyelidikan mengunjurkan ekonomi tempatan akan tumbuh antara 5% dan 7%.

Oleh kerana Belanjawan 2002 adalah proaktif, pendapat ramai adalah bahawa pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi mungkin berlaku. Belanjawan, antara lainnya, cuba mengukuh pertumbuhan ekonomi melalui perbelanjaan domestik yang bertambah, menggalakkan penggunaan dan mempelbagaikan sumber pertumbuhan melalui kegiatan perdagangan dan domestik manakala mengekalkan peranan pelaburan langsung asing serta mengembangkan eksport. Ia juga memperuntukkan RM28.40 bilion bagi perbelanjaan pembangunan, dan ini, bersama dengan jumlah belum dibelanjai di bawah pakej rangsangan fiskal khas tahun 2001 berjumlah RM7.30 bilion, akan membolehkan ekonomi Malaysia, terutamanya sektor pembinaan, untuk mencatat pertumbuhan KDNK yang lebih tinggi bagi 2002.

Dasar kewangan Malaysia kekal stabil dan bersifat mengembang pada 2001 dan harus kekal sedemikian pada 2002. Kecairan dalam sistem perbankan tempatan adalah sedemikian yang kadar faedah berkemungkinan akan terus rendah bagi tahun 2002 selebihnya.

Dato' Goh Chye Keat, En Krishnan Tan dan En Goh Chye Koon dengan anugerah Jurubina bagi Tahun 2001 CIDB.





Arca Keluli bagi Jambatan BR-8 di Putrajaya

Harus diperhatikan bahawa industri pembinaan tempatan sedang mengalami penggabungan faktor-faktor positif di mana risiko kos yang terlibat adalah kecil. Selanjutnya bukan sahaja peluang kontrak adalah baik, kos pinjaman bagi pembiayaan projek hampir mencapai tahap terendah dalam sejarah. Berdasarkan faktor-faktor ini, Bahagian Pembinaan yakin bahawa ia akan berjaya memperolehi lebih banyak projek baru di Malaysia serta juga luar negara, terutamanya di India di mana sebagai kontraktor Malaysia perintis, kami telah menempah nama dalam pasaran pembinaan India yang sedang membangun.

Bahagian Harta menjangka untuk sekurang-kurangnya mengulangi prestasi pada 2001 berdasarkan rekod prestasi terbukti kami dari segi penyiapan tepat pada waktu dan penawaran produk dengan susun atur yang lebih baik, kemasan yang bermutu dan infrastruktur IT/ Internet bagi unit-unit kediaman berharga tinggi dan unit-unit komersil. Beberapa projek dalam lokasi yang baik di Pulau Pinang, Klang, Seremban, Johor Bahru dan Sandakan akan memulakan kerja pada tahun 2002. Bahagian Harta menjangka masa-masa hadapan akan terus mencabar. Kecuali bagi harta-harta di lokasi-lokasi utama, permintaan bagi harta-harta pada umumnya rendah di sebalik ketersediaan pembiayaan faedah rendah.

Setelah melihat keputusan yang lebih baik pada 2001, Bahagian Industri akan terus memastikan penggunaan kapasiti tinggi loji sedia ada dalam peniagaan pembikinan keluli, pengkuarian dan siap campurnya dan memperolehi kontrak yang berharga lebih baik. Bahagian ini dijangka akan memberi prestasi yang baik dalam tahun semasa mengambil kira sektor pembinaan yang menggalakkan pada 2002.

Harga minyak sawit mentah (CPO) yang rendah berterusan dialami oleh industri minyak sawit sepanjang dua tahun yang lepas. Sekiranya harga CPO semasa memberi apa-apa petunjuk bagi masa yang lebih baik, maka Bahagian

Perlادangan harus mempunyai keputusan yang lebih baik bagi 2002. Jumlah kluasan ditanam semasa Bahagian ini ialah 49,208 ekar, yang mana 22,225 ekar adalah matang dan dalam pengeluaran manakala bakinya akan matang dalam dua tahun akan datang. Bahagian ini juga menjangka untuk menanam seluas 28,267 ekar lagi kelapa sawit sepanjang beberapa tahun akan datang.

Bahagian Infrastruktur menyaksikan pengurangan yang ketara dalam pelaburannya di China, selepas menjual sebahagian daripada pelaburannya dalam saham-saham GPED pada 2001. Oleh yang demikian, ia akan mengalami sumbangan yang berkurangan dari China pada 2002. Sumbangan daripada syarikat bersekutu milik 20.1%nya GCO, Argentina juga akan berkurangan terutamanya akibat daripada penurunan nilai peso Argentina. Walau bagaimanapun, di Vietnam, syarikat milik 36%nya Binh An Water Corporation Limited harus menyaksikan pertumbuhan selanjutnya dalam pendapatan akibat daripada permintaan lebih tinggi dan pemaksimuman kapasiti pengeluaran.

Ringkasnya, di sebalik persekitaran ekonomi dunia yang amat rumit dan tidak pasti, Kumpulan kami telah mempamerkan prestasi yang agak baik manakala masih bepegang kuat kepada komitmen kami ke atas mutu produk kami dan persekitaran kerja selamat bagi orang-orang kami. Kumpulan yakin dapat memberi prestasi yang baik pada 2002 dan akan terus memusatkan usaha untuk mencapai objektif manakala menangani keperluan untuk mewujudkan pelaburan infrastruktur dengan pendapatan berulang, terutamanya dalam Malaysia.

#### DIVIDEN

Lembaga Pengarah mencadangkan dividen akhir sebanyak 5% tolak cukai pendapatan (2000: 5%, tolak cukai pendapatan), tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan Ke-18 Syarikat. Bersama dengan dividen interim dan dividen

interim khas berjumlah 15%, tolak cukai pendapatan, jumlah dividen bagi 2001 akan menjadi 20%, tolak cukai pendapatan (2000: 8%, tolak cukai pendapatan).

#### PENGUNAAN PEROLEHAN DARIPADA CADANGAN KORPORAT

Pada Februari 2000, Syarikat menerbitkan bon bernilai nominal RM150 juta bersama waran boleh cerai. Dalam tahun semasa, perolehan daripada terbitan bon telah diguna sepenuhnya.

#### URUS TADBIR KORPORAT

Penyata kami mengenai urus tadbir korporat kami didapati pada muka surat 40 hingga 46.

Tidak ada sekatan dan/atau penalti dikenakan ke atas Syarikat dan anak-anak syarikatnya, para pengarah atau pengurusan oleh badan-badan berperaturan berkaitan pada tahun 2001.

#### URUSNIAGA PIHAK BERKAITAN

Urusniaga pihak berkaitan penting Kumpulan bagi tahun 2001 dinyatakan dalam Nota 44 kepada penyata kewangan. Nota ini juga membentangkan agregat nilai urusniaga berulang yang dilaksanakan dalam tempoh selaras dengan mandat am yang diperolehi daripada pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan yang lepas.

Dalam tempoh di bawah tinjauan, tidak ada kontrak material Kumpulan yang melibatkan kepentingan para pengarah dan pemegang saham utama kecuali yang dinyatakan dalam Nota 5(b) kepada penyata kewangan.

#### PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan penghargaan kepada para pengarah, pengurusan dan kakitangan Kumpulan atas komitmen dan sumbangan

mereka sepanjang tahun 2001. Tahun 2002 akan terus menjadi tahun yang mencabar di sebalik tanda-tanda pemulihan ekonomi seluruh dunia baru-baru ini. Saya juga ingin mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada pemegang-pemegang saham, rakan sekutu, pelanggan-pelanggan, jurubank, subkontraktor dan pembekal atas pemahaman dan sokongan berterusan anda kepada Kumpulan.

Lembaga dan saya ingin merakamkan penghargaan kami yang tulus ikhlas kepada En. Ooi Poay Lum, seorang Pengarah Eksekutif yang meletak jawatan daripada Syarikat dan Lembaga pada 31 Julai 2001 selepas 21 tahun berkhidmat dengan Kumpulan; En Khoo Chew Meng, seorang pengarah bersara yang meletak jawatan daripada Lembaga pada 15 Ogos 2001 tetapi akan kekal sebagai penasihat kepada Kumpulan; dan Dato' Arthur Tan Boon Shih, seorang Pengarah yang meletak jawatan daripada Lembaga pada 4 April 2002. Selain itu, En Choo Choon Yeow, dengan 17 tahun perkhidmatan bersama Kumpulan, telah menyampaikan hasrat beliau untuk bersara daripada Lembaga pada penutup Mesyuarat Agung Tahunan akan datang tetapi akan kekal sebagai penasihat kepada Kumpulan. Saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada dua ahli eksekutif kanan Kumpulan, iaitu En Soo Heng Chin dan En Velayuthan Tan; dan En Oh Chong Peng, yang telah dilantik Pengarah bukan eksekutif bebas dan ahli Jawatankuasa Audit; ke Lembaga. Saya yakin mereka akan menyumbang pengalaman yang tidak terhingga kepada Lembaga.

Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin Bin Haji Zainal Abidin  
Pengerusi



## Ulasan operasi

### Pembinaan



Pembinaan telah menjadi perniagaan teras IJM sejak penubuhannya. Hari ini, IJM telah berkembang menjadi salah satu kumpulan pembinaan terbesar dan paling pelbagai di Malaysia dari segi kerja yang telah dilakukan dan tebaran geografi. Ini telah memberikan asas kukuh dan sebagai batu loncatan untuk mencebur ke dalam bidang pertumbuhan baru.

Setelah memperolehi reputasi kukuh dalam setiap bidang pembinaan khususnya, IJM adalah "Pasaraya Pembinaan" terbesar Malaysia. Rangkaian kepakarannya daripada kejuruteraan sivil, sistem asas dan bangunan. Projek janakuasa, minyak dan gas dan penyeliaan pengurusan projek dan perkhidmatan pengurusan pembinaan adalah juga antara portfolionya.

Dalam pertengahan tahun 80-an, Kumpulan IJM mencebur ke dalam pasaran luar negeri secara aktif. Ia sejak itu telah menjalankan kegiatan-kegiatan di Australia, Hong Kong, Singapura, Mauritius, Myanmar, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka, India, China dan Vietnam.

En Krishnan Tan  
Pengarah Urusan Kumpulan



*Tahun 2001 penuh dengan peristiwa menarik bagi kami - keuntungan yang baik, buku tempahan yang cemerlang, pengiktirafan daripada industri melalui Anugerah Jurubina bagi Tahun, saham berprestasi kedua terbaik di BSKL dan banyak lagi. "*



#### Pasukan Pengurusan Bahagian Pembinaan

Berduduk (kiri ke kanan): Pengarah-pengarah Projek - En Tan Gim Foo, En Debojit Chowdhury, En How See Hock, En Phoon Wai Weng, En Hiew Yet Kuei, En Goh Chye Koon (Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan), En Soo Heng Chin (Pengarah Eksekutif Kumpulan) & En Soo Sik Sang (Pengarah Projek)

Berdiri (kiri ke kanan): En Kok Fook Yu (Pengarah Projek), En Ng Chin Meng (Pengarah Negara - India) & En Tan Kiam Choon (Pengarah Projek)

Dalam tahun 2001, apabila ekonomi Malaysia merosot, sektor pembinaan sekali lagi mendapat perhatian melalui pakej rangsangan fiskal yang diperuntukkan oleh Kerajaan, khususnya bagi projek-projek infrastruktur dan pembinaan rumah-rumah kediaman kos rendah dan sederhana. Akibat daripada itu, KDNK bagi sektor pembinaan telah meningkat sebanyak 2.3% pada tahun 2001 berbanding dengan 1.0% pada tahun 2000.

Selaras dengan itu, Bahagian Pembinaan terus menjadi jentera pertumbuhan utama pada tahun 2001, menyumbang sebanyak 53.0% kepada hasil Kumpulan dan 58.6% kepada keuntungan sebelum cukai Kumpulan, tidak termasuk perkara terkecuali. Keuntungan sebelum cukai Bahagian meningkat sebanyak 35.2% kepada RM86.60 juta (2000: RM64.04 juta) berlandaskan peningkatan secara marginal dalam hasil kepada RM628.31 juta (2000: RM621.38 juta), menggambarkan margin peningkatan atas kontrak-kontrak yang dilaksanakan. Margin-margin yang bertambah baik adalah akibat daripada persekitaran kos yang terkawal dan pengurusan intensif ke atas projek-projek.

Bahagian Pembinaan memulakan tahun 2001 dengan dentuman, bermula pada Januari, dengan kontrak bernilai RM470 juta daripada Jabatan Kerja Raya untuk membina Jalan Pengagih Utama Putrajaya – Jalan Lingkaran Bandar U4 dan kerja bernilai RM229 juta daripada Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. untuk membina empat buah blok pejabat di bawah Parcel E, Sub-Pakej 1. Bahagian juga berjaya mendapat kontrak bernilai RM132 juta bagi Pakej Kerja-kerja Bangunan untuk Projek Laluan/Trek Berkembar Elektrik di antara Rawang dan Ipoh.

Peristiwa menyerlah dalam tahun kewangan muncul pada Jun apabila Pusat Konvensyen Putrajaya bernilai RM603 juta berjaya diperolehi. Projek rekabentuk dan bina dijangka mengambil masa dua puluh dua bulan untuk disiapkan, elok-elok dengan waktu untuk Persidangan Pertubuhan Negara-negara Islam yang dicadangkan untuk diadakan pada suku ketiga tahun 2003. Projek yang amat memerlukan dari segi teknikal sensitif dengan masa, akan menjadi, apabila disiapkan, bukti simbolik keupayaan dan profesionalisme IJM dalam mengambil dan menyiapkan kerja-kerja yang rumit.

Kegiatan di luar negara terus-menerus berkembang diterajui oleh pejabat kami di India, yang membawa kepada dua projek pembinaan jalanraya tambahan bernilai secara keseluruhan sebanyak RM287 juta.

Dalam tahun kewangan, Bahagian ini berjaya memperolehi kontrak berjumlah RM1.77 bilion, dengan projek tempatan menyumbang sebanyak RM1.48 bilion.

Tahun ini merupakan tahun yang terbaik sehingga kini sejauh mana pemerolehan projek adalah berkenaan.



Pantai Hospital Ayer Keroh





Landsan Keretapi Pelabuhan Tanjung Pelepas

Tahun 2001 juga turut menyaksikan penyiapan dan penyerahan lapan projek kepada klien-klien kami. Projek-projek besar yang berjaya disiapkan termasuk kerja-kerja awam untuk Projek Lingkaran Rel Pelabuhan Tanjung Pelepas, Bangunan Sambungan Pusat Perubatan Pantai di Bukit Pantai kedua-duanya di Malaysia; dan Jalan Pirau Chennai Fasa 1 (menghubungkan NH-4 dan NH-5) di Negeri Tamil Nadu, India. Jumlah keseluruhan projek-projek yang disiapkan ialah RM368.67 juta.

Usaha-usaha yang tidak mengenal penat telah Bahagian ke arah prestasi yang bertambah baik dengan penekanan khusus ke atas keselamatan dan mutu menyaksikan Syarikat dianugerahkan dengan Anugerah Jurubina Tahun 2001 oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dalam tahun tersebut. Anugerah ini, mengikut di belakang Anugerah Kontraktor Antarabangsa Malaysia bagi tahun lepas, menunjukkan bukti pengiktirafan industri terhadap keupayaan dan reputasi Syarikat dari aspek prestasi dan mutu.



Khidmat Sokongan Pembinaan

Kiri ke kanan: En Ng Yock Yin (Pengurus Besar - Kontrak), En Liew Chee Khong (Pengurus Kanan - Akaun), En Mohammad Albakri bin Tajuddin (Pengurus - Keselamatan & Kesihatan), Cik Choo Lai Fong (Pengurus Kanan - Pembelian & Stor), En Chang Khee (Pengurus Kanan - Bengkel), Cik Pang Sek Loh (Pengurus Kanan - Teknikal) & En Siva Kumar al/ Rajappan (Pengurus - Sistem Kualiti)



Kerja pembinaan dalam pelaksanaan di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC). Apabila siap PCC akan terdiri daripada Dewan Bankuat bulat dengan keluasan tanpa tiang 75 meter, Dewan Plenary dengan kapasiti 2,880 tempat duduk, Dewan Ketua Negara dan Dewan Pameran serta lain-lain kemudahan terkini.



“...Bahagian akan memusatkan usaha-usahanya untuk melancarkan produk-produk yang baru dan inovatif pada harga yang bersaingan.”

## Ulasan operasi



### Harta

Kejayaan Kumpulan dalam harta boleh dikaitkan dengan rekod prestasinya yang lama dan membanggakan yang bermula sebagai sambungan kemahiran dan pengalaman Kumpulan dalam pembinaan. Sejak itu, Bahagian Harta telah mendapat hasil yang membanggakan dalam keseluruhan pembangunan kediaman, komersil, runcit, perindustrian dan pembangunan kegunaan bercampur.

Daripada pembangunan kegunaan bercampur yang banyak hingga ke bandar satelit, Kumpulan juga telah memajukan projek kondominium berskala besar dari Pulau Pinang hingga ke Johor Bahru, taman perindustrian dan pejabat serta bangunan ibu pejabat korporat bagi syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa.

Bahagian Harta merasa bangga dalam perancangan telitiannya untuk menyiapkan projek yang memenuhi citarasa pelanggannya dalam setiap aspek rekabentuk, alam sekitar, lanskap, fungsi dan astetik.



#### Pasukan Pengurusan Bahagian Harta

Berduduk (kiri ke kanan): En Low Eng Bee (Pengurus Kanan Pemasaran), En Teh Kean Ming (Pegurus Besar Kumpulan - Harta) & En Wong Chee Voon (Pengurus Besar - Kawasan Selatan)

Berdiri (kiri ke kanan): En Tan Aik Hong (Pengurus Kanan), En Joey Khoo (Pengurus Kanan Pemasaran), En Ch'ng Ewe Ghee (Penolong Pengurus - Kontrak), En Karam Singh (Pengurus Kanan), En Colin Samson (Pengurus - Liaison), En Khoo Kah Hock (Penolong Pengurus - Kewangan) & En Toh Chin Leong (Jurutera Kanan)

Bahagian mencatat keuntungan sebelum cukai yang bertambah baik sebanyak RM16.87 juta di atas jumlah dagangan sebanyak RM148.58 juta mewakili peningkatan masing-masing sebanyak 25.8% dan 52.3% berbanding tahun 2000.

Dalam tahun, pasaran harta kekal lembap di sebalik persekitaran persaingan harga dan faedah yang rendah. Permintaan yang lemah mungkin disebabkan oleh persekitaran yang tidak menentu berpunca daripada pengangguran yang semakin meningkat dan sentimen perniagaan yang merosot.

Namun demikian, Kerajaan meneruskan peranan proaktifnya untuk melonjakkan industri melalui pelonggaran garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing, memansuhkan sekatan bagi pembiayaan penyambung harta-harta yang bernilai RM250,000 ke atas dan mengecualikan duti setem bagi perjanjian jual beli, pindahan dan pinjaman. Selain itu, kakitangan-kakitangan kerajaan juga telah diberikan pengecualian ke atas yuran pemprosesan bagi pembelian harta-harta siap sehingga akhir tahun 2001.

Di sebalik keadaan-keadaan pasaran yang mencabar, Bahagian telah menunjukkan prestasi yang agak baik melalui sumbangan daripada projek-projek yang sedang dijalankan seperti Riana Green, Petaling Jaya, Taman Yen Yen, Kuching dan Taman Utama, Sandakan. Bahagian terus memberi penekanan kepada mutu produk-produk, penyiapan mengikut masa dan profesionalisme dalam perkhidmatan pengurusan harta untuk memberikan pemilik-pemilik dan pelabur-pelabur harta jaminan yang lebih baik bagi memperolehi kediaman yang sesuai untuk didiami dan peningkatan modal jangka panjang.

Di sebalik prospek yang cerah bagi pemuliharaan lebih awal dalam ekonomi global, Bahagian secara berhati-hati yakin terhadap harapan keseluruhan untuk tahun 2002 dan akan memusatkan usaha-usahanya untuk melancarkan produk-produk yang baru dan inovatif pada harga yang bersaingan. Bahagian akan meneruskan mengambil peluang ke atas kekuuhan tenaga pakar dalamannya untuk menyerah harta-harta yang bermutu diiringi dengan kejuruteraan bernilai untuk mengurangkan kos dan untuk menambah nilai bagi pemilik-pemilik dan pelabur-pelabur harta.

Sebagai tindak balas kepada persekitaran persaingan semasa, produk-produk inovatif yang baru menggabungkan elemen-elemen K-ekonomi akan ditawarkan untuk memenuhi permintaan yang sentiasa berubah dan pembeli-pembeli yang lebih canggih.

Bahagian akan mulakan projek-projek baru di kawasan-kawasan strategik yang termasuk projek-projek pembangunan campuran di sepanjang cadangan Lebuhraya Ekspress Jelutong, Pulau Pinang; kondominium mewah di Bukit Jambul, Pulau Pinang; dan skim perumahan di Kg Jawa, Klang dan Larkin, Johor. Dengan aliran menaik dalam harga-harga CPO dan peningkatan kuasa membeli rumah penghuni-penghuni, lebih banyak unit-unit akan dilancarkan di Taman Utama, Sandakan, Sabah.



Taman Idaman di Seberang Perai, Pulau Pinang



Pengarah Urusan Kumpulan En Krishnan Tan menyerah kunci tiruan kepada wakil pemilik-pemilik Riana Green Fasa III

## Ulasan operasi



### Industri

Bahagian Industri mengilang keluaran berkisar daripada konkrit campur siap dan cerucuk pratuang dan produk bitumen hinggalah ke paip dan tangki HDPE.

Kejuruteraan dan pembikinan keluli, dan pengeluaran batu baur dan produk batu batan adalah lain-lain kegiatan teras Bahagian.

Bahagian adalah salah satu daripada kumpulan kuari terbesar Malaysia, dengan keupayaan tahunan melebihi 6.5 juta tan batu baur dan batu kegunaan industri. Ia adalah kuari pertama di Malaysia dianugerahkan sijil ISO 9002 bagi pengurusan bermutu dalam pengeluaran batu baur dan campur siap.

**“Langkah-langkah ke hadapan seterusnya adalah untuk meningkatkan kecekapan dan meningkatkan penggunaan keupayaan sedia ada.”**



#### Pasukan Pengurusan Bahagian Industri

Berduduk (kiri ke kanan): En Low Hong Imm (Pengurus - Akaun & Kewangan), En Leong Yew Kuen (Pengurus Besar), En William Ho (Pengurus Besar), En Mah Teck Oon (Pengarah - Bahagian Industri), En Yeo Poh Meng (Pengarah Pengurusan - Torsco Berhad) & En Chee Kok Phoon (Pengurus)

Berdiri (kiri ke kanan): En Peter Tan (Pengurus - Kawalan Kredit) & Cik Chan Choy Ping (Pengurus - Akaun & Kewangan)

Bagi tahun 2001, Bahagian ini mencatat jumlah dagangan yang lebih tinggi sebanyak RM237.71 juta (2000: RM188.71 juta), peningkatan sebanyak 26.0%. Sejarah dengan ini, keuntungan sebelum cukai meningkat sebanyak 48.3% kepada RM17.38 juta (2000: RM11.72 juta). Prestasi yang lebih baik boleh dikaitkan dengan jumlah jualan dan margin-margin yang lebih tinggi, penggunaan keupayaan yang bertambah, kawalan kos yang efisien dan sokongan dalaman yang kuat daripada Kumpulan IJM.



Pemasangan Kren Kontena Dermaga untuk North Port

Perniagaan pembikinan keluli Torsco Berhad (Torsco) sebuah anak syarikat terus menunjukkan prestasi yang baik. Ia mencatat jumlah dagangan tahunan sebanyak RM56.30 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM6.35 juta, peningkatan masing-masing sebanyak 34.4% dan 15.6%. Di antara kerja-kerja besar yang dijalankan oleh Torsco dalam tahun 2001 adalah pembikinan kren kontena bagi kedua-dua pelanggan tempatan dan antarabangsa, pembikinan dan penjayaan kilang kelapa sawit di Sabah dan jambatan gerbang utama di Putrajaya. Kami meramalkan bahawa Torsco akan terus menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam tahun semasa, dengan buku tempahan yang menggalakkan sedia ada sebanyak RM58.53 juta.

Perniagaan kuari di bawah Malaysian Rock Products Sdn Bhd mencatat jumlah dagangan hampir RM55.91 juta dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM3.17 juta. Ini jika dibandingkan adalah lebih baik daripada jumlah dagangan tahun lepas sebanyak RM48.56 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM2.48 juta. Keputusan-keputusan yang lebih baik telah dicapai berlandaskan jumlah dagangan yang lebih rendah sebanyak 3.63 juta tan (2000: 3.66 juta tan) bagi batu baur dan jualan campur siap yang lebih tinggi sebanyak 283,000 tan (2000: 252,000 tan). Kuari-kuari di Johor Selatan mencatat jualan yang lebih tinggi. Harga jualan bagi kedua-dua batu baur dan campur siap meningkat dalam tahun menyumbang secara ketara ke arah

keuntungan sebelum cukai, permintaan di Lembah Klang, walaupun tidak berkembang, kekal pada paras yang selesa dengan harga bergerak dalam rangkaian yang lebih ketat berhampiran dengan paras tahun lepas. Begitu juga, tidak ada peningkatan dalam permintaan di persekitaran Labu.

Dalam tahun kewangan, Pengurusan secara aktifnya mencari kuari-kuari baru untuk menambah simpanan-simpanan kuari-kuari semasa. Pencarian-pencarian ini telah dijalankan bertujuan untuk menyokong kegiatan-kegiatan pembinaan Kumpulan di seluruh negara dan menangani permintaan dalam koridor-koridor pembangunan yang baru.

Disokong oleh permintaan yang lebih baik daripada pasaran luaran dan dalaman, perniagaan konkrit siap campur di bawah Strong Mixed Concrete Sdn Bhd mencapai pertumbuhan sebanyak 47.2% dalam jumlah dagangan kepada RM53.86 juta daripada RM36.58 juta dalam tahun kewangan 2000. Sehubungan dengan ini, keuntungan sebelum cukai meningkat kepada RM4.20 juta (2000: RM0.45 juta), dibantu oleh harga jualan yang lebih tinggi, kawalan kos yang lebih baik dan susut nilai yang lebih rendah. Untuk mencapai pertumbuhan dan keuntungan yang berterusan, sektor ini sedang mengamalkan strategi untuk memastikan penggunaan keupayaan sepenuhnya loji-loji sedia adanya dan untuk mencari pasaran-pasaran baru di kawasan-kawasan yang lebih baik bagi mengembangkan perniagaan.

Di Scaffold Master Sdn Bhd, jumlah pembelian sewa aram-aram bagi tahun 2001 melonjak sebanyak 69.5% kepada RM4.95 juta daripada RM2.92 juta pada 2000, dibantu oleh penggunaan dalaman yang ketara, berjumlah sebanyak 60.0% daripada jumlah dagangan keseluruhan. Keuntungan sebelum cukai meningkat sebanyak 37.8% kepada RM1.35 juta di sebalik caj-caj susut nilai lebih tinggi diserap. Dalam tahun, syarikat membeli bahan aram-aram tambahan berjumlah RM3.23 juta untuk memenuhi permintaan pelanggan yang lebih tinggi.

Secara keseluruhan, Bahagian Industri menunjukkan prestasi yang baik dalam tahun kewangan 2001, mencapai keputusan terbaiknya semenjak lima tahun yang lepas. Langkah-langkah ke hadapan seterusnya adalah untuk meningkatkan kecekapan dan meningkatkan penggunaan keupayaan sedia ada dan untuk turut serta dalam perniagaan-perniagaan baru dengan beberapa sinergi kepada operasi-operasi sedia ada. Kami yakin akan mencapai keputusan yang lebih baik berlandaskan buku tempahan yang lebih banyak dan langkah berterusan oleh Kerajaan Malaysia untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam sektor pembinaan.

“Pengurusan menangani secara proaktif isu-isu kos.”

## Ulasan operasi



# Perladangan

Diperbadikan pada tahun 1985, Bahagian Perladangan mempunyai bidang ekstensif ladang kelapa sawit yang diuruskan dengan baik seluas lebih 30,000 hektar yang terdiri daripada 14 ladang di Sandakan, Sabah.

Untuk memperlengkapkan perladangan, Bahagian mempunyai tiga kilang minyak sawit berupaya memproses 750,000 tan buah kelapa sawit setiap tahun. Kilang pemprosesan canggih ini mengeluarkan hasil di atas purata industri. Anugerah-anugerah daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB, dahulunya dikenali sebagai Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Sawit, PORLA) adalah testimoni bagi keupayaannya.

Rancangan masa hadapan memerlukan peningkatan keluasan penanaman dan penubuhan kilang-kilang minyak sawit baru dan kemudahan-kemudahan berkaitan.



### Pasukan Pengurusan Bahagian Perladangan

Kiri ke kanan: En Christopher Richard Donough (Pengawal Penyelidikan), En Ng Chung Yin (Pengawal Perladangan - Kawasan Sugut II), En P.K. Venugopal (Pengawal - Perkhidmatan Pertanian), En Velayuthan Tan (Pengarah Eksekutif Kumpulan), En Ling Ah Hong (Pengurusan Besar Kumpulan), En David Das (Penasihat Penanaman Kumpulan), En Kunjuman Thomas (Pengawal Perladangan - Kawasan Sandakan), En Siah Heng San (Pengawal Perladangan - Kawasan Sugut I) dan En Steve Ong (Ketua Akauntan)

Jumlah dagangan Bahagian meningkat sebanyak 11.1% kepada RM72.55 juta daripada RM65.12 juta yang dicatat pada tahun 2000. Keuntungan sebelum cukai berjumlah sebanyak RM6.80 juta, mewakili lonjakan sebanyak 42.0% berbanding RM4.79 juta yang dicapai dalam tahun sebelum ini. Keuntungan sebelum cukai yang lebih baik terutamanya boleh dikaitkan dengan peningkatan dalam pengeluaran tanda-tanda buah yang baru (FFB) daripada ladang-ladang kepada 237,151 tan (2000: 219,039 tan). Dari segi parameter industri penting kadar hasil dan kos, Bahagian terus menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dalam tahun 2001. Harga minyak sawit mentah (CPO), walau bagaimanapun, kekal rendah pada sepanjang tahun. Kumpulan mencapai purata harga CPO sebanyak RM838 berbanding dengan RM897 dalam tahun 2000.

Simpanan tanah Bahagian ini berjumlah 77,475 ekar pada akhir tahun 2001, peningkatan sebanyak 6,954 ekar daripada tahun sebelumnya. Ladang-ladang yang matang seluas 22,225 ekar (mewakili 45% daripada jumlah ekar yang ditanam) mengeluarkan sejumlah 237,151 tan FFB pada tahun 2001, yang mewakili peningkatan sebanyak 8.2% berbanding tahun 2000. Peningkatan dalam pengeluaran FFB adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam profil usia kawasan ditanam yang lebih muda.

Pada 31 Disember 2001, keluasan ekar ditanam yang belum matang Bahagian, terletak terutamanya di Wilayah Labuk

Sugut, adalah 26,983 ekar, penambahan seluas 4,305 ekar daripada tahun lepas. Apabila kawasan ini matang, keberuntungan Kumpulan dijangka akan bertambah kukuh pada masa hadapan. Baki simpanan tanah lebih kurang 28,267 ekar akan ditanam dalam beberapa tahun yang akan datang.

Kilang Minyak Sawit Desa Telisai memproses 220,110 tan FFB pada tahun 2001. Kilang minyak sawit berkeupayaan 30/45 tan setiap jam syarikat bersekutu 35% milik Minat Teguh Sdn Bhd memproses 116,668 tan FFB pada tahun 2001. Kilang Kelapa Sawit Sabang yang baru disiapkan, dengan tan keupayaan pemprosesan 30/45 tan, memulakan operasinya pada Januari 2002. Kilang ini adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan ladang-ladang di Wilayah Sugut Sandakan.

Selain itu, kerja tanah ke atas loji penghancuran isirong sawit 200/400 tan setiap hari telah disiapkan. Kerja struktur loji dan bangunan akan bermula tidak lama lagi.

Pengurusan menangani secara proaktif isu-isu kos yang dihadapi oleh Bahagian Perladangan. Dengan permintaan dari China dan lain-lain negara dijangka akan meningkat dan pengeluaran FFB oleh industri dijangka lebih rendah, harga CPO akan kekal di atas RM1,000 bagi tahun 2002. Sehubungan dengan itu, kami mengharapkan prestasi yang bertambah baik dari Bahagian ini.



Kilang Kelapa Sawit Sabang di kawasan Sugut, Sabah



“Kami akan menciptakan  
satu lagi IJM di India.”

## Ulasan operasi

### Infrastruktur

Pengumpulan kemahiran secara berterusan yang diperoleh daripada kegiatan pembinaan luar negeri Kumpulan yang berterusan disertai dengan kemahiran pengurusan dan organisasi yang kukuh, membawa kepada pelaburannya dalam projek-projek infrastruktur luar negeri.

Sejak awal tahun-tahun 1990an, Kumpulan telah membeli kepentingan aktif dalam tiga projek di China : [satu loji penjanaan bersama kuasa, satu jambatan menyeberangi sungai Changjiang dan syarikat lebuhraya ekspres Bina, Kendali-Pindah ("BOT") tersenarai, Guangdong Provincial Development Co. Ltd]; loji rawatan air di Vietnam; lebuhraya bertol BOT tersenarai di Argentina dan pada masa ini, projek lebuhraya BOT di India.



Loji Rawatan Air Binh An, Vietnam

Pada tahun 2001, Bahagian telah mencatat keuntungan sebelum cukai terbaik sehingga kini sebanyak RM99.29 juta (2000: RM27.91 juta) di sebalik peruntukan besar yang dibuat berhubung dengan pelaburan-pelaburannya di Argentina.


Pada tahun 2001, Kumpulan telah menjual sebahagian daripada pelaburannya dalam Guangdong Provincial Expressway Development Co. Ltd. (GPED) dan mencatat keuntungan modal sebanyak RM122.26 juta. Keputusan telah diambil secara berhati-hati selepas menimbang potensi pertumbuhan pada masa hadapan pelaburan ini dan keadaan pasaran saham di Shenzhen. Perolehan sebanyak RM249.18 juta daripada pelupusan membolehkan Kumpulan untuk membayar balik terlebih dahulu kebanyakan daripada pinjaman mata wang asingnya, dengan baki diperuntukkan untuk pelaburan dalam lain-lain usahasama yang menguntungkan. Timbul daripada ini, Syarikat telah memberikan pelabur-pelabur sahamnya dividen khas sebanyak 10% tolak cukai pendapatan. Kumpulan masih memegang sebanyak 5.2% kepentingan ekuiti (65 juta saham) dalam GPED. Adalah menjadi hasrat Kumpulan untuk keluar sepenuhnya daripada pelaburan pada masa hadapan apabila terdapat peluang mendapat keuntungan.

Krisis ekonomi yang teruk di Argentina akhirnya telah mendorong Kerajaan untuk menghentikan pengaturan penetapan di antara peso dan Dolar US yang berlarutan selama satu dekad. Pengapungan peso memerlukan Kumpulan untuk membuat peruntukan sebanyak RM47.00

juta bagi penurunan dalam nilai pelaburan-pelaburannya dalam Grupo Concesionario del Oeste S.A. (GCO), dalam mana ia memegang sebanyak 20.1% kepentingan ekuiti. Jumlah trafik laluan ekspres menunjukkan pengurangan tetapi sekarang secara relatifnya adalah stabil. Walau bagaimanapun penurunan nilai peso akan secara ketaranya mengurangkan sumbangan keuntungan GCO dalam segi ringgit kepada Kumpulan pada tahun 2002.

Syarikat bersekutu 36% milik Kumpulan di Vietnam, Binh An Water Corporation Limited (BAWC) menyumbang keuntungan bersih sebanyak RM5.37 juta (2000: RM2.23 juta), peningkatan yang ketara berbanding tahun 2000 disebabkan oleh jumlah air dirawat lebih banyak dibekalkan dan pemaksimuman keupayaan pengeluaran. BAWC menjangka akan mengekalkan prestasinya pada tahun 2002 dengan keuntungan yang lebih memberangsangkan daripada pengambilan air yang lebih tinggi dan hutang pinjaman bank yang lebih rendah.

Pada permulaan tahun 2001, Kumpulan memperolehi projek BOT yang pertamanya (Bina-kendali-pindah) di India. Kumpulan memegang kepentingan berkesan sebanyak 31.9% daripada Swarna Tollway Pte Ltd, yang mana akan melaksanakan langkah penswastaan dua buah lebuhraya (di NH5 dan NH9 jumlah sepanjang 156 km jaraknya), dengan tempoh konsesi selama 30 tahun, di Negeri Andhra Pradesh. Kerja telah dimulakan pada suku kedua tahun 2001 dan dijangka akan disiapkan pada akhir tahun 2003.



Chennai Bypass, India

# Penyata Urus Tadbir Korporat

## PARA PENGARAH

Lembaga amat mementingkan dan adalah komited dalam memastikan bahawa piawaian tertinggi urus tadbir korporat diamalkan pada semua peringkat Kumpulan bagi memastikan ketelusan dan perlindungan lebih bagi kepentingan pemegang-pemegang saham. Untuk tujuan ini, Lembaga menyokong sepenuhnya pengesongan Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia ("Kod"). Lembaga dengan sukacitanya mengesahkan bahawa Kumpulan telah mematuhi prinsip-prinsip dan amalan-amalan terbaik yang dibentangkan dalam Kod sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2001.

Amalan-amalan urus tadbir korporat yang dipakai dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001 adalah seperti berikut:-

## Lembaga

Lembaga yang berkesan menerjui dan mengawal Kumpulan. Di samping tugas-tugas berkanun, Lembaga juga bertanggungjawab terhadap keseluruhan rancangan strategik, prestasi perniagaan, rancangan gantian, pengurusan risiko, hubungan pelabur, kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan.

Lembaga mengadakan sekurang-kurangnya empat(4) mesyuarat dijadualkan secara tetap setiap tahun dengan mesyuarat tambahan bagi perkara-perkara tertentu diadakan bila dan apabila perlu. Mesyuarat tidak rasmi dan rundingan sering-kali dan secara bebas diadakan untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman. Para pengarah juga menghadiri dialog pengurusan kanan dua kali setahun di mana strategi operasi, progres prestasi dan lain-lain isu dikemukakan, dibincangkan dan disampaikan secara ekstensif kepada pengurus kanan Kumpulan. Empat (4) mesyuarat Lembaga telah diadakan dalam tahun 2001. Rekod kehadiran bagi setiap Pengarah adalah seperti berikut:

### Bilangan Mesyuarat yang Dihadiri      Peratusan

| Pengarah Eksekutif          |   |      |
|-----------------------------|---|------|
| Tan Boon Seng @ Krishnan    | 4 | 100% |
| Goh Chye Koon               | 3 | 75%  |
| Soo Heng Chin               | 4 | 100% |
| Velayuthan a/l Tan Kim Song | 4 | 100% |

### Pengarah Bukan-Eksekutif Bebas

| Pengarah Bukan-Eksekutif Bebas                                 |   |      |
|--|---|------|
| Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin | 4 | 100% |
| Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor                 | 4 | 100% |
| Datuk Yahya bin Ya'acob  | 4 | 100% |
| Oh Chong Peng ( <i>Dilantik pada 12 April 2002</i> )           | - | -    |

### Pengarah Bukan-Eksekutif

| Pengarah Bukan-Eksekutif  |   |      |
|---|---|------|
| Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob                   | 4 | 100% |
| Dato' Goh Chye Keat   | 4 | 100% |
| Dato' Arthur Tan Boon Shih ( <i>Meletak jawatan pada 4 April 2002</i> ) | 4 | 100% |
| Choo Choon Yeow   | 4 | 100% |
| Lai Meng  | 4 | 100% |
| Haji Osman bin Haji Ismail ( <i>Dilantik pada 5 Januari 2001</i> )      | 3 | 75%  |

Daripada tiga belas ahli Lembaga, sembilan adalah Pengarah bukan-eksekutif. Di kalangan Pengarah bukan-eksekutif, empat (4) Pengarah dianggap oleh Lembaga sebagai bebas dan Pengerusi adalah seorang daripada Pengarah bukan eksekutif bebas. Pengarah bukan eksekutif bebas membentuk satu pertiga keahlian Lembaga.

Syarikat dari masa ke masa menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan Pengarah eksekutif bersara bagi peranan khusus dalam operasi Syarikat untuk tempoh khusus. Para Pengarah ini dibayar imbuhan bagi perkhidmatan mereka. Dua (2) Pengarah adalah Y. Bhg. Dato' Goh Chye Keat dan En Choo Choon Yeow. Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor telah dilantik sebagai Pengarah bukan-eksekutif bebas kanan. Apa-apa keimbangan atau pertanyaan berhubung dengan Kumpulan boleh disampaikan kepada beliau.

Pengarah-pengarah adalah ahli-ahli profesional dalam bidang kejuruteraan, kewangan, perakaunan, ekonomi dan pentadbir awam kanan yang berpengalaman. Bersama, mereka membawa rangkaian luas kemahiran teknikal dan pengalaman berkaitan untuk memastikan bahawa Kumpulan terus menjadi peneraju bersaingan dalam industri pembinaan dengan reputasi kukuh bagi kecekapan teknikal dan profesional. Pengarah bukan eksekutif memberi penghakiman bebas ke atas isu-isu strategi, prestasi perniagaan, sumber dan piawaian pelakuan.

Penerangan ringkas dalam latar belakang setiap Pengarah dikemukakan pada muka surat 18 hingga 20.

Terdapat keseimbangan dalam Pengarah eksekutif, bukan eksekutif dan bukan eksekutif bebas. Ini adalah untuk memastikan bahawa terdapat representasi berkesan bagi pemegang-pemegang saham, dan selanjutnya memastikan bahawa isu-isu strategi, prestasi dan sumber dibincangkan dan diperiksa sepenuhnya untuk mengambil kira kepentingan jangka panjang pemegang saham, kakitangan, pelanggan, pembekal dan komuniti yang banyak dalam mana Kumpulan menjalankan perniagaannya.

Terdapat pembahagian tanggungjawab di antara Pengerusi dan Pengarah Urusan Kumpulan untuk memastikan bahawa terdapat imbalan kuasa dan autoriti. Tanggungjawab-tanggungjawab Pengerusi termasuk mewakili Lembaga kepada pemegang saham; memastikan penyelarasan dan keberkesan proses urus tadbir Lembaga; kerap mengadakan dialog dengan Pengarah Urusan Kumpulan mengenai semua perkara operasi; dan bertindak sebagai pemudah cara di mesyuarat Lembaga. Pengarah Urusan Kumpulan bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan matlamat strategik, operasi berkesan dalam Kumpulan, menjelas, menerangkan dan memaklumkan Lembaga mengenai perkara-perkara berhubung dengan Kumpulan.

Lembaga telah menugaskan fungsi-fungsi tertentu kepada Jawatankuasa yang ia tubuhkan untuk membantu pelaksanaan tanggungjawabnya terhadap Kumpulan. Jawatankuasa beroperasi di bawah bidang-bidang tugas yang ditakrifkan secara jelas. Pengerusi pelbagai Jawatankuasa akan melapor kepada Lembaga keputusan mesyuarat Jawatankuasa dan laporan-laporan sedemikian digabungkan dalam kertas-kertas Lembaga.

## 1. Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa Eksekutif telah ditubuhkan pada 31 Mac 1995 dan ahli-ahlinya terdiri daripada Pengarah-pengarah Eksekutif Lembaga. Jawatankuasa Eksekutif bersidang secara bulanan untuk mengkaji prestasi bahagian-bahagian operasi Kumpulan. Pengarah Kewangan dan Ketua Bahagian Harta dan Industri turut menghadiri di samping Setiausaha Syarikat.

Bidang-bidang tugas Jawatankuasa Eksekutif termasuk yang berikut:-

- untuk memutuskan mengenai semua urusniaga dan perkara-perkara berkaitan dengan perniagaan teras atau pelaburan sedia ada Kumpulan dengan autoriti terhad diberi mengikut had-had yang ditentukan oleh Lembaga;
- dan
- untuk memutuskan mengenai semua perkara berkaitan dengan kemudahan perbankan sebagaimana mungkin diperlukan bagi pelaksanaan operasi Kumpulan.

Sebelas (11) mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif telah diadakan dalam tahun 2001. Rekod kehadiran bagi setiap ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:

| Pengarah Eksekutif   | Bilangan Mesyuarat Yang Dihadiri | Peratusan |
|--|----------------------------------|-----------|
| Tan Boon Seng @ Krishnan   | 11                               | 100%      |
| Goh Chye Koon  | 11                               | 100%      |
| Soo Heng Chin ( <i>Dilantik pada 17 Mei 2001</i> )               | 6                                | 85%       |
| Velayuthan a/l Tan Kim Song ( <i>Dilantik pada 17 Mei 2001</i> ) | 7                                | 100%      |
| Ooi Poay Lum ( <i>Meletak jawatan pada 31 Julai 2001</i> )       | 6                                | 85%       |

## 2. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada 31 Januari 1994 dan dipengerusikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor. Lain-lain ahli Jawatankuasa Audit adalah Y. Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob, En Oh Chong Peng dan Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob. Bidang-bidang tugas dan ringkasan kegiatan Jawatankuasa Audit dibentangkan pada muka surat 48 and 49.

## 3. Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan

Jawatankuasa Pelantikan telah ditubuhkan pada 2 Disember 1998 dan telah dinamakan semula Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan pada 16 Mei 2001. Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan terdiri daripada empat ahli; dua daripada mereka adalah Pengarah bukan eksekutif bebas, iaitu Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor (Pengerusi) dan Y. Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob dan lain-lain ahli adalah Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob dan Y. Bhg. Dato' Goh Chye Keat.

Bidang-bidang tugas Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan termasuk yang berikut:-

1. untuk mewujudkan dan mengkaji terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan & imbuhan Pengarah-pengarah Eksekutif dan eksekutif-eksekutif kanan Kumpulan;
2. untuk mengkaji dan meluluskan kenaikan gaji dan bonus tahunan Pengarah-pengarah Eksekutif dan eksekutif-eksekutif kanan Kumpulan;
3. untuk mengkaji, mengesyorkan dan menimbang calon-calon kepada Lembaga Syarikat, anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan, termasuk jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga;
4. untuk mengkaji dan menentukan campuran kemahiran, pengalaman dan lain-lain mutu, termasuk kekompetenan teras Pengarah bukan eksekutif, atas dasar tahunan; dan
5. untuk menaksir keberkesanan Lembaga secara keseluruhan, jawatankuasa Lembaga dan sumbangan setiap Pengarah individu atas dasar tahunan.

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan akan bermesyuarat sebagaimana yang diperlukan dan bagi tahun 2001, tiga (3) mesyuarat telah diadakan. Semua pengesongan Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan adalah tertakluk kepada pengindoran Lembaga.

#### 4. Jawatankuasa Saham

Jawatankuasa Saham telah ditubuhkan pada 3 September 1986 dan bertanggungjawab bagi menyelaras dan meluluskan urusniaga sekuriti dan pendaftaran. Jawatankuasa Saham terdiri daripada En Tan Boon Seng @ Krishnan (Pengerusi), En Goh Chye Koon dan En Soo Heng Chin.

#### 5. Jawatankuasa ESOS

Jawatankuasa ESOS telah ditubuhkan pada 13 Mac 1992 dan bertanggungjawab untuk melaksanakan dan mentadbir Skim Opsyen Saham Kakitangan (ESOS) Syarikat. Jawatankuasa ESOS terdiri daripada Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad Bin Mohamad Noor (Pengerusi), En Goh Chye Koon dan En Loy Boon Chen. Skim tamat pada 12 Mac 2002.

#### Bekalan Maklumat

Semua Pengarah disediakan dengan laporan suku tahunan Lembaga sebelum mesyuarat Lembaga. Sebagai peraturan am, kertas-kertas mengenai subjek khusus dihantar kepada Lembaga secara terdahulu dan dikeluarkan secara tepat pada masa untuk membolehkan para Pengarah memperolehi penjelasan selanjutnya di mana perlu dan bahawa mereka dimaklumkan secukupnya sebelum mesyuarat.

Antara lain-lain, laporan menyediakan maklumat mengenai isu-isu utama operasi, kewangan dan korporat, unit-unit operasinya, kegiatan dan prestasi projek, prestasi bahagian dan alasan-alasan bagi pelancongan ketara daripada belanjawan dan perubahan besar dalam struktur Syarikat dan urusniaga sekuriti (termasuk ringkasan ursuniaga sekuriti Pengarah-pengarah).

Selain mesyuarat suku tahunan Lembaga, taklimat diadakan untuk Lembaga mengenai pelbagai isu seperti perubahan kepada perundangan syarikat dan sekuriti, kaedah-kaedah dan peraturan dari masa ke masa untuk memaklumkan mereka mengenai perkembangan terkini dalam bidang-bidang ini. Lembaga Pengarah juga dipelawa dan ada menghadiri Dialog Pengurusan Kanan dua kali setahun di mana kajian operasi dan strategi pengurusan dikemukakan dan dibincangkan.

Para Pengarah juga dimaklumkan tentang apa-apa pengumuman korporat yang dibuat kepada Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), dan sekatan yang akan dikuatkuasakan dalam urusniaga sekuriti Kumpulan sekurang-kurangnya satu bulan sebelum pengumuman keputusan kewangan suku tahunan dikeluarkan.

Selain itu, terdapat jadual perkara-perkara dirizabkan khas untuk perbincangan Lembaga, seperti kelulusan rancangan korporat dan belanjawan tahunan, pengambilalihan dan pelupusan usahaniaga dan harta bernilai besar, dan perubahan kepada pengurusan dan struktur kawalan dalam Kumpulan, termasuk polisi-polisi penting, had autoriti yang ditugaskan dan penyertaan dalam pengadilan tender-tender bagi apa-apa projek pembinaan melebihi RM500 juta (atau RM250 juta bagi kontrak luar negeri).



*Dialog Pengurusan Kanan sedang berlangsung*

Semua Pengarah mempunyai akses kepada nasihat dan perkhidmatan sepenuh masa Setiausaha Syarikat yang dilantik oleh Lembaga, dan mereka telah diberikan Manual Penyenaraian BSKL, Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia, Penyata mengenai Kawalan Dalaman: Panduan bagi para Pengarah Syarikat-syarikat Tersenarai Awam dan Kod Etika bagi para Pengarah dan Setiausaha.

#### Pelantikan ke Lembaga

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan bertanggungjawab bagi membuat pengesongan kepada Lembaga, termasuk Lembaga anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu. Dalam membuat pengesongan-pengesongan ini, Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan menimbang campuran kemahiran dan pengalaman diperlukan yang Pengarah harus bawa kepada Lembaga.

Para Pengarah dimaklumkan dan menyedari yang mereka boleh mengambil nasihat bebas, di mana perlu, dalam melaksanakan tugas-tugas mereka dan atas perbelanjaan Kumpulan.

#### Latihan Para Pengarah

Semua Pengarah telah menghadiri Program Pentauliahan Mandatori Para Pengarah yang dianjurkan oleh BSKL. Pengarah-pengarah juga menerima latihan lanjutan dari masa ke masa, khususnya mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan baru dan risiko-risiko komersil yang berubah. Induksi ringkas kepada Kumpulan disediakan kepada para Pengarah yang baru dilantik.

Di mana mungkin dan apabila peluang timbul, mesyuarat Lembaga mungkin diadakan di lokasi-lokasi dalam operasi perniagaan Kumpulan untuk membolehkan Pengarah-pengarah mendapat perspektif perniagaan yang lebih baik dan meningkatkan kefahaman mereka tentang operasi Kumpulan.

#### Pemilihan semula

Tataurus Pertubuhan telah dipinda pada 27 Jun 2001 untuk memperuntukkan bagi semua Pengarah (termasuk Pengarah Urusan Kumpulan dan Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan) untuk menawarkan diri mereka bagi pemilihan semula sekurang-kurangnya setiap tiga (3) tahun dalam mematuhi syarat-syarat penyenaraian BSKL. Tataurus Pertubuhan Syarikat yang baru memperuntukkan bahawa satu pertiga daripada Lembaga hendaklah bersara daripada pejabat dan menjadi layak untuk pemilihan semula pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan.

Para Pengarah melebihi umur tujuh puluh tahun diminta untuk menawarkan diri mereka bagi pelantikan semula setiap tahun selaras dengan Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965 ("Akta").

#### IMBUHAN

##### Imbuhan Para Pengarah

Imbuhan setiap Pengarah menunjukkan tahap tanggungjawab dan komitmen yang dipikul selaras dengan keahlian Lembaga.

Dalam hal Pengarah Eksekutif, bahagian komponen imbuhan distrukturkan agar berkait dengan ganjaran kepada prestasi individu dan Kumpulan. Prestasi diukur mengikut sumbangan dan komitmen Pengarah kepada Lembaga dan Kumpulan. Dalam hal Pengarah-pengarah bukan eksekutif, tahap imbuhan menunjukkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Pengarah bukan eksekutif yang tertentu.

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan mengesyorkan kepada Lembaga rangka kerja bagi imbuhan Pengarah Eksekutif dan pakej imbuhan bagi setiap Pengarah eksekutif.

Penentuan imbuhan Pengarah eksekutif dan bukan eksekutif merupakan urusan bagi Lembaga secara keseluruhan. Syarikat membayar balik perbelanjaan yang munasabah yang ditanggung oleh para Pengarah ini dalam perjalanan tugas mereka sebagai Pengarah. Para Pengarah tidak menyertai dalam keputusan mengenai pakej imbuhan mereka sendiri.

#### Yuran

Yuran perlu dibayar kepada para Pengarah bukan eksekutif ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan pemegang-pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

**Gaji Pokok**

Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan menjalankan kajian tahunan gaji pokok semua pengarah eksekutif Kumpulan, termasuk setiap Pengarah eksekutif, dengan mengambil kira prestasi individu dan amalan dalam industri.

**Skim Bonus & Insentif**

Kumpulan mengadakan skim bonus dan insentif bagi semua kakitangan, termasuk para Pengarah Eksekutif. Kriteria bagi skim bergantung pada prestasi kewangan Kumpulan berdasarkan pada formula yang diwujudkan. Bonus dan insentif perlu dibayar kepada para Pengarah eksekutif dikaji oleh Jawatankuasa Pelantikan & Imbuhan dan diluluskan oleh Lembaga. Bayaran berhubung dengan tahun 2001 ditunjukkan di bawah.

**Faedah Bukan Berbentuk Wang**

Lain-lain faedah biasa (seperti penjagaan perubatan dan kereta peribadi) disediakan sebagaimana yang sewajarnya selaras dengan garis panduan yang dinyatakan dalam Manual Sumber Manusia & Pentadbiran.

**Pengaturan Pencen**

Caruman dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, pelan caruman negara yang mandatori, berhubung dengan semua Pengarah eksekutif yang menetap di Malaysia. Selain itu, semua Pengarah eksekutif menyertai dalam pelan ditentukan gaji akhir dibiayai oleh Kumpulan, yang dikenali sebagai Skim Persaraan IJM, dengan objektif menyediakan jumlah sekaligus yang munasabah semasa bersara, termasuk persaraan awal dan atas alasan penyakit kronik. Skim juga menyediakan bayaran sekaligus dalam hal kematian semasa dalam perkhidmatan.

**Opsyen Saham dan Waran Para Pengarah**

Pergerakan dalam opsyen dan waran saham para Pengarah dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001 dinyatakan pada muka surat 68 dan 69.

**Imbuhan Pengarah**

Butir-butir mengenai imbuhan para Pengarah dalam tahun adalah seperti berikut:

1. Agregat imbuhan para Pengarah dikategorikan ke dalam komponen sewajarnya:

|                          | Faedah Bukan Dalam Bentuk |              |                         |             |               |
|--------------------------|---------------------------|--------------|-------------------------|-------------|---------------|
|                          | Gaji RM'000               | Yuran RM'000 | Bonus & Insentif RM'000 | Wang RM'000 | Jumlah RM'000 |
| Pengarah Eksekutif       | 1,412                     | 0            | 522                     | 37          | 1,971         |
| Pengarah Bukan-Eksekutif | 343                       | 150          | 98                      | 40          | 631           |

2. Agregat imbuhan setiap Pengarah:

| Pengarah Eksekutif                                   | RM'000 (Dalam lingkungan turutan RM50,000) |      |      |      |      |      |      |      |      |      |
|--|--|------|------|------|------|------|------|------|------|------|
|  | <200                                       | >200 | >250 | >300 | >350 | >400 | >450 | >500 | >550 | >600 |
|  | ≤200                                       | ≤250 | ≤300 | ≤350 | ≤400 | ≤450 | ≤500 | ≤550 | ≤600 | ≤650 |
| Tan Boon Seng @ Krishnan                             |  |      |      |      |      |      |      |      |      | ✓    |
| Goh Chye Koon  |  |      |      |      |      |      |      |      |      |      |
| Soo Heng Chin  |  |      | ✓    |      |      |      |      |      |      |      |
| Velayuthan a/l Tan Kim Song                          |  |      |      | ✓    |      |      |      |      |      |      |
| Ooi Poay Lum<br>(Meletak jawatan pada 31 Julai 2001) | ✓  |      |      |      |      |      |      |      |      |      |

| Pengarah Bukan Eksekutif                                       | RM'000 (Dalam lingkungan turutan berjumlah RM50,000) |             |              |              |              |              |
|--|--|-------------|--------------|--------------|--------------|--------------|
|  | >0<br>≤50  | >50<br>≤100 | >100<br>≤150 | >150<br>≤200 | >200<br>≤250 | >250<br>≤300 |
| Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin | ✓  |             |              |              |              |              |
| Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor                 | ✓  |             |              |              |              |              |
| Datuk Yahya Bin Ya'acob  | ✓  |             |              |              |              |              |
| Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob         |  | ✓           |              |              |              |              |
| Dato' Goh Chye Keat  | ✓  |             |              |              |              |              |
| Dato' Arthur Tan Boon Shih (Meletak jawatan pada 4 April 2002) | ✓  |             |              |              |              |              |
| Choo Choon Yeow  |  |             |              |              |              | ✓            |
| Lai Meng   | ✓  |             |              |              |              |              |
| Haji Osman bin Haji Ismail                                     | ✓  |             |              |              |              |              |
| Khoo Chew Meng (Meletak jawatan pada 15 Ogos 2001)             |  |             |              |              | ✓            |              |

**HUBUNGAN PARA PELABUR DAN KOMUNIKASI PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM****Dialog di antara Syarikat dan Pelabur-pelabur:**

Selaras dengan urus tadbir korporat yang baik, Kumpulan menggalakkan penggunaan dasar terbuka dan telus berhubung dengan perhubungannya dengan pemegang-pemegang saham dan pelabur-pelaburnya. Lembaga menyedari keperluan bagi pemegang-pemegang saham untuk dimaklumkan akan semua urusan perniagaan material yang melibatkan Kumpulan.

Sebagai tambahan kepada pelbagai pengumuman yang dibuat sepanjang tahun, pengeluaran keputusan kewangan tepat pada masa atas dasar suku tahunan menyediakan kepada pemegang-pemegang saham gambaran keseluruhan prestasi dan operasi Kumpulan.

Kumpulan mengadakan dialog-dialog dengan juruanalisis kewangan dari masa ke masa sebagai cara komunikasi berkesan yang membolehkan Lembaga dan pihak Pengurusan untuk menyampaikan maklumat mengenai prestasi Syarikat, strategi korporat dan lain-lain perkara yang melibatkan kepentingan pemegang-pemegang saham. Satu sidang akhbar biasanya diadakan selepas Mesyuarat Agung Tahunan dan/atau Mesyuarat Agung Luarbiasa Syarikat.

Bagi tahun 2001, pembentangan telah dibuat oleh Pengarah Urusan Kumpulan untuk menjelaskan strategi Kumpulan, prestasi dan perkembangan besar kepada pemegang-pemegang saham semasa Mesyuarat Agung Tahunan. Walau bagaimanapun, apa-apa maklumat yang mungkin dianggap material tidak akan diberi kepada mana-mana seorang pemegang saham atau kumpulan pemegang saham.

Syarikat telah menyertai dalam beberapa forum pelabur institusi dalam tahun kewangan sama ada di dalam negeri dan di luar Malaysia. Syarikat juga telah menyertai dalam Minggu Pelabur 2001 yang dianjurkan oleh BSKL pada September 2001.

Laporan Tahunan mengandungi ulasan mengenai kajian perniagaan, kajian kewangan dan operasi dan keterangan ringkas mengenai khidmat dan produk Kumpulan. Selain itu, Kumpulan telah menuhubkan laman web di <http://www.ijm.com> (yang telah diubahsuai pada Mac 2002) untuk mempertingkatkan selanjutnya perhubungan pelabur-pelabur dan komunikasi pemegang-pemegang saham, termasuk akses mereka kepada maklumat mengenai Syarikat dan Kumpulan. Antara lain, laman web memberikan pergerakan harian mengenai sekuriti-sekuriti Syarikat, pengumuman korporat kepada BSKL, pendapat umum tentang Syarikat, laporan tahunan, dan profil Kumpulan, termasuk Memorandum & Tataurusan Pertubuhan Syarikat.



## Laporan Jawatankuasa Audit

### Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan adalah forum utama bagi dialog dengan pemegang-pemegang saham. Notis mesyuarat dan laporan tahunan dihantar kepada pemegang-pemegang saham sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh mesyuarat selaras dengan Tataurus Pertubuhan Syarikat.

Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga menggalakkan pemegang-pemegang saham untuk menyertai dalam sesi soal jawab. Pengerusi dan, di mana yang wajar, Pengarah Urusan Kumpulan menjawab soalan-soalan pemegang-pemegang saham semasa mesyuarat. Di mana sesuai, Pengerusi akan mengaku janji untuk memberikan jawapan bertulis kepada soalan-soalan yang penting yang tidak boleh dijawab semasa mesyuarat.

Dalam hal pelantikan semula para Pengarah, notis mesyuarat akan menyatakan Pengarah mana yang menawarkan pelantikan atau pelantikan semula.

Setiap perkara urusan khas termasuk dalam notis mesyuarat diiringi dengan penjelasan bagi cadangan resolusi. Resolusi berasingan dicadangkan untuk isu berasingan yang penting dalam mesyuarat, dan Pengerusi akan mengumumkan bilangan undi proksi yang diterima yang menyokong dan juga yang menentang resolusi sebelum pengundian bagi setiap resolusi.

### KEBERTANGGUNGJAWAPAN DAN AUDIT

#### Pelaporan Kewangan

Dalam membentangkan pengumuman penyata kewangan tahunan kepada pemegang-pemegang saham, para Pengarah berhasrat untuk membentangkan penilaian taksiran yang adil dan boleh difahami tentang kedudukan dan prospek Kumpulan. Ini juga terpakai kepada lain-lain laporan awam yang sensitif harga dan laporan kepada pengawal atur.

#### Penyata Tanggungjawab Pengarah

Para Pengarah diperlukan oleh Akta untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan yang telah disediakan selaras dengan piawaian perakaunan diluluskan terpakai dan memberi gambaran yang adil dan saksama mengenai hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah:

- menggunakan polisi-polisi perakaunan yang wajar dan digunakan secara konsisten;
- membuat keputusan dan anggaran yang adalah munasabah dan berhemah;
- memastikan bahawa semua piawaian perakaunan yang terpakai telah diikuti; dan
- menyediakan penyata kewangan atas dasar usaha berterusan sebagaimana para Pengarah jangkakan secara munasabah, setelah membuat pertanyaan, bahawa Kumpulan dan Syarikat-syarikat mempunyai sumber-sumber yang mencukupi untuk meneruskan dalam kewujudan operasi bagi masa hadapan yang boleh diramal.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa Syarikat menyimpan rekod perakaunan yang menunjukkan dengan ketepatan munasabah kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat dan yang membolehkan mereka untuk memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi Akta.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab secara keseluruhan untuk mengambil langkah-langkah tertentu sebagaimana yang munasabah terbuka kepada mereka untuk melindungi aset-aset Kumpulan dan untuk menghalang dan mengesan penipuan dan lain-lain perkara di luar aturan.

#### Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman Kumpulan dibentangkan pada muka surat 50 hingga 51.

#### Perhubungan dengan Juruaudit:

Peranan Jawatankuasa Audit berhubung dengan juruaudit luar dinyatakan pada muka surat 47 hingga 49.

#### Keahlian dan Mesyuarat

Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat empat (4) kali sepanjang tahun 2001 dan kehadiran setiap ahli Jawatankuasa Audit adalah seperti berikut:

|  | Bil. mesyuarat yang diadakan dalam tahun tersebut | Bil. mesyuarat yang dihadiri |
|--|---|------------------------------|
| Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor<br>Pengerusi Jawatankuasa Audit<br>(Pengarah Kanan Bukan-Eksekutif Bebas) | 4   | 4                            |
| Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob<br>Ahli (Pengarah Bukan-Eksekutif)                                | 4   | 4                            |
| Tan Boon Seng @ Krishnan<br>Ahli (Pengarah Urusan Kumpulan)<br>(Meletak jawatan pada 12 April 2002)                      | 4   | 4                            |

Pengurus Audit Dalaman dan Pengarah Kewangan menghadiri mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Audit yang berkenaan apabila diperlukan berbuat demikian. Juruaudit luar menghadiri tiga mesyuarat dalam tahun itu.

Y. Bhg. Datuk Yahya bin Yaacob dan En Oh Chong Peng telah dilantik sebagai ahli bukan-eksekutif bebas Jawatankuasa audit pada 12 April 2002.

#### Kegiatan-kegiatan

Dalam tahun kewangan, kegiatan-kegiatan Jawatankuasa Audit termasuk mengkaji dan membincang:

- pengumuman keputusan kewangan suku tahunan;
- penyata kewangan akhir tahun Kumpulan;
- laporan juruaudit luar berhubung dengan isu-isu audit dan perakaunan yang timbul daripada audit, dan mengemaskini perkembangan-perkembangan baru mengenai piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia;
- strategi dan perancangan audit tahunan juruaudit luar;
- urusniaga pihak-pihak berkaitan yang timbul dalam Syarikat dan Kumpulan;
- rancangan audit tahunan yang dicadangkan oleh Juruaudit Dalaman; dan
- laporan audit yang dibentangkan oleh Juruaudit Dalaman ke atas penemuan dan pengesyan berhubung dengan kelemahan sistem dan kawalan.

#### Fungsi Audit Dalaman

Fungsi Audit Dalaman kini diformalkan dan dilaksanakan oleh Jabatan Audit Dalaman (IAD) yang telah ditubuhkan oleh Jawatankuasa Audit dalam tahun kewangan. Peranan utama IAD adalah untuk menyediakan Jawatankuasa Audit dengan laporan-laporan bebas dan berobjektif mengenai keberkesanan sistem kawalan dalaman dalam Kumpulan.

Jabatan Audit Dalaman telah melaksanakan penilaian sistem kawalan dalam yang merangkumi urus tadbir, operasi dan sistem maklumat Kumpulan mengenai bidang-bidang utama operasi Kumpulan. Laporan-laporan audit dalaman telah dibincangkan oleh Jawatankuasa Audit dan pengesyan diambil tindakan sewajarnya oleh pengurusan.

Datuk Yahya  
bin Yaacob

Oh Chong Peng

Tan Sri Dato' (Dr)  
Haji Murad bin  
Mohamad NoorTan Sri Dato' Ir. (Dr)  
Wan Abdul Rahman  
bin Wan Yaacob

## BIDANG-BIDANG TUGAS JAWATANKUASA AUDIT

### **Keahlian**

Jawatankuasa Audit akan dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan Pengarah-pengarah dan akan terdiri tidak kurang daripada tiga ahli, majoriti daripada jawatankuasa audit mestilah Pengarah-pengarah bebas. Ahli-ahli jawatankuasa audit akan memilih pengerusi daripada kalangan mereka yang hendaklah pengarah bebas. Pengarah silih ganti tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

Sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa Audit:

- (i) mesti merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia; atau
- (ii) sekiranya beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau mesti mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja dan:
  - (a) beliau mesti lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
  - (b) beliau mesti merupakan ahli daripada salah satu persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967.

Lembaga Pengarah hendaklah mengkaji semula tugas-tugas jabatan dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap ahlinya sekurang-kurangnya satu kali setiap tiga tahun untuk menentukan sama ada Jawatankuasa Audit telah menjalankan kewajipan-kewajipan mereka selaras dengan bidang-bidang tugas.

### **Mesyuarat dan Minit**

Mesyuarat akan diadakan tidak kurang daripada empat kali setahun, dan akan biasanya dihadiri oleh Pengarah Kewangan dan Ketua Audit Dalaman. Kehadiran juruaudit luar akan diminta, sekiranya diperlukan. Lain-lain ahli Lembaga boleh menghadiri mesyuarat atas pelawaan Jawatankuasa Audit. Sekurang-kurangnya satu kali setahun, Jawatankuasa akan bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran mana-mana ahli lembaga eksekutif. Juruaudit, kedua-dua dalaman dan luar, boleh meminta mesyuarat diadakan sekiranya mereka menganggap yang ianya perlu.

Korum hendaklah dua ahli yang hadir dan yang majoriti mestilah pengarah bebas.

Setiausaha kepada Jawatankuasa Audit hendaklah merupakan Setiausaha Syarikat. Minit-minit bagi setiap mesyuarat akan diedarkan kepada setiap ahli Lembaga. Pengerusi Jawatankuasa hendaklah melaporkan ke atas setiap mesyuarat kepada Lembaga.

### **Autoriti**

Jawatankuasa diberi kuasa oleh Lembaga untuk menyiasat mana-mana kegiatan dalam bidang-bidang tugasnya dan hendaklah mempunyai akses tidak terbatas kepada mana-mana maklumat berkaitan dengan Kumpulan, kedua-dua juruaudit luar dan dalaman dan kepada semua kakitangan Kumpulan. Jawatankuasa juga diberi kuasa oleh Lembaga untuk memperolehi nasihat undang-undang atau nasihat bebas sebagaimana perlu.

### **Tugas-tugas**

- 1) Untuk berbincang dengan juruaudit luar, sebelum permulaan audit, rancangan audit, yang menyatakan jenis audit, dan untuk memastikan penyelarasan audit di mana lebih daripada satu firma audit terlibat.
- 2) Untuk mengkaji bantuan yang diberikan oleh kakitangan Syarikat kepada juruaudit luar.
- 3) Untuk mengkaji pelaporan suku tahunan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur ("BSKL") dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan sebelum pengemukaan kepada Lembaga, memberi tumpuan ke atas:
  - (i) andaian usaha berterusan;
  - (ii) apa-apa perubahan dalam polisi perakaunan;
  - (iii) isu-isu penting timbul daripada audit;
  - (iv) pematuhan dengan piawaian, syarat-syarat berperaturan dan lain-lain syarat undang-undang perakaunan; dan
  - (v) bidang memerlukan pertimbangan utama.
- 4) Untuk mengawasi mana-mana urusniaga pihak berkaitan dan keadaan percanggahan kepentingan yang mungkin timbul dalam Syarikat atau Kumpulan termasuk mana-mana urusniaga, prosedur atau perjalanan perlakuan yang menimbulkan soalan-soalan keutuhan pengurusan. Mereka juga diminta untuk memastikan bahawa para Pengarah melaporkan urusniaga sedemikian secara tahunan kepada pemegang-pemegang saham melalui laporan tahunan.
- 5) Untuk mengkaji apa-apa surat peletakan jawatan daripada juruaudit luar, dan apa-apa persoalan perletakan jawatan atau pemecatan.
- 6) Untuk menimbang penamaan dan pelantikan juruaudit luar, serta yuran audit.
- 7) Untuk mengkaji dengan juruaudit luar, penilaian beliau terhadap sistem kawalan dalaman, surat pengurusan beliau dan jawapan pengurusan.
- 8) Untuk mengkaji yang berikut berhubung dengan audit dalaman:
  - (i) kecukupan ruang lingkup, fungsi dan sumber fungsi audit dalaman dan bahawa ianya mempunyai autoriti yang perlu untuk menjalankan kerjanya;
  - (ii) program audit dalaman;
  - (iii) penemuan-penemuan utama penyiasatan audit dalaman dan jawapan pengurusan, dan memastikan tindakan wajar diambil atas pengesyeran-pengesyeran fungsi audit dalaman.
  - (iv) penilaian prestasi kakitangan fungsi audit dalaman.
  - (v) pelantikan atau penamatkan ahli-ahli kakitangan kanan fungsi audit dalaman.
  - (vi) peletakan jawatan ahli-ahli kakitangan audit dalaman dan memberi ahli kakitangan yang meletak jawatan peluang untuk mengumumkan alasan beliau meletak jawatan.
- 9) Untuk menimbang penemuan-penemuan utama penyiasatan dalaman dan jawapan pengurusan.
- 10) Untuk membincangkan masalah-masalah dan reservasi yang timbul daripada audit luar interim dan audit luar akhir, dan apa-apa perkara juruaudit luar mungkin ingin bincangkan (dalam ketidaan Pengurusan, di mana perlu).
- 11) Untuk mengkaji laporan-laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko berhubung dengan kecukupan dan keutuhan sistem kawalan dalaman Kumpulan.
- 12) Untuk menimbang lain-lain topik sebagaimana ditetapkan oleh Lembaga.
- 13) Untuk melapor secara tepat pada masa kepada BSKL mengenai mana-mana perkara yang dilaporkan olehnya kepada Lembaga Pengarah, yang tidak dirumuskan dengan memuaskan mengakibatkan pelanggaran Syarat-syarat Penyenaraian BSKL.
- 14) Untuk mengkaji semua maklumat kewangan prospektif yang diberikan kepada pengawal atur dan/atau orang-orang awam.

# Penyata Kawalan Dalaman

## Tanggungjawab

Lembaga Pengarah menyedari kepentingan kawalan dalaman yang kukuh dan amalan pengurusan risiko kepada urus tadbir korporat yang baik. Lembaga mengesahkan tanggungjawab keseluruhan bagi sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko Kumpulan IJM, dan untuk mengkaji kecukupan dan keutuhan sistem-sistem tersebut. Walau bagaimanapun harus diambil perhatian, bahawa sistem-sistem sedemikian direka untuk mengurus dan bukannya menghapuskan risiko kegagalan untuk mencapai objektif perniagaan. Selain daripada itu, harus diambil perhatian bahawa mana-mana sistem boleh menyediakan hanya jaminan yang berpatutan, dan bukan muktamad, terhadap salah nyataan atau kerugian material.

Kumpulan mempunyai proses yang diamalkan bagi mengenal pasti, menilai, mengawasi, dan mengurus risiko-risiko ketara yang menjelaskan pencapaian objektif perniagaannya pada sepanjang tempoh. Proses ini disemak semula oleh Jawatankuasa Audit, yang mendedikasikan masa berasingan bagi perbincangan perkara ini. Dengan bantuan pakar-pakar luar, Kumpulan pada masa ini sedang mengkaji, menyusun semula, dan mendokumenkan amalan pengurusan risikonya untuk memperbaiki proses ini selanjutnya.

## Rangka kerja pengurusan risiko

Lembaga telah menukuhkan struktur organisasi dengan garis-garis kebertanggungjawapan dan penugasan autoriti yang jelas. Ia telah melanjutkan tanggungjawab-tanggungjawab Jawatankuasa Audit untuk merangkumi kerja pengawasan semua kawalan dalaman, bagi pihaknya.

Kumpulan telah menukuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), yang dipengerusikan oleh Pengarah Kewangan Kumpulan. RMC, pada ketika ini, termasuk Pengurus Audit Dalaman Kumpulan dan wakil-wakil dari unit-unit perniagaan berkaitan di bahagian Pembinaan. RMC kerap bermesyuarat untuk menimbang apa-apa perubahan kepada pengurusan risiko dan proses kawalan harus disyorkan. Kajiannya meliputi perkara-perkara seperti jawapan kepada risiko-risiko ketara yang dikenal pasti, output daripada proses pengawasan dan perubahan dibuat kepada sistem kawalan dalaman. Ia melapor kepada Jawatankuasa Audit. Adalah hasrat RMC untuk meletakkan semua bahagian perniagaan Kumpulan di bawah perlindungannya dalam tahun 2002.



**Jawatankuasa Pengurusan Risiko**

Kiri ke Kanan: En Raw Koon Beng (Penolong Pengurus - Akaun), En Md. Ghazali bin Ali (Pengurus Projek), En Loy Boon Chen (Pengarah Kewangan), En Wong Choong Ming (Pengurus - Audit Dalaman), Cik Pang Sek Loh (Pengurus Kanan - Teknikal) & En Liew Chee Khong (Pengurus Kanan - Akaun)

## Kawalan Penilaian Diri

Penting kepada kawalan dalaman Kumpulan dan sistem pengurusan risiko adalah proses Kawalan Penilaian Dirinya (CSA), yang ia telah wujudkan baru-baru ini dengan bantuan pakar-pakar luar. Penilaian dan taksiran risiko akan mengambil tempat sebagai bahagian penting bagi pusingan perancangan strategik tahunan. Setelah mengenalpasti risiko-risiko kepada pencapaian objektif-objektif strategik mereka, setiap perniagaan atau unit kefungsian diminta untuk mendokumen tindakan peringinan pengurusan bagi setiap risiko penting. Bidang-bidang baru diperkenalkan bagi penilaian apabila profil risiko perniagaan berubah.

Di bawah CSA, setiap perniagaan atau unit kefungsian, kecuali rakan sekutu dan usahasama pada ketika ini, menyediakan secara tahunan 'peta risiko' yang meringkaskan risiko, kawalan dan proses bagi menguruskannya dan cara-cara bagi memastikan pengurusan bahawa proses-proses adalah berkesan. Ibu pejabat Kumpulan juga menimbangkan risiko-risiko kepada objektif strategik Kumpulan, yang tidak diuruskan oleh perniagaan atau unit kefungsian, dan mewujudkan peta risikonya sendiri. Peta-peta risikonya dilaporkan kepada RMC yang meringkaskan risiko bagi pertimbangan oleh Jawatankuasa Audit.

## Lain-lain elemen penting bagi kawalan dalaman

Lain-lain elemen penting sistem kawalan dalaman Kumpulan termasuk:

- penugasan tanggungjawab dijelas secara nyata kepada jawatankuasa Lembaga dan unit-unit operasi, termasuk tahap pemberian kuasa untuk semua aspek perniagaan yang dibentangkan dalam campuran autoriti;
- piawaian polisi dan prosedur operasi yang didokumen dengan jelas yang tertakluk kepada kajian tetap dan diperbaiki;
- maklumat tetap dan komprehensif disediakan kepada pengurusan, meliputi prestasi kewangan dan penunjuk perniagaan penting, seperti penggunaan kakitangan dan prestasi aliran tunai;
- proses belanjawan yang terperinci di mana unit operasi menyediakan belanjawan bagi tahun akan datang yang diluluskan pada kedua-dua tahap unit operasi dan oleh Lembaga penuh;
- pengawasan keputusan bulanan berbanding belanjawan, dengan perubahan utama dibuat susulan dan tindakan pengurusan diambil, di mana perlu; dan
- lawatan ke unit operasi oleh ahli-ahli Lembaga dan pengurusan kanan.

Beberapa kelemahan kecil kawalan dalaman telah dikenal pasti dalam tempoh tersebut, semua yang mana telah, atau sedang, ditangani. Tidak ada kelemahan telah mengakibatkan apa-apa kerugian, kontingenzi, atau ketidakpastian material yang akan memerlukan pendedahan dalam laporan tahunan Kumpulan.

## Penyata Mengenai Mutu

### PERJALANAN KE ARAH KECEMERLANGAN MENERUSI MUTU

Kumpulan IJM telah membina reputasi bagi mutu dan komited secara tegas kepada motonya "Kecemerlangan Menerusi Mutu". Ia merupakan objektif Kumpulan untuk secara berterusan meningkatkan tahap Prestasi Mutu bagi memastikan bahawa Kumpulan berjaya dalam perniagaan. Untuk tujuan ini, Kumpulan berusaha untuk menjalankan operasinya dalam cara tertentu agar semua projek dan perkhidmatan yang dijalankan memenuhi keperluan klien manakala ia secara berterusan melengkapsing dirinya dengan metodologi dan alat-alat perlu bagi meningkatkan mutu secara sistematis.

### Polisi Mengenai Mutu


Ia merupakan polisi Kumpulan IJM bahawa:

- Semua projek dan perkhidmatan yang dijalankan akan dilaksanakan dalam cara tertentu agar ia melebihi jangkaan pelanggan.
- Mutu produk dan perkhidmatan akhir akan dipertingkatkan melalui kajian berterusan dan pemajuan proses pembinaan dan sistem jaminan mutu.
- Kemahiran pekerja-pekerja kami yang berkelayakan dan berdedikasi pada semua peringkat akan dipertingkatkan untuk memberi khidmat yang lebih baik kepada pelanggan kami.


### Sistem Penaksiran Mutu dan Keselamatan IJM (IQSAS)

Kumpulan IJM telah merangkakkan sistem pengurusan mutu yang ditauliahkan ISO 9002:1994 bermula pada tahun 1996. Sejak itu, Kumpulan telah dengan jayanya memperbaharui pensijilannya setiap tahun. Untuk memperbaiki selanjutnya mutu bangunan siapnya, Kumpulan telah mewujudkan satu piawaian dikenali sebagai Sistem Penaksiran Mutu dan Keselamatan (IQSAS) IJM.

IQSAS adalah sistem berpengaturan sendiri prosedur dan kaedah pengujian dalam mana piawaian-piawaian ditetapkan bagi pelbagai aspek mutu dan keselamatan bagi pembinaan bangunan seperti struktur, senibina dan kerja-kerja mekanikal dan kejuruteraan.



Carta di atas menerangkan loncatan kuantum dalam pencapaian mutu IJM sepanjang beberapa tahun lepas.



Pusingan Peningkatan Mutu Berterusan

Dalam persekitaran kemahiran rendah dan tenaga kerja asing sementara, pengenalan IQSAS akan membolehkan Kumpulan mempertingkatkan piawaian prestasi mutu dan keselamatan dalam projek-projek bangunannya.

Sistem pengurusan mutu projek IJM secara berterusan dinilai melalui Audit Mutu Dalaman dilaksanakan oleh juruaudit daripada Jabatan Sistem Mutu dan Keselamatan (QSSD) bertapak di Ibu Pejabat. Setiap projek biasanya diaudit dua kali setahun. Dalam tahun 2001, QSSD menjalankan sejumlah 50 tugas audit. Sebaik sahaja laporan ketakpatuhan (NCR) dikeluarkan, projek-projek dijangka membetulkan kelemahan dalam prestasi mutu.

Keputusan semua audit dikemukakan dan disampaikan kepada Jawatankuasa Pengurusan Mutu (QMC) untuk kajian pengurusan secara kerap. QMC kemudian, di mana perlu, membuat pengesyoran-pengesyoran mengenai langkah-langkah untuk memperbaiki IQSAS.

Proses peningkatan berterusan ini memastikan bahawa mutu produk akhir diberi keutamaan yang paling tinggi.

Kumpulan juga mempunyai pertandingan Anugerah Mutu di mana projek-projek dinilai secara tahunan bagi kepuasan pelanggan-pelanggan melalui kajian bebas. Projek dengan mata tertinggi dihadiahkan dengan Trofi Cabaran Pengerusi QMC dan hadiah wang, dan bonus dipertingkatkan bagi kakitangan projek.



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Mutu, dipengerusikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan En Krishnan Tan, sedang bersidang

## Penyata Mengenai Keselamatan dan Kesihatan

### Polisi Kesihatan dan Keselamatan

Kumpulan menganggap langkah-langkah untuk menghalang kecederaan dan bahaya kesihatan pekerjaan dan memastikan keselamatan awam sebagai yang paling utama apabila menjalankan kegiatan-kegiatan perniagaannya.

Sepanjang beberapa tahun, Kumpulan telah juga menyemai ke dalam budaya kerjanya keperluan untuk mengekal dan meningkatkan tahap tinggi kesedaran keselamatan.

Moto kami "Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar Adalah Tanggungjawab Semua" telah menjadi prinsip panduan kami dalam mencapai pematuhan oleh seluruh kumpulan. Satu usaha bersama diharapkan dari semua orang untuk menghalang kemalangan dan bahaya kesihatan pekerjaan.

### Strategi untuk melaksana polisi

- Mematuhi semua syarat perundungan yang terpakai
- Melibatkan dirinya untuk mencapai piawaian pematuhan lebih tinggi
- Meningkatkan kesedaran dan kebertanggungjawapan pada semua tahap pengurusan dan kakitangan mengenai tanggungjawab mereka terhadap keselamatan dan kesihatan;
- Menyediakan maklumat, latihan dan kemudahan kepada setiap kakitangan dan pihak-pihak berkepentingan;
- Mengawasi prestasi dan mengkaji sistem secara tetap untuk mencapai piawaian kesihatan dan keselamatan yang lebih tinggi.

### Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (SHC) ditubuhkan di setiap projek dan Ibu Pejabat IJM bagi tujuan:

- membantu dalam pembangunan syarat-syarat keselamatan dan kesihatan dan sistem selamat kerja;
- mengkaji keberkesanan program-program keselamatan dan kesihatan;
- menjalankan penyiasatan ke atas trend kemalangan, kemalangan yang hampir berlaku, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan, sekiranya ada, yang berlaku di tempat kerja, dan melapor kepada pengurusan bagi apa-apa keadaan atau amalan-amalan tidak selamat atau tidak sihat di tempat kerja dengan pengesyoran bagi tindakan pembetulan; dan
- mengkaji polisi-polisi keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan membuat pengesyoran kepada pengurusan bagi apa-apa semakan semula bagi polisi tersebut.



Latihan pertolongan kecemasan



GMD En Krishnan Tan berucap kepada tetamu semasa penyampaian anugerah OHSAS 18001: 1999 di Sheraton Hotel, Subang Jaya.

### Latihan

Kakitangan IJM juga sentiasa menjalani program latihan sistem pengurusan keselamatan yang dianjurkan oleh Jabatan Pekerjaan, Keselamatan dan Kesihatan (DOSH). Latihan induksi diberi kepada semua kakitangan atau pekerja baru yang menyertai tapak kerja. Dalam langkah proaktif untuk meningkatkan tahap kesedaran keselamatan, pada tahun 2001, IJM telah secara bersama menganjur kursus Pegawai Keselamatan dan Kesihatan dengan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH).

### OHSAS 18001:1999

Pada 3 November 2000, IJM Corporation Berhad dan IJM Construction Sdn Bhd menerima pensijilan OHSAS 18001:1999 oleh SIRIM, dengan itu menjadi syarikat Malaysia yang pertama dalam industri pembinaan untuk dianugerahkan pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa ini.

Dalam tahun 2001, sekurang-kurangnya dua audit keselamatan dan kesihatan telah dijalankan ke atas setiap projek. Tindakan-tindakan wajar bagi tindakan peningkatan dan pencegahan telah disyorkan dan diambil untuk memperbetulkan apa-apa kelemahan atau kekurangan yang dikenal pasti.

Jawatan Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Kumpulan, diketuai oleh Pengarah Pengurusan Kumpulan, dan terdiri daripada pengurusan kanan daripada pelbagai unit perniagaan dan unit kefungsian, bermesyuarat secara berkala untuk mengkaji sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan sebagai sebahagian daripada usaha-usaha untuk memastikan amalan berkesan bagi kesihatan dan keselamatan pekerjaan di tempat kerja.

8 SATURDAY, JANUARY 5, 2002

NATIONAL

## Shortage in workforce foreseen

Certain sectors like financial services may experience excess labour

By Chew Kun Hor and Shahabudeen Adam Shah

**PITALOGI JAYA, PJL** The country is expected to face a severe shortage in workforce despite the robust economic growth. In the financial services sector, for instance, more workers are likely to experience excess labour. However, there will be a slight surplus in the labour market in the financial services sector, according to Michael Fong, managing director of the Institute of Financial Services Malaysia. He said the industry's growth rate was expected to grow seven per cent compared to nine per cent last year, while employment would not follow suit.

Under international standards, a country's unemployment rate of four per cent is considered to have achieved full employment.

The country's unemployment rate is currently at 4.5 per cent.

"The country's unemployment rate is

likely to be around 4.5 per cent,

and

therefore, there is no labour

shortage," he said.

Fong complimented IJM Corporation for its work safety record. IJM

Corporation is the first local construction company to be awarded

the OHSAS 18001 certification, an

internationally-recognised stand-

ard in work safety and health.



Above: IJM Corporation's safety awards (standing from left): Sultan Zainuddin (best safety site), Abd Rauf (best performance), Iskandar Mohd Yusof (best safety performance — safety health supervisor), Michael Fong (best performance — project manager) and Shahrizan Abdul Razak (best safety supervisor); seated from left: Firdaus (best performance — multi-contract), Chua Foo Kheng (best safety performance — office staff) and Wong (best performance — site supervisor).

# Penyata Mengenai Alam Sekitar

## Polisi

Kumpulan mempunyai tanggungjawab sosial ke arah kesejahteraan alam sekitar lebih baik dan akan menggabungkan objektif perniagaan dengan pembangunan jangka panjang boleh dikenalkan.

## Pengurusan Alam Sekitar

Kumpulan menyedari bahawa isu-isu alam sekitar adalah jangka panjang dan juga kompleks. Terdapat isu-isu alam sekitar dalam kebanyakan operasi kita dan terdapat keperluan untuk mengaplikasikan prinsip-prinsip umum dan struktur asas dalam Kumpulan IJM yang berkembang secara pesat. Kumpulan secara berterusan mengkaji dan mengawasi perkara-perkara dengan keimbangan alam sekitar dalam terlebih dahulu mengambil langkah untuk mencegah kerosakan yang tidak boleh diterbalikkan dilakukan terhadap alam sekitar. Sistem pengurusan alam sekitar direka bentuk secara wajar adalah, dengan itu, satu syarat yang wajib bagi kawalan alam sekitar yang cekap.

Pengurusan alam sekitar operasi pembinaan mengikuti garis Rancangan Pengurusan Alam Sekitar (EMP), yang termasuk tetapi tidak semestinya terhad kepada:

- bagaimana isu-isu alam sekitar yang timbul akan ditangani dalam rekabentuk kejuruteraan, dan
- bagaimana prosedur perlindungan alam sekitar dan peringanan akan dilaksanakan dalam semua fasa pembinaan dan fasa operasi, sekiranya terpakai.

Komponen-komponen utama EMP menggabungkan perkara-perkara berikut:

- Penerangan Projek: Garis kasar komponen-komponen dan ciri-ciri projek, dan kegiatan-kegiatan utama terlibat dalam pembinaan;
- Kesan Alam Sekitar: Ringkasan potensi kesan-kesan alam sekitar dan keseriusannya. Bidang kesan merangkumi mutu udara, bunyi dan air, serta isu-isu kemanusiaan dan ekologi yang berkaitan dengan projek;
- Pembaikan: Mengenal pasti langkah-langkah pengurangan khusus yang akan digunakan untuk mengawal atau membaiki kesan-kesan yang dikenal pasti dan, dalam pembaikan, tahap sehingga mana langkah-langkah dinyatakan akan mengurangkan kesan;
- Pengawasan: Program bagi pematuhan mengawasi kawasan kesan berpotensi yang dikenal pasti dan keberkesanan langkah-langkah pembaikan dicadangkan.

EMP telah dilaksanakan dalam projek-projek tertentu sejak tahun 1997 dan akan dilaksanakan dalam projek-projek lain secara progresif.

## Laporan Pengawasan Dan Pematuhan Alam Sekitar

Pengawasan alam sekitar secara berterusan dijalankan pada tahap projek, sering-kali dengan bantuan perunding-perunding luar. Tujuan pengawasan adalah untuk menilai keberkesanan langkah-langkah pengurangan diambil untuk memastikan agar kesan-kesan kepada alam sekitar dikenalkan pada tahap minimum.

Laporan Pengawasan dan Pematuhan Alam Sekitar secara keseluruhannya menggabungkan elemen-elemen utama berikut:

- i) analisis keputusan bagi pelbagai pengawasan alam sekitar yang dijalankan;
- ii) penilaian bagi kesan-kesan alam sekitar dijangkakan dan keberkesanan langkah-langkah pembaikan;
- iii) laporan mengenai progres kerja berdasarkan maklumat yang dikemukakan;
- iv) pematuhan kepada syarat-syarat dan keperluan berperaturan yang diluluskan;
- v) pengesongan ke atas tindakan lanjutan, sekiranya ada.

Laporan-laporan ini dihasratkan untuk menyediakan kontraktor dan pihak-pihak berkuasa berkaitan dengan maklum balas mengenai pematuhan dan progres dengan pelaksanaan EMP dan untuk mengambil tindakan pembetulan yang perlu di mana laporan ketidakpatuhan telah difailkan.

## Perlindungan Alam Sekitar di Ladang-ladang

Bahagian Perladangan Kumpulan menyedari sepenuhnya kepentingan alam sekitar dan pembangunan ladang boleh dipertahankan dan yang demikian telah menggunakan amalan mesra alam yang baik sejak penubuhannya.

Pengurusan alam sekitar di ladang kelapa sawit kami mengikuti amalan terbaik digarisaskan dalam manual penanaman kami, yang mempunyai objektif-objektif utama berikut:

- Memperkenalkan amalan pengurusan agro terbaik untuk melindungi alam sekitar dan memulihara tanah, air, nutrien dan karbon;
- Melaksana proses-proses bagi pematuhan menyeluruh undang-undang, peraturan-peraturan dan piawaian-piawaian mengenai alam sekitar;
- Mengawasi keberkesanan pelaksanaan dan pematuhan.

Bahagian Perladangan telah mempraktik pelbagai amalan mesra alam untuk melindungi alam sekitar, sebagai contoh:

- Pemuliharaan Tanah dan Air – legum meliputi pengukuran, penteresan, pengairan dan penutupan bumi;
- Pengurusan Sisa Kilang – penggunaan penuh tandang buah kosong, sisa penyiring dan efluen kilang minyak sawit dan air untuk penggunaan ladang;
- Pengurusan Perosak Bersepadu – termasuk sistem amaran awal, kawalan biologi dan menanam pokok-pokok berfaedah untuk menambah kepelbagaiannya bagi serangga-serangga berfaedah;
- Pendekatan Pembakaran Sifar – bagi penanaman semula kelapa sawit

Pusat Mutu, Latihan dan Penyelidikan Bahagian Perladangan secara berterusan mengawasi pematuhan dan menghasilkan amalan baru untuk mempertingkatkan amalan pengurusan alam sekitar di ladang kelapa sawit.



Pengukuran tahap bunyi dikeluarkan oleh mesin pembinaan di ruang terbuka dalam kawasan kediaman terdekat projek Jalan Lingkaran Bandar U4 di Putrajaya

## Penyelidikan dan Pembangunan, serta Inovasi

IJM menyedari bahawa ia beroperasi dalam persekitaran yang bersaingan di mana mutu dan pemenuhan harapan pelanggan merupakan cara mencapai objektif-objektif perniagaannya.

Kami memperuntukkan sumber-sumber kami dalam cara yang sinergistik dan menghapuskan penduaan untuk memastikan produktiviti dan kecekapan yang lebih besar. Walau bagaimanapun, ini tidak boleh dicapai dengan sepenuhnya tanpa pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan, dan pendekatan-pendekatan berinovasi oleh pihak pengurusan.

### Inovasi dan Keunggulan Pembinaan

Kumpulan telah menempatkan dirinya sebagai pengusaha terunggul dalam industri pembinaan, khususnya melalui kerja-kerja pembinaan yang direkabentuk secara inovatif dan bermutu dijalankan dalam jangkamasa yang secepat mungkin. Kami percaya dalam memasang peralatan dan teknologi terkini untuk menghasilkan produk dan membina struktur dengan cepat, cekap dan dengan piawaian mutu pembinaan yang tinggi yang memenuhi keperluan hari ini dan memenuhi keperluan negara pada masa-masa akan datang.

Penganugerahan projek serah kunci Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) menjadi bukti kepada pegangan kami. PCC, apabila disiapkan akan terdiri daripada Dewan Bankuet Bulat dengan keluasan tanpa tiang 75 meter, Dewan Plenary dengan kapasiti 2,880 tempat duduk, Dewan Ketua-ketua Negara dan dewan-dewan pameran. Dinding dan lantai kemudahan-kemudahan ini adalah dirawat secara akustik untuk mengelak gangguan dan pemasangan lampu dan rekabentuk dalam dioptimumkan bagi mewujudkan atmosfera dan persekitaran yang betul. Oleh kerana PCC akan menjadi tuan rumah kepada acara-acara antarabangsa, ciri-ciri estetik, kemudahan dan keselamatan direka untuk memenuhi piawaian Bangsa-bangsa Bersatu. Kecanggihan kemudahan dan kekompleksan penyejaduannya memerlukan inovasi pembinaan tahap yang lebih tinggi yang jarang boleh lakukan.

IJM juga membina secara serah kunci Hospital Putrajaya – antara hospital tanpa kertas yang pertama di Malaysia; Landasan 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Terminal Kargo MAS – dianggap antara yang paling moden di dunia; enam pakej lebuhraya utama di Lebuhraya Ekspres Utara Selatan – salah satu daripada lebuhraya yang paling moden dan dilengkapi dengan

Projek-projek masa lepas di...



USA

Australia

Argentina

pemandangan estetik di dunia; hotel lima bintang seperti Renaissance Hotel dan New World Hotel; dan kompleks membeli belah bertaraf dunia seperti Mid Valley City Megamall, dengan kawasan dibina seluas 4.5 juta kaki persegi, di Kuala Lumpur.

Projek-projek pembinaan khusus lain termasuk Pejabat Kementerian Kerja Raya - projek bina - kendali - pindah bagi pejabat Kerajaan yang pertama; Pengkalan Tentera Laut Lumut di Perak; Sistem Transit Aliran Ringan Kuala Lumpur; Panggung Negara; dan terminal eksport Gas dan projek-projek serah kunci utama seperti Pusat Jantung Negara. Daripada usaha-usaha ini, IJM mendapat anugerah Jurubina bagi Tahun 2001.

Kami telah membuktikan diri kami sebagai pengusaha antarabangsa utama dalam industri pembinaan dan berkaitan dengan pembinaan. Kami telah menempatkan nama di semua benua di dunia, kecuali Kutub Utara dan Selatan. Kami merupakan antara kontraktor Malaysia yang pertama untuk menceburi pasaran luar negeri seperti di Argentina, Australia, Bangladesh, Chile, China, Florida (Amerika Syarikat), Hong Kong, India, Mauritius, Namibia, Pakistan dan Singapura, antara lainnya. Kami memperoleh konsesi loji rawatan air Bina-Kendali-Pindah yang pertama di Vietnam, apabila tidak ramai pelabur berani memasukinya. Pada tahun 2000, sebagai mengiktiraf sumbangan luar negara yang cemerlang, IJM telah dianugerahkan anugerah Kontraktor Antarabangsa Malaysia untuk Tahun 2000 yang berprestij.

### Pusat Penyelidikan dan Pembangunan

Kumpulan telah memberikan keutamaan yang tinggi ke atas penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bahagian perladangannya sebagaimana ditunjukkan melalui penubuhan Pusat Mutu, Latihan dan Penyelidikan, Sandakan, Sabah.




Pusat Mutu, Latihan & Penyelidikan, Sandakan Sabah

Kerja pembinaan di pusat R&D yang baru telah disiapkan pada April 2001. Kemudahan-kemudahan di pusat R&D termasuk bilik syarahan dan konferensi, asrama 12 bilik, dewan makan, pelbagai makmal bagi R&D dan unit pengeluaran biji benih.

Kegiatan-kegiatan R&D terus berkembang dalam tahun 2001. Fasa pertama bagi program pembiakan jangka panjang telah dimulakan dengan penanaman 70 hektar genetik kacukan terpilih dari Lembaga Kelapa Sawit Malaysia. Program pembiakan akan pada suatu hari nanti membolehkan Bahagian Perladangan mengeluarkan bahan penanaman bermutu tinggi mengikut spesifikasinya sendiri.

Unit pengeluaran biji benih di Kluang telah menamatkan operasi setahun penuh sejak permulaannya pada Oktober 2000, mengeluarkan lebih daripada 600,000 biji benih sehingga kini. Bekalan biji benih ini akan dapat memenuhi keperluan perkembangan berterusan Perladangan IJM di Sugut, Sabah.

Pada November 2001, IJM Plantations telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi kerjasama R&D dan latihan. MoU ini akan membolehkan IJM Plantations untuk menuil ke atas kekuatan dan sumber UMS dalam bidang-bidang kepentingan bersama.



## Orang-Orang Kami

IJM amat percaya dalam perkaitan di antara nasib syarikat dan orang-orangnya. Orang-orang IJM – profesional, kompeten, komited dan prihatin – memastikan IJM menunaikan janji-janjinya. Sebagai balasan, kakitangan dijamin dengan pekerjaan berterusan.



Di IJM, kami percaya orang-orang kami telah melakukan kerja yang baik, dengan itu membentuk satu persekitaran bebas bagi setiap individu untuk melakukan kerja mereka dan memperbaiki kerja mereka. Kami percaya bahawa orang-orang kami yang menjadikan kelainan. Kami membina organisasi kami dari dalam, menaikkan pangkat dan memberi ganjaran kepada orang-orang kami tanpa mengambil kira apa-apa perbezaan yang tidak berkaitan dengan prestasi. Kami bertindak atas keyakinan yang kuat bahawa kaum lelaki dan wanita IJM akan sentiasa menjadi aset terpenting kami.



### Latihan

Selaras dengan objektif Kumpulan, kami sentiasa menekankan ke atas latihan untuk memperbaiki kekompetenan teras di semua peringkat. Orang-orang kami mengikuti latihan secara berterusan, bengkel dan seminar untuk mengekalkan piawaiyan tinggi kecermelangan Kumpulan dalam prestasi kerja yang dipercekaikan dan dipertajamkan.

Pada tahun 2001, sejumlah RM463,972 telah dibelanjakan untuk program latihan untuk memperbaiki lagi kemahiran kakitangan di semua peringkat. Ini termasuklah seminar dan bengkel mengenai program teknikal seperti

kemahiran yang diperoleh semasa bekerja, pengetahuan komputer, kawalan mutu, keselamatan dan kesihatan, alam sekitar dan kemahiran ringan seperti pengurusan, kemajuan penyeliaan dan perkeranian, kemahiran penulisan laporan dan pembentangan.

Selain daripada ini, dorongan di tempat kerja adalah digalakkan dalam mewujudkan perhubungan yang lebih rapat dan menggalakkan penyepaduan dan penyerapan kakitangan yang baru faham dengan budaya kerja IJM.



### Mengambil Berat Tentang Orang-orang Kami

Sementara Kumpulan berusaha untuk menjana hasil yang maksimum bagi pemegang-pemegang saham dalam usahaniaga perniagaan Syarikat, perhatian yang besar juga ditumpukan untuk meningkatkan kebajikan kakitangan. Selain daripada mewujudkan suasana selamat untuk menjamin kakitangan selepas persaraan atau sakit melalui faedah persaraan dan skim insurans penyakit kritis, usaha-usaha penting juga telah dibuat untuk menyusun acara-acara dan kegiatan-kegiatan ke arah membentuk interaksi sosial yang lebih baik dan perasaan kekitaan di kalangan orang-orang kami. Acara-acara ini merupakan acara-acara penting dalam kalendar korporat kami.



Pada tahun 2001, Majlis Makan Malam dan Tarian Tahunan KeTujuh Belas syarikat telah diadakan secara besar-besaran di Sunway Lagoon Resort Hotel. Lebih kurang 850 kakitangan dan pasangan mereka menghadiri acara itu. Acara kemuncak pada malam itu ialah penyampaian Anugerah Khidmat 20 tahun kepada 23 kakitangan kami. Untuk menyemarakkan lagi semangat dan interaksi di



kalangan kakitangan kami, IJM telah mengadakan Hari Keluarganya di Sunway Lagoon Theme Park di mana seramai 800 orang telah bersukaria dengan pelbagai acara yang disediakan untuk mereka.

IJM menyedari bahawa kewujudan bersama pelbagai bangsa yang harmoni dalam negara kita adalah warisan unik yang mesti dikekalkan dan digalakkan. Kami di IJM meraikan pelbagai perayaan bersama dengan kakitangan kami. Dalam tahun 2001, syarikat telah menganjurkan perayaan *Muhibbah* di Kompleks Sukan IJM-COBRA untuk menyambut Hari Raya Puasa, Tahun Baru China, Deepavalli dan Krismas dalam keunikan tradisi yang sebenar dan disambut bersama oleh semua bangsa.



IJM juga menggalakkan program bagi kesejahteraan kakitangannya dan menganjurkan beberapa ceramah berkaitan kesihatan untuk mereka. Ini termasuk "Pemakanan Berkhasiat Kearah Gaya Hidup Yang Sihat" oleh Dr Zawiah Hashim daripada Nestle (M) Bhd; "Penggunaan Cendawan dalam Rawatan Kanser" oleh pakar onkologi Dr Raymond Chang daripada Cornwell University, USA; dan "Pengawalan Tekanan" oleh Dr Lee Aik Hoe, Presiden Persatuan Kesihatan Mental Malaysia.

### Kegiatan Sukan

Di IJM, orang-orang kami juga mempunyai masa untuk beriadah melalui acara sukan. Sepanjang tahun, Kelab Sukan IJM mempunyai program sukan aktif yang melibatkan kakitangan.

Pada tahun 2001, IJM muncul sebagai jaguh keseluruhan Perlawanan Persahabatan Kelima – perlawanan yang direka untuk memupuk muhibah dan persahabatan di kalangan kakitangan IGB Corporation Berhad, Tan & Tan Development Berhad, PricewaterhouseCoopers dan IJM.




Pada bulan Jun, 28 kakitangan kami telah berjaya mendaki puncak tertinggi di Asia Tenggara: Gunung Kinabalu. Ini merupakan kali kedua dalam beberapa tahun kebelakangan yang peserta daripada Kumpulan telah mengharungi cuaca sejuk dan pendakian tinggi untuk menawan Gunung Kinabalu.

Pada tahun 1995, Kumpulan kami telah membina kompleks sukan kami sendiri di atas sebidang tanah yang dimiliki oleh Combined Old Boys Rugby Association (COBRA). Ia menggariskan komitmen Kumpulan untuk menyediakan bagi keperluan sosial dan sukan kakitangannya. Kompleks sukan menyediakan kemudahan seperti gelanggang skuasi, gimnasium, bilik sauna, bilik persalinan lelaki dan perempuan yang berasingan, sembilan bilik tidur, enam bilik asrama, satu bilik latihan dan dewan serbaguna yang menempatkan tiga gelanggang badminton.



## Kakitangan & Produktiviti



## Perkhidmatan Masyarakat

### Prihatin terhadap Masyarakat

IJM bukan sahaja sebuah perniagaan, ia juga merupakan warga korporat yang bertanggungjawab yang menyokong penuh keperluan masyarakat. Dan apa yang kami merupakan acara tahunan, IJM terus menyokong seruan Universiti Hospital untuk menderma darah. Dalam tahun itu, 72 orang daripada kakitangan kami telah meluangkan masa untuk menderma darah.



Kumpulan juga kerap menyumbang kepada Tabung COBRA untuk membantu penggalakan dan pembangunan sukan ragbi di Malaysia.



### Prihatin terhadap Alam Sekitar

Komitmen untuk menjadi warga korporat yang bertanggungjawab adalah sebahagian daripada budaya korporat IJM. Dalam langkah proaktif untuk melindungi alam sekitar, pada 19 November 2001, Kumpulan telah menjemput dua penceramah untuk memberi taklimat "Kitar Semula Bahan Buangan Isi Rumah", yang telah dihadiri oleh ramai kakitangan. Program-program dalam pelbagai perniagaan untuk mempertingkatkan perlindungan alam sekitar digalakkan secara aktif dan menunjukkan hasil yang positif, contohnya dalam perludangan kami.

### Anugerah Biasiswa IJM

Atas dasar tahunan, IJM memberikan biasiswa kepada mahasiswa yang memerlukan dan layak untuk meneruskan pendidikan tinggi tempatan. Biasiswa ini diberikan kepada mahasiswa muda yang layak yang juga memastikan pengeluaran tidak putus-putus cendia profesional muda untuk menyertai Kumpulan. Pada tahun 2001, 5 biasiswa telah dianugerahkan, menjadikan 50 biasiswa telah diberikan berjumlah lebih kurang RM1.3 juta sejak tahun 1994. Pinjaman dan grant juga diberikan kepada kakitangan sedia ada untuk meneruskan pelajaran seperti program MBA.





# laporan dan penyata kewangan

|   |     |
|---|-----|
| • Laporan dan Penyata Para Pengarah                             | 66  |
| • Penyata Pendapatan  | 72  |
| • Kunci Kira-kira   | 73  |
| • Penyata Perubahan dalam Ekuiti                                | 74  |
| • Penyata Aliran Tunai Disatukan                                | 77  |
| • Penyata Aliran Tunai  | 78  |
| • Nota-nota kepada Penyata Kewangan                             | 79  |
| • Senarai Anak-Anak Syarikat dan<br>Syarikat-syarikat Bersekutu | 118 |
| • Perakuan Berkanun   | 124 |
| • Laporan Juruaudit kepada Ahli-ahli                            | 125 |

## LAPORAN DAN PENYATA PARA PENGARAH

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan kelapan belas bersama-sama dengan penyata kewangan teraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001.

### KEGIATAN UTAMA

2. Syarikat pada dasarnya terlibat dalam pembinaan, pembangunan harta dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan adalah pembinaan, pembangunan harta, pengilangan dan pengkuarian, penanaman kelapa sawit, dan pemegangan pelaburan.

Tidak ada perubahan ketara dalam kegiatan utama ini dalam tahun kewangan.

### KEPUTUSAN-KEPUTUSAN KEWANGAN

|   | KUMPULAN<br>RM'000 | SYARIKAT<br>RM'000 |
|---|--------------------|--------------------|
| 3. Keuntungan selepas cukai<br>Kepentingan minoriti | 175,991<br>(6,993) | 44,889<br>-        |
| Keuntungan bersih bagi tahun                        | <u>168,998</u>     | <u>44,889</u>      |

### DIVIDEN

4. Dividen dibayar, diisyiharkan atau dicadangkan sejak akhir tahun kewangan yang lepas adalah seperti berikut:-

|   | RM'000                            |
|---|-----------------------------------|
| a) Berhubung dengan tahun berakhir 31 Disember 2000 sebagaimana dicadangkan dalam Laporan Para Pengarah bagi tahun tersebut:<br>Dividen akhir sebanyak 5% tolak cukai dibayar pada 13 Julai 2001  | <u>12,665</u>                     |
| b) Berhubung dengan tahun berakhir 31 Disember 2001:<br>Dividen interim khas sebanyak 10% tolak cukai dibayar pada 13 Julai 2001<br>Dividen interim sebanyak 5% tolak cukai dibayar pada 9 November 2001<br>Cadangan dividen akhir sebanyak 5% tolak cukai yang akan dibayar pada 19 Julai 2002 | 25,332<br>12,693<br><u>12,698</u> |

### RIZAB DAN PERUNTUKAN

5. Tidak ada pemindahan material kepada atau daripada rizab atau peruntukan dalam tahun kewangan selain daripada yang didekahkan dalam nota-nota penyata kewangan.

### MODAL SAHAM

6. Dalam tahun kewangan, modal saham biasa yang diterbitkan dan berbayar Syarikat telah bertambah daripada RM351,516,654 kepada RM352,722,654 melalui:
- a) Terbitan sebanyak 1,127,000 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham selaras dengan ESOS yang dirujuk dalam perenggan 7 di bawah:-
- i) 224,000 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham pada harga pelaksanaan RM4.01 setiap saham;
  - ii) 36,000 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham pada harga pelaksanaan RM3.89 setiap saham; and
  - iii) 867,000 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham pada harga pelaksanaan RM1.82 setiap saham.
- b) Terbitan sebanyak 79,000 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham yang timbul daripada penukaran Waran 2000/2004 pada harga pelaksanaan bernilai RM2.99 selaras dengan Surat Ikatan Pol bertarikh 24 Januari 2000.

Saham biasa baru yang diterbitkan bertaraf *pari passu* dalam semua hubungan dengan modal saham Syarikat sedia ada yang diterbitkan.

### SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN (ESOS)

7. Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 9 Mac 1995, ESOS sedia ada, yang mana pada mulanya patut tamat pada 12 Mac 1997, telah diluluskan untuk dilanjutkan bagi tempoh lima tahun agar tamat pada 12 Mac 2002. Jumlah bilangan saham yang boleh ditawarkan kepada kakitangan-kakitangan dan Pengarah-pengarah Eksekutif Kumpulan yang layak telah ditambah kepada maksimum sebanyak 10% daripada modal saham Syarikat yang diterbitkan dan harga pelaksanaan akan menjadi purata sebut harga pasaran pertengahan saham-saham Syarikat sebagaimana ditunjukkan dalam Senarai Rasmi Harian yang dikeluarkan oleh BSKL bagi lima (5) hari perdagangan bermula dari Tarikh Tawaran atau pada nilai tara saham-saham biasa Syarikat, yang mana lebih tinggi. Pada 31 Disember 2001, butir-butir opsyen yang diberikan tetapi tidak dilaksanakan adalah seperti berikut:-

| Tarikh Diberikan | Bilangan Saham Biasa ('000) |               |              |               | Harga Pelaksanaan |
|------------------|-----------------------------|---------------|--------------|---------------|-------------------|
|                  | Diberikan                   | Dilaksanakan  | Ditamatkan   | Baki          |                   |
| 17.03.1995       | *19,894                     | 6,609         | 2,348        | 10,937        | RM4.01*           |
| 29.12.1995       | 1,537                       | 1,017         | 72           | 448           | RM3.89            |
| 01.11.1997       | 10,832                      | 9,862         | 629          | 341           | RM1.82            |
|                  | <u>32,263</u>               | <u>17,488</u> | <u>3,049</u> | <u>11,726</u> |                   |

\* Diselaraskan untuk terbitan bonus pada 1995

Balasan dalam tunai perlu dibayar penuh semasa permohonan. Opsyen yang diberikan tidak memberi apa-apa hak untuk menyertai dalam mana-mana terbitan saham mana-mana syarikat lain.

### WARAN

8. Waran 2000/2004 diwujudkan melalui Surat Ikatan Pol bertarikh 24 Januari 2000.

Dalam tahun kewangan yang lepas, Syarikat menerbitkan RM150,000,000 jumlah nominal Bon Tak Bercagar Boleh Tebus 5% 2000/2005 bersama 80,178,930 waran boleh cerai kepada pelanggan utama atas dasar urusniaga dibeli.

Setiap waran memberi hak kepada pemegang berdaftar untuk melanggan bagi satu (1) saham biasa baru dalam Syarikat pada bila-bila masa pada atau selepas 28 Februari 2000 hingga 28 Ogos 2004 pada harga pelaksanaan RM2.99 setiap saham atau harga diselaraskan menurut peruntukan dalam Surat Ikatan Pol. Mana-mana Waran 2000/2004 yang tidak dilaksanakan pada tarikh matang akan luput dan terhenti daripada menjadi sah untuk apa tujuan.

Saham-saham yang timbul daripada pelaksanaan Waran 2000/2004 akan bertaraf *pari passu* dalam semua hubungan dengan saham biasa Syarikat yang diterbitkan sedia ada kecuali bahawa saham-saham ini tidak berhak ke atas apa-apa dividen, pengagihan atau hak melainkan pelaksanaan Waran 2000/2004 telah dilaksanakan sebelum penutupan buku daftar saham bagi penentuan keberhakan kepada hak atau pengagihan sedemikian.

**PARA PENGARAH**

9. Para Pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan yang lepas adalah:-

Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin, *Pengerusi bukan-eksekutif bebas*  
 Tan Boon Seng @ Krishnan, *Pengarah Urusan Kumpulan*  
 Goh Chye Koon, *Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan*  
 Soo Heng Chin (*dilantik Pengarah eksekutif Kumpulan dan berhenti sebagai pengarah silih ganti kepada Ooi Poay Lum pada 17 Mei 2001*)  
 Velayuthan A/L Tan Kim Song (*dilantik Pengarah Eksekutif Kumpulan dan berhenti sebagai pengarah silih ganti kepada Choo Choon Yeow pada 17 Mei 2001*)  
 Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor, *Pengarah kanan bukan-eksekutif bebas*  
 Datuk Yahya bin Ya'acob, *Pengarah bukan-eksekutif bebas*  
 Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob, *Pengarah bukan-eksekutif*  
 Dato' Goh Chye Keat, *Pengarah bukan-eksekutif*  
 Dato' Arthur Tan Boon Shih, *Pengarah bukan-eksekutif*  
 Choo Choon Yeow, *Pengarah bukan-eksekutif*  
 Lai Meng, *Pengarah bukan-eksekutif*  
 Haji Osman bin Haji Ismail, *Pengarah bukan-eksekutif*  
 Ooi Poay Lum (*meletak jawatan pada 31 Julai 2001*)  
 Khoo Chew Meng (*meletak jawatan pada 15 Ogos 2001*)

10. Menurut Daftar Pemegangan Saham para Pengarah, butir-butir mengenai kepentingan para Pengarah dalam saham-saham Syarikat dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:-

| Nama Pengarah  | Bilangan Saham Biasa bernilai RM1 sesaham |            |            |                    |
|--|---|------------|------------|--------------------|
|  | Baki<br>01.01.2001                        | Diperolehi | Dilupuskan | Baki<br>31.12.2001 |
| Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin |   |            |            |                    |
| Kepentingan langsung   | 155,000                                   | -          | 155,000    | -                  |
| Kepentingan tak langsung                                       | 40,000                                    | 5,000      | -          | 45,000             |
| Tan Boon Seng @ Krishnan                                       |   |            |            |                    |
| Kepentingan langsung   | 432,698                                   | -          | -          | 432,698            |
| Kepentingan tak langsung                                       | 357,698                                   | -          | -          | 357,698            |
| Goh Chye Koon  |   |            |            |                    |
| Kepentingan langsung   | 325,712                                   | -          | 67,000     | 258,712            |
| Soo Heng Chin  |   |            |            |                    |
| Kepentingan langsung   | 70,000                                    | 5,000      | 75,000     | -                  |
| Velayuthan A/L Tan Kim Song                                    |   |            |            |                    |
| Kepentingan langsung   | 8,000                                     | -          | -          | 8,000              |
| Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohd Noor                    |   |            |            |                    |
| Kepentingan langsung   | 10,333                                    | -          | -          | 10,333             |
| Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob         |   |            |            |                    |
| Kepentingan langsung   | 37,000                                    | -          | 37,000     | -                  |
| Dato' Goh Chye Keat  |   |            |            |                    |
| Kepentingan langsung   | 658,362                                   | 50,000     | 50,000     | 658,362            |
| Kepentingan tak langsung                                       | 851,132                                   | -          | 50,000     | 801,132            |
| Dato' Arthur Tan Boon Shih                                     |   |            |            |                    |
| Kepentingan langsung   | 140,000                                   | 323,000    | 253,000    | 210,000            |
| Choo Choon Yeow  |   |            |            |                    |
| Kepentingan langsung   | 392,000                                   | -          | 294,000    | 98,000             |
| Kepentingan tak langsung                                       | 155,000                                   | -          | 55,000     | 100,000            |

11. Butir-butir opsyen saham para Pengarah dalam tahun kewangan selaras dengan ESOS yang dirujuk dalam perenggan 7 di atas adalah seperti berikut:-

| Nama Pengarah               | Bilangan Saham Biasa bernilai RM1 sesaham |                     |                    |
|-----------------------------|---|---------------------|--------------------|
|                             | Baki<br>01.01.2001                        | Opsyen Dilaksanakan | Baki<br>31.12.2001 |
| Tan Boon Seng @ Krishnan    | 318,000                                   | -                   | 318,000            |
| Goh Chye Koon               | 250,000                                   | -                   | 250,000            |
| Soo Heng Chin               | 174,000                                   | -                   | 174,000            |
| Velayuthan A/L Tan Kim Song | 274,000                                   | -                   | 274,000            |
| Dato' Goh Chye Keat         | 228,000                                   | 50,000              | 178,000            |

12. Butir-butir pemegangan Waran para Pengarah dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:-

| Nama Pengarah  | Bilangan Waran     |            |                    |
|--|--------------------|------------|--------------------|
|  | Baki<br>01.01.2001 | Diperolehi | Baki<br>31.12.2001 |
| Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin |                    |            |                    |
| Kepentingan langsung   | 31,000             | -          | 31,000             |
| Kepentingan tak langsung                                       | 8,200              | -          | 8,200              |
| Tan Boon Seng @ Krishnan                                       |                    |            |                    |
| Kepentingan langsung   | 1,475,000          | 172,000    | 1,647,000          |
| Kepentingan tak langsung                                       | 184,000            | 50,000     | 234,000            |
| Goh Chye Koon  |                    |            |                    |
| Kepentingan langsung   | 1,331,000          | -          | 1,126,000          |
| Soo Heng Chin  |                    |            |                    |
| Kepentingan langsung   | 1,015,000          | -          | 940,000            |
| Velayuthan A/L Tan Kim Song                                    |                    |            |                    |
| Kepentingan langsung   | 801,600            | -          | 801,600            |
| Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob         |                    |            |                    |
| Kepentingan langsung   | 33,400             | -          | 33,400             |
| Dato' Goh Chye Keat  |                    |            |                    |
| Kepentingan langsung   | 132,000            | -          | 132,000            |
| Dato' Arthur Tan Boon Shih                                     |                    |            |                    |
| Kepentingan langsung   | 172,000            | -          | 172,000            |
| Choo Choon Yeow  |                    |            |                    |
| Kepentingan langsung   | 100,000            | 50,000     | 150,000            |
| Kepentingan tak langsung                                       | 90,000             | 250,000    | -                  |
|  | 31,000             | -          | 340,000            |
|  |                    |            | 31,000             |

13. Menurut Daftar Pemegangan Saham Para Pengarah, tidak ada Pengarah lain yang mempunyai kepentingan langsung atau tak langsung dalam saham-saham Syarikat dalam tahun kewangan.

14. Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tidak ada Pengarah yang telah menerima atau menjadi berhak untuk menerima faedah (selain daripada yuran dan lain-lain emolumen yang ditunjukkan dalam penyata kewangan) atas alasan kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau oleh perbadanan berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma kepada mana Pengarah merupakan ahli, atau dengan syarikat dalam mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan besar selain daripada Dato' Goh Chye Keat yang mempunyai kepentingan kewangan dalam Industrial Concrete Products Berhad, syarikat bersekutu Kumpulan yang berdagang dengan Syarikat dan/atau Kumpulan dalam perjalanan biasa perniagaan dan Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob yang mempunyai kepentingan kewangan yang besar dalam Minconsult Sdn Bhd, yang berurusniaga dengan Syarikat dan/atau Kumpulan dalam perjalanan biasa perniagaan.

15. Kecuali sebagaimana dinyatakan di atas, sama ada dalam dan mahupun pada akhir tahun kewangan Syarikat atau mana-mana anak syarikatnya tidak menjadi pihak kepada mana-mana pengaturan yang objeknya adalah untuk membolehkan Pengarah-pengarah memperolehi faedah melalui pembelian saham-saham dalam, atau debentur, Syarikat atau mana-mana badan korporat lain.

#### LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

16. Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang munasabah:-

- (a) untuk memastikan tindakan yang diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan penyediaan peruntukan bagi hutang rugu dan mereka berpuas hati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang rugu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa mana-mana aset semasa yang tidak mungkin direalis pada nilai buku aset-aset itu dalam perjalanan biasa perniagaan telah dikurangkan nilai kepada anggaran nilai boleh direalis aset-aset itu.

17. Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari akan apa-apa keadaan:-

- (a) yang akan menjadikan jumlah dihapus kira atau diperuntukkan bagi hutang lapuk dan rugu Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi hingga sesuatu tahap yang material atau nilai yang boleh dikaitkan kepada aset semasa Kumpulan dan Syarikat mengelirukan;
- (b) yang telah timbul yang akan menjadikan pematuhan kepada kaedah semasa bagi penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak wajar; dan
- (c) tidak sebaliknya diuruskan dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan yang akan menjadikan mana-mana jumlah dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

18. Dalam jarak waktu di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini:-

- (a) tidak ada perkara, urusniaga atau peristiwa lain yang bersifat material dan luar biasa telah timbul yang, pada pendapat para Pengarah, akan secara ketaranya menjelaskan keputusan-keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan semasa; dan
- (b) tidak ada gadaian yang timbul ke atas aset mana-mana syarikat dalam Kumpulan yang menjamin liabiliti mana-mana orang lain dan tidak juga apa-apa liabiliti kontingen timbul dalam mana-mana syarikat dalam Kumpulan.

19. Tidak ada liabiliti kontingen atau lain-lain liabiliti mana-mana syarikat dalam Kumpulan telah boleh dikuatkuasakan atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Syarikat dan anak-anak syarikatnya untuk memenuhi obligasi apabila ia timbul.


20. Pada pendapat para Pengarah:-

- (a) keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan tidak terjejas secara ketara oleh mana-mana perkara, urusniaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa; dan
- (b) penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang dikemukakan dalam muka surat 72 hingga 123 disediakan untuk memberikan gambaran sebenar dan adil mengenai hal-hewal Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2001 dan keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian-piawaian perakaunan diluluskan terpakai di Malaysia.

#### JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers menyatakan kesanggupan mereka untuk terus berkhidmat. Para Pengarah mengendorskan pengesyan Jawatankuasa Audit agar PricewaterhouseCoopers dilantik semula sebagai Juruaudit.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga selaras dengan resolusi para Pengarah



TAN SRI DATO' (DR) HAJI AHMAD AZIZUDDIN  
BIN HAJI ZAINAL ABIDIN



TAN BOON SENG @ KRISHNAN

Petaling Jaya  
27 Februari 2002

## PENYATA PENDAPATAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2001

|  | Nota           | KUMPULAN                        |                                 | SYARIKAT            |                     |
|--|----------------|---------------------------------|---------------------------------|---------------------|---------------------|
|  |                | 2001<br>RM'000                  | 2000<br>RM'000                  | 2001<br>RM'000      | 2000<br>RM'000      |
| HASIL KENDALIAN KOS JUALAN   | 4              | 857,391<br>(696,909)            | 615,848<br>(504,638)            | 192,306<br>(86,851) | 127,749<br>(71,228) |
| KEUNTUNGAN KASAR LAIN-LAIN PENDAPATAN KENDALIAN  |                | 160,482<br>31,726               | 111,210<br>38,178               | 105,455<br>37,378   | 56,521<br>20,125    |
| PERBELANJAAN TENDER, JUALAN DAN PENGEDARAN PERBELANJAAN PENTADBIRAN  |                | (8,746)<br>(39,940)             | (3,785)<br>(38,470)             | -<br>(12,244)       | -<br>(8,337)        |
| LAIN-LAIN PERBELANJAAN KENDALIAN (BERSIH DARIPADA KEMASUKAN KIRA SEMULA PERUNTUKAN BAGI HUTANG RAGU – NOTA 5)  |                | (15,918)                        | (18,378)                        | 127                 | (1,726)             |
| KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN KOS KEWANGAN   | 5              | 127,604<br>(27,769)             | 88,755<br>(35,426)              | 130,716<br>(16,307) | 66,583<br>(17,451)  |
| KEUNTUNGAN KENDALIAN SELEPAS KOS KEWANGAN BAHAGIAN KEPUTUSAN SYARIKAT BERSEKUTU PERUNTUKAN BAGI PENGURANGAN DALAM NILAI SYARIKAT BERSEKUTU           |                | 99,835                          | 53,329                          | 114,409             | 49,132              |
| TIMBUL DARIPADA PENURUNAN NILAI MATA WANG ASING LABA/(KERUGIAN) ATAS PELUPUSAN SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU BAHAGIAN KEPUTUSAN ENTITI KAWALAN BERSAMA | 7              | 22,351<br>(47,000)              | 55,383<br>-                     | -                   | -                   |
| KEUNTUNGAN DARIPADA KEGIATAN BIASA SEBELUM CUKAI   |                | 210,409                         | 118,956                         | 57,712              | 50,712              |
| CUKAI  |                | (24,668)<br>(5,912)<br>(3,838)  | (14,501)<br>(14,311)<br>(1,609) | (12,823)<br>-<br>-  | (9,217)<br>-<br>-   |
| KEUNTUNGAN DARIPADA KEGIATAN BIASA SELEPAS CUKAI   | 9              | (34,418)                        | (30,421)                        | (12,823)            | (9,217)             |
| KEPENTINGAN MINORITI   |                | 175,991                         | 88,535                          | 44,889              | 41,495              |
| KEUNTUNGAN BERSIH BAGI TAHUN   |                | (6,993)                         | (11,762)                        | -                   | -                   |
| PENDAPATAN SESAHAM:- Asas Dicairkan sepenuhnya   | 10(a)<br>10(b) | 168,998<br>48.0 Sen<br>45.7 Sen | 76,773<br>21.9 Sen<br>20.9 Sen  | 44,889              | 41,495              |
| DIVIDEN SESAHAM - Tolak cukai pendapatan sebanyak 28%  | 11             | 20.0 Sen                        | 8.0 Sen                         |                     |                     |

## KUNCI KIRA-KIRA

Pada 31 Disember 2001

|   | Nota | KUMPULAN       |                | SYARIKAT       |                |
|---|------|----------------|----------------|----------------|----------------|
|   |      | 2001<br>RM'000 | 2000<br>RM'000 | 2001<br>RM'000 | 2000<br>RM'000 |
| MODAL DAN RIZAB                                     |      |                |                |                |                |
| Modal saham   | 13   | 352,723        | 351,517        | 352,723        | 351,517        |
| Premium saham                                       |      | 210,559        | 208,913        | 210,559        | 208,913        |
| Rizab penilaian semula                              |      | 73,853         | 73,853         | -              | -              |
| Rizab terjemahan pertukaran mata wang               |      | 5,946          | 12,317         | 1,272          | 176            |
| Rizab modal   | 14   | 34,161         | 55,990         | -              | -              |
| Keuntungan tertahan                                 | 15   | 643,399        | 503,262        | 219,975        | 225,776        |
| Ekuiti pemegang saham                               |      | 1,320,641      | 1,205,852      | 784,529        | 786,382        |
| Kepentingan minoriti                                |      | 95,587         | 96,138         | -              | -              |
|   |      | 1,416,228      | 1,301,990      | 784,529        | 786,382        |
| LIABILITI TERTUNDA DAN JANGKA PANJANG               |      |                |                |                |                |
| Bon   | 16   | 246,178        | 245,684        | 150,000        | 150,000        |
| Pinjaman berjangka                                  | 17   | 982            | 932            | -              | -              |
| Pembiutan sewa beli dan pajakan                     | 18   | 21,935         | 39,277         | -              | -              |
| Cukai tertunda                                      | 19   | 8,598          | 8,710          | 2,903          | 3,103          |
| Jumlah terhutang kepada syarikat bersekutu          | 20   | 36,628         | 36,295         | -              | -              |
| Jumlah dagangan perlu dibayar                       | 36   | 12,000         | -              | -              | -              |
| Faedah persaraan                                    |      | 1,514          | 1,673          | 936            | 1,032          |
|   |      | 327,835        | 332,571        | 153,839        | 154,135        |
| PENDAPATAN TERTUNDA                                 | 21   | 12,515         | 18,199         | -              | -              |
|   |      | 1,756,578      | 1,652,760      | 938,368        | 940,517        |
| ASET BUKAN SEMASA                                   |      |                |                |                |                |
| Harta, loji dan peralatan                           | 22   | 586,007        | 504,169        | 19,637         | 21,092         |
| Anak-anak syarikat                                  | 23   | -              | -              | 266,586        | 230,068        |
| Syarikat-syarikat bersekutu                         | 24   | 261,176        | 542,967        | 120,427        | 181,545        |
| Pelaburan   | 25   | 60,987         | 67,570         | 51,015         | 52,261         |
| Jumlah boleh diterima jangka panjang                | 26   | 85,618         | 65,860         | -              | -              |
| Aset tak ketara                                     | 27   | 5,814          | 6,137          | -              | -              |
|   |      | 999,602        | 1,186,703      | 457,665        | 484,966        |
| ASET SEMASA   |      |                |                |                |                |
| Harta pembangunan                                   | 28   | 217,896        | 193,891        | 281            | 281            |
| Inventori   | 29   | 47,380         | 55,240         | 6,669          | 7,012          |
| Jumlah dagangan dan lain-lain jumlah boleh diterima | 30   | 776,317        | 686,395        | 643,257        | 693,044        |
| Pelaburan jangka pendek                             | 32   | 84,009         | 10,123         | 10,688         | 9,289          |
| Deposit dengan bank-bank berlesen                   | 33   | 141,895        | 106,059        | 73,297         | 85,887         |
| Tunai dan baki bank                                 | 34   | 22,823         | 23,600         | 2,272          | 5,325          |
|   |      | 1,290,320      | 1,075,308      | 736,464        | 800,838        |
| LIABILITI SEMASA                                    |      |                |                |                |                |
| Jumlah dagangan dan lain-lain jumlah perlu dibayar  | 36   | 452,248        | 405,796        | 200,894        | 260,786        |
| Pinjaman bank                                       | 37   | 61,041         | 174,729        | 54,703         | 84,016         |
| Overdraft bank                                      | 38   | 1,686          | 20,967         | 164            | 485            |
| Liabiliti cukai                                     |      | 18,369         | 7,759          | -              | -              |
|   |      | 533,344        | 609,251        | 255,761        | 345,287        |
| ASET SEMASA BERSIH                                  |      |                |                |                |                |
|   |      | 756,976        | 466,057        | 480,703        | 455,551        |
|   |      | 1,756,578      | 1,652,760      | 938,368        | 940,517        |

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2001

| KUMPULAN   | Nota | Tidak boleh diagih |                      |                               |  |                    |                     |           | Boleh diagih |      |                    |                      |                               |  |                    | Tidak boleh diagih  |           |               |        |        |        |         |           |  |
|--|------|--------------------|----------------------|-------------------------------|--|--------------------|---------------------|-----------|--------------|------|--------------------|----------------------|-------------------------------|--|--------------------|---------------------|-----------|---------------|--------|--------|--------|---------|-----------|--|
|  |      | Modal saham RM'000 | Premium saham RM'000 | Rizab penilaian semula RM'000 | Rizab terjemahan pertukaran mata wang RM'000 | Rizab modal RM'000 | Keuntungan tertahan |           | KUMPULAN     | Nota | Modal saham RM'000 | Premium saham RM'000 | Rizab penilaian semula RM'000 | Rizab terjemahan pertukaran mata wang RM'000 | Rizab modal RM'000 | Keuntungan tertahan |           | Jumlah RM'000 |        |        |        |         |           |  |
|  |      |                    |                      |                               |  |                    | RM'000              | RM'000    |              |      |                    |                      |                               |  | RM'000             | RM'000              |           |               |        |        |        |         |           |  |
| <b>Pada 1 Januari 2001:</b>  |      |                    |                      |                               |  |                    |                     |           |              |      |                    |                      |                               |  |                    |                     |           |               |        |        |        |         |           |  |
| - sebagaimana dilaporkan sebelum ini   |      | 351,517            | 208,913              | 73,853                        | 12,317                                       | 55,990             | 490,607             | 1,193,197 |              |      | 345,966            | 203,482              | 74,451                        | 18,306                                       | 21,314             | 429,202             | 1,092,721 |               |        |        |        |         |           |  |
| - pelarasan tahun terdahulu  | 43   | -                  | -                    | -                             | -  | -                  | 12,655              | 12,655    |              |      | 43                 | -                    | -                             | -  | -                  | -                   | -         | 20,758        | 20,758 |        |        |         |           |  |
| - sebagaimana dinyatakan semula  |      | 351,517            | 208,913              | 73,853                        | 12,317                                       | 55,990             | 503,262             | 1,205,852 |              |      | 345,966            | 203,482              | 74,451                        | 18,306                                       | 21,314             | 449,960             | 1,113,479 |               |        |        |        |         |           |  |
| Rizab timbul daripada terjemahan mata wang asing anak syarikat dan syarikat bersekutu dan cawangan asing |      | -                  | -                    | -                             | (390)  | -                  | -                   | (390)     |              |      | -                  | -                    | (57)                          | -  | -                  | -                   | -         | (57)          |        |        |        |         |           |  |
| Perbezaan pertukaran timbul daripada pelaburan ekuiti asing bersih daripada pinjaman mata wang asing     |      | -                  | -                    | -                             | 1,171  | -                  | -                   | 1,171     |              |      | -                  | -                    | -                             | -  | -                  | 43                  | -         | 43            |        |        |        |         |           |  |
| Realisasi rizab terjemahan mata wang atas pelupusan syarikat bersekutu                                   |      | -                  | -                    | -                             | (7,152)                                      | -                  | -                   | (7,152)   |              |      | -                  | -                    | (2,492)                       | -  | -                  | -                   | (2,492)   |               |        |        |        |         |           |  |
| Realisasi rizab atas pelupusan syarikat bersekutu  |      | -                  | -                    | -                             | -  | (21,829)           | 21,829              | -         |              |      | -                  | -                    | 806                           | -  | -                  | -                   | 806       |               |        |        |        |         |           |  |
| Kerugian bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan   |      | -                  | -                    | -                             | (6,371)                                      | (21,829)           | 21,829              | (6,371)   |              |      | -                  | -                    | (541)                         | (4,303)                                      | (339)              | 5,183               | -         |               |        |        |        |         |           |  |
| Keuntungan bersih bagi tahun kewangan  |      | -                  | -                    | -                             | -  | -                  | 168,998             | 168,998   |              |      | -                  | -                    | (598)                         | (5,989)                                      | 34,676             | 5,183               | 33,272    |               |        |        |        |         |           |  |
| Dividen bagi tahun berakhir:<br>31 Disember 2000   | 11   | -                  | -                    | -                             | -  | -                  | (12,665)            | (12,665)  |              |      | -                  | -                    | -                             | -  | -                  | -                   | 76,773    | 76,773        |        |        |        |         |           |  |
| 31 Disember 2001   | 11   | -                  | -                    | -                             | -  | -                  | (38,025)            | (38,025)  |              |      |                    |                      |                               |  |                    |                     | (21,063)  | (21,063)      |        |        |        |         |           |  |
| Terbitan saham di bawah ESOS   | 13   | 1,127              | 1,489                | -                             | -  | -                  | -                   | 2,616     |              |      | 11                 | -                    | -                             | -  | -                  | -                   | (7,591)   | (7,591)       |        |        |        |         |           |  |
| Penukaran waran  | 13   | 79                 | 157                  | -                             | -  | -                  | -                   | 236       |              |      | 13                 | 5,447                | 5,224                         | -  | -                  | -                   | -         | -             | 10,671 |        |        |         |           |  |
| <b>Pada 31 Disember 2001</b>   |      | 352,723            | 210,559              | 73,853                        | 5,946  | 34,161             | 643,399             | 1,320,641 |              |      |                    |                      |                               |  |                    |                     | 351,517   | 208,913       | 73,853 | 12,317 | 55,990 | 503,262 | 1,205,852 |  |

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI (Sambungan)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2001

| SYARIKAT  | Nota    | Modal saham RM'000 | ← Tidak boleh diagih → Boleh diagih |  |                            | Nota     | KUMPULAN    |             |
|---|---------|--------------------|-------------------------------------|--|----------------------------|----------|-------------|-------------|
|   |         |                    | Premium saham RM'000                | Rizab terjemahan pertukaran mata wang RM'000 | Keuntungan tertahan RM'000 |          | 2001 RM'000 | 2000 RM'000 |
| <b>Pada 1 Januari 2001:</b>   |         |                    |                                     |  |                            |          |             |             |
| - sebagaimana dilaporkan sebelum ini  |         | 351,517            | 208,913                             | 176  | 213,121                    | 773,727  |             | 949,920     |
| - pelarasan tahun terdahulu   | 43      | -                  | -                                   | -  | 12,655                     | 12,655   | (765,519)   | (399,684)   |
| - sebagaimana dinyatakan semula   |         | 351,517            | 208,913                             | 176  | 225,776                    | 786,382  | (6,919)     | (44,037)    |
| Perbezaan pertukaran mata wang asing timbul daripada terjemahan cawangan asing                                |         |                    |                                     | (140)  | -                          | (140)    | 12,741      | 12,086      |
| Perbezaan pertukaran direalis timbul daripada pelaburan ekuiti asing bersih daripada pinjaman mata wang asing |         |                    |                                     | 1,236  | -                          | 1,236    | (32,418)    | (33,472)    |
| Laba bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan  |         |                    |                                     | 1,096  | -                          | 1,096    | (14,170)    | (15,410)    |
| Keuntungan bersih bagi tahun kewangan   |         |                    |                                     | -  | 44,889                     | 44,889   |             |             |
| Dividen bagi tahun berakhir:  |         |                    |                                     |  |                            |          |             |             |
| 31 Disember 2000  | 11      | -                  | -                                   | -  | (12,665)                   | (12,665) |             |             |
| 31 Disember 2001  | 11      | -                  | -                                   | -  | (38,025)                   | (38,025) |             |             |
| Terbitan saham di bawah ESOS  | 13      | 1,127              | 1,489                               | -  | -                          | 2,616    |             |             |
| Penukaran waran   | 13      | 79                 | 157                                 | -  | -                          | 236      |             |             |
| <b>Pada 31 Disember 2001</b>  |         |                    |                                     |  |                            |          |             |             |
| <b>Pada 1 Januari 2000</b>  |         |                    |                                     |  |                            |          |             |             |
| - sebagaimana dilaporkan sebelum ini  |         | 345,966            | 203,482                             | 264  | 192,177                    | 741,889  |             | 949,920     |
| - pelarasan tahun terdahulu   | 43      | -                  | -                                   | -  | 20,758                     | 20,758   | (765,519)   | (399,684)   |
| - sebagaimana dinyatakan semula   |         | 345,966            | 203,482                             | 264  | 212,935                    | 762,647  | (6,919)     | (44,037)    |
| Rizab timbul daripada terjemahan mata wang cawangan asing   |         |                    |                                     | (88)   | -                          | (88)     | 12,741      | 12,086      |
| Kerugian bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan  |         |                    |                                     | (88)   | -                          | (88)     | (32,418)    | (33,472)    |
| Keuntungan bersih bagi tahun kewangan   |         |                    |                                     | -  | 41,495                     | 41,495   | (14,170)    | (15,410)    |
| Dividen bagi tahun berakhir:  |         |                    |                                     |  |                            |          |             |             |
| 31 Disember 1999  |         | -                  | -                                   | -  | (21,063)                   | (21,063) |             |             |
| 31 Disember 2000  | 11      | -                  | -                                   | -  | (7,591)                    | (7,591)  |             |             |
| Terbitan saham di bawah ESOS  | 13      | 5,447              | 5,224                               | -  | -                          | 10,671   |             |             |
| Penukaran waran   | 13      | 104                | 207                                 | -  | -                          | 311      |             |             |
| <b>Pada 31 Disember 2000</b>  |         |                    |                                     |  |                            |          |             |             |
| 351,517   | 208,913 | 176                | 225,776                             | 786,382                                      |                            |          |             |             |

## PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2001

## KEGIATAN KENDALIAN

Penerimaan daripada pelanggan  
Bayaran kepada kontraktor, pembekal dan kakitangan  
Pendahuluan, deposit dan prabayaran perdagangan  
Faedah diterima  
Faedah dibayar  
Cukai pendapatan dibayar

| Nota | 2001 RM'000    | 2000 RM'000   |
|------|----------------|---------------|
|      | 949,920        | 579,326       |
|      | (765,519)      | (399,684)     |
|      | (6,919)        | (44,037)      |
|      | 12,741         | 12,086        |
|      | (32,418)       | (33,472)      |
|      | (14,170)       | (15,410)      |
|      | <b>143,635</b> | <b>98,809</b> |

## Aliran tunai bersih daripada kegiatan kendalian

## KEGIATAN PELABURAN

Pengambilalihan anak-anak syarikat  
Pengambilalihan saham daripada pemegang-pemegang saham minoriti  
Pelaburan dalam syarikat bersekutu  
Pengambilalihan pelaburan jangka panjang  
Pengambilalihan pelaburan jangka pendek  
Pengagihan modal oleh syarikat bersekutu  
Pembelian harta, loji dan peralatan  
Pelupusan saham dalam anak syarikat  
Pelupusan saham dalam syarikat bersekutu  
Pelupusan harta, loji dan peralatan  
Pelupusan pelaburan jangka panjang  
Pelupusan pelaburan jangka pendek  
Dividen diterima daripada syarikat bersekutu  
Dividen diterima daripada lain-lain pelaburan  
Pendahuluan dan bayaran balik kepada syarikat bersekutu  
Bayaran balik daripada syarikat bersekutu

| Nota | 2001 RM'000   | 2000 RM'000     |
|------|---------------|-----------------|
|      | -             | (2,735)         |
|      | (2,400)       | (1,805)         |
|      | (2,976)       | (20,157)        |
|      | (277)         | (669)           |
|      | -             |                 |
|      | (111,429)     | (106,583)       |
|      | -             | (63)            |
|      | 249,178       | 651             |
|      | 1,798         | 7,520           |
|      | 730           | 159             |
|      | 120           | -               |
|      | 19,710        | 13,720          |
|      | 987           | 453             |
|      | (101,883)     | (33,768)        |
|      | 17,433        | 51,490          |
|      | <b>90,400</b> | <b>(91,787)</b> |

## Aliran tunai bersih daripada kegiatan pelaburan

## KEGIATAN PEMBIAYAAN

Terbitan saham oleh Syarikat:-  
- Skim Opsyen Saham Kakitangan  
- Penukaran waran  
Terbitan bon  
Pinjaman bank  
Bayaran balik pinjaman bank  
Bayaran balik ansuran sewa beli dan pajakan  
Dividen dibayar oleh anak-anak syarikat kepada pemegang-pemegang saham minoriti  
Dividen dibayar oleh Syarikat  
Penempatan deposit jangka pendek

| Nota | 2001 RM'000      | 2000 RM'000   |
|------|------------------|---------------|
|      | 2,616            | 10,671        |
|      | 236              | 311           |
|      | -                | 150,000       |
|      | 11,487           | 26,137        |
|      | (123,889)        | (88,115)      |
|      | (14,443)         | (13,808)      |
|      | (4,665)          | (4,954)       |
|      | (50,667)         | (28,598)      |
|      | (8,362)          | (3,753)       |
|      | <b>(187,687)</b> | <b>47,891</b> |

## Aliran tunai bersih daripada kegiatan pemberian

Peningkatan bersih dalam tunai dan setara tunai dalam tahun kewangan  
Tunai dan setara tunai pada permulaan tahun kewangan  
Perbezaan pertukaran asing pada baki mula

| Nota | 2001 RM'000    | 2000 RM'000   |
|------|----------------|---------------|
|      | 46,348         | 54,913        |
|      | 97,067         | 42,585        |
|      | (370)          | (431)         |
|      | <b>143,045</b> | <b>97,067</b> |

## Tunai dan setara tunai pada akhir tahun kewangan

## PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2001

|   | Nota    | SYARIKAT        |                 |
|---|---------|-----------------|-----------------|
|   |         | 2001<br>RM'000  | 2000<br>RM'000  |
| <b>KEGIATAN KENDALIAN</b>   |         |                 |                 |
| Penerimaan daripada pelanggan   |         | 235,780         | 231,696         |
| Bayaran kepada kontraktor, pembekal dan kakitangan  |         | (92,408)        | (178,505)       |
| Pendahuluan, deposit dan prabayaran perdagangan   |         | (16,915)        | (17,251)        |
| Faedah diterima   |         | 15,983          | 21,499          |
| Faedah dibayar  |         | (16,307)        | (14,951)        |
| Cukai pendapatan dibayar  |         | (11,167)        | (5,720)         |
| <b>Aliran tunai bersih daripada kegiatan kendalian</b>                                    |         | <b>114,966</b>  | <b>36,768</b>   |
| <b>KEGIATAN PELABURAN</b>   |         |                 |                 |
| Pengambilalihan anak-anak syarikat  | (8)     | -               | (87,700)        |
| Pengambilalihan saham dalam syarikat bersekutu  |         | (2,012)         | (19,826)        |
| Pengambilalihan pelaburan jangka pendek   |         | -               | -               |
| Pelupusan saham dalam anak-anak syarikat  | 40      | 39,912          | -               |
| Pelupusan saham dalam syarikat-syarikat bersekutu   |         | 3,903           | 15,345          |
| Pelupusan harta, loji dan peralatan   |         | 450             | 569             |
| Dividen diterima daripada anak-anak syarikat  |         | 76,972          | 12,829          |
| Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu                                     |         | 18,135          | 2,933           |
| Dividen diterima daripada lain-lain pelaburan   |         | 832             | 400             |
| Pembelian harta, loji dan peralatan   |         | (481)           | (5,699)         |
| Pendahuluan kepada anak-anak syarikat   |         | (320,718)       | (112,665)       |
| Pendahuluan kepada syarikat-syarikat bersekutu  |         | (51,639)        | (29,117)        |
| Pendahuluan kepada entiti kawalan bersama   |         | (1,940)         | -               |
| Bayaran balik daripada anak-anak syarikat   |         | 123,205         | 34,828          |
| Bayaran balik daripada syarikat-syarikat bersekutu  | 178,339 | 5,248           |                 |
| <b>Aliran tunai bersih daripada kegiatan pelaburan</b>                                    |         | <b>(53,007)</b> | <b>(64,898)</b> |
| <b>KEGIATAN PEMBIAYAAN</b>  |         |                 |                 |
| Terbitan saham oleh Syarikat:-  |         |                 |                 |
| - Skim Opsyen Saham Kakitangan  |         | 2,616           | 10,671          |
| - Penukaran waran   |         | 236             | 311             |
| Terbitan bon  |         | -               | 150,000         |
| Bayaran balik pinjaman bank   |         | (29,466)        | (46,609)        |
| Bayaran balik ansuran sewa beli dan pajakan   |         | -               | (123)           |
| Dividen dibayar oleh Syarikat   |         | (50,667)        | (28,598)        |
| <b>Aliran tunai bersih daripada kegiatan pembiayaan</b>                                   |         | <b>(77,281)</b> | <b>85,652</b>   |
| <b>(Pengurangan)/Peningkatan bersih dalam tunai dan setara tunai dalam tahun kewangan</b> |         |                 |                 |
| <b>Tunai dan setara tunai pada permulaan tahun kewangan</b>                               |         | <b>(15,322)</b> | <b>57,522</b>   |
| Perbezaan pertukaran asing pada baki mula   |         | <b>90,727</b>   | <b>33,208</b>   |
| <b>Tunai dan setara tunai pada akhir tahun kewangan</b>                                   | 42      | <b>75,405</b>   | <b>90,727</b>   |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2001

### 1. MAKLUMAT AM

Syarikat pada dasarnya terlibat dalam pembinaan, pembangunan harta dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri daripada pembinaan, pembangunan harta, pengeluaran dan kuari, penanaman kelapa sawit dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan dalam Nota 47 kepada penyata kewangan.

Syarikat adalah sebuah syarikat awam liabiliti terhad, diperbadankan dan berdomisil di Malaysia dan disenaraikan pada Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur.

Alamat pejabat berdaftar Syarikat ialah Tingkat 2, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Bilangan kakitangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2001 berjumlah masing-masing 1,270 (2000: 1,216) dan 77 (2000: 75).

### 2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan piawaian-piawaian perakaunan diluluskan terpakai di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965. Piawaian-piawaian perakaunan diluluskan terpakai yang baru diterima pakai dalam penyata-penyata kewangan ini adalah seperti berikut:

#### (a) Pemakaian retrospektif

Angka-angka bandingan telah diselaraskan atau dilanjutkan untuk sesuai dengan perubahan-perubahan dalam pembentangan akibat daripada keperluan Piawaian MASB baru yang berikut yang telah dipakai secara retrospektif:

- Piawaian MASB 19 "Peristiwa Selepas Tarikh Kunci Kira-kira"
- Piawaian MASB 20 "Peruntukan, Liabiliti Kontingen dan Aset Kontingen"
- Piawaian MASB 22 "Pelaporan Segmen"

Tidak ada perubahan dalam polisi perakaunan yang melibatkan keuntungan bersih bagi tahun akibat daripada penerimaan pakai piawaian-piawaian di atas dalam penyata kewangan ini memandangkan Kumpulan telah pun mengikuti prinsip pengiktirafan dan pengukuran dalam piawaian-piawaian tersebut. Angka-angka bandingan telah diselaraskan atau dilanjutkan untuk mengambil kira keperluan Piawaian MASB 19 yang Kumpulan telah laksanakan secara terdahulu daripada tarikh berkuatkuasanya (Lihat Nota 43).

#### (b) Pemakaian prospektif dari 1 Jan 2001 – Piawaian MASB 21 "Kombinasi Perniagaan"

Kumpulan telah mengambil peluang ke atas pengecualian yang diberi untuk memakai Piawaian ini secara retrospektif. Selaras dengan itu, kombinasi perniagaan yang dimasukkan sebelum 1 Januari 2001 tidak dinyatakan semula untuk mematuhi Piawaian ini.

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi piawaian perakaunan diluluskan yang terpakai di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat 1965 memerlukan para Pengarah untuk membuat anggaran dan andaian yang melibatkan jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti kontingen pada tarikh penyata kewangan dan jumlah hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan dalam tempoh dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada yang dianggarkan.

### 3. RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan berikut telah digunakan secara seragam ketika berurusan dengan perkara-perkara yang dianggap material berhubung dengan penyata-penyata kewangan, melainkan sebagaimana dinyatakan sebaliknya di bawah.

#### (a) Konvensyen Perakaunan

Penyata-penyata kewangan disediakan di bawah konvensyen kos sejarah (sebagaimana diubahsuai untuk penilaian semula harta, loji dan peralatan tertentu dan pelaburan serta harta pembangunan tertentu) kecuali dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan polisi-polisi perakaunan penting.

#### (b) Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan kesemua anak syarikatnya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Anak-anak syarikat merupakan syarikat-syarikat dalam mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan kendalian untuk mendapatkan faedah daripada kegiatan-kegiatan mereka.

Anak-anak syarikat disatukan dari tarikh bila mana hak kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan tidak lagi disatukan dari tarikh kawalan berhenti. Anak-anak syarikat disatukan dengan menggunakan kaedah pengambilalihan perakaunan.

Di bawah kaedah pengambilalihan perakaunan, keputusan anak-anak syarikat yang diambil alih atau dilupuskan dalam tahun kewangan dimasukkan dari tarikh pengambilalihan atau sehingga tarikh pelupusan. Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama aset bersih anak-anak syarikat ditentukan dan nilai-nilai ini ditunjukkan dalam penyata kewangan disatukan. Perbezaan di antara kos pengambilalihan dan nilai saksama aset bersih anak-anak syarikat dikira sebagai muhibah atas penyatuhan atau rizab atas penyatuhan dan dilunaskan dengan menggunakan kaedah garisan lurus ke atas anggaran hayat ekonomi bergunanya selama 15 tahun.

Kesemua urusniaga, baki dan keuntungan tak direalis antara syarikat ke atas urusniaga di antara syarikat-syarikat dalam Kumpulan dihapus kira; kerugian tak direalis juga dihapus kira melainkan kos tidak boleh diperolehi semula. Di mana perlu polisi-polisi perakaunan bagi anak-anak syarikat telah ditukar untuk memastikan keseragaman dengan polisi-polisi yang diamalkan oleh Kumpulan. Pendedahan berasingan dibuat untuk kepentingan minoriti.

Laba atau kerugian atas pelupusan anak syarikat adalah perbezaan di antara perolehan daripada pelupusan bersih dengan bahagian Kumpulan ke atas aset-aset bersihnya bersama dengan baki tak dilunaskan daripada muhibah atas pengambilalihan dan perbezaan pertukaran yang sebelum ini tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan disatukan.

#### (c) Anak-anak Syarikat

Pelaburan dalam anak-anak syarikat dinyatakan pada kos kecuali apabila pada pendapat para Pengarah terdapat penurunan nilai tetap dalam pelaburan, di mana peruntukan dibuat bagi penurunan dalam nilai.

#### (d) Syarikat-syarikat Bersekutu

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diakaunkan dalam penyata kewangan disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti.

Syarikat bersekutu ialah syarikat di mana Kumpulan boleh mengguna pengaruh yang ketara melalui representasi dalam lembaga pengarah dan/atau penyertaan dalam keputusan kewangan dan kendalian syarikat-syarikat penerima pelaburan tetapi tiada kuasa kawalan ke atas polisi-polisi tersebut.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos kecuali, pada pendapat Pengarah-pengarah terdapat penurunan nilai tetap dalam pelaburan, dalam hal mana peruntukan dibuat bagi penurunan dalam nilai.

Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan bahagian keputusan syarikat bersekutu bagi tempoh kewangan tersebut dalam penyata pendapatan Kumpulan. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dibawa dalam kunci kira-kira pada jumlah yang menggambarkan bahagiannya daripada aset bersih syarikat-syarikat bersekutu termasuk muhibah atas pengambilalihan. Perakaunan ekuiti tidak diteruskan apabila nilai simpanan pelaburan dalam syarikat bersekutu mencapai sifar, melainkan Kumpulan mempunyai obligasi berhubung dengan syarikat bersekutu tersebut.

Muhibah atas pengambilalihan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dan peruntukan dibuat apabila para Pengarah berpendapat bahawa terdapat penurunan yang berkekalan dalam nilai berlaku.

Laba tak direalis dalam urusniaga di antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutunya dilupuskan sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu; kerugian tak direalis juga dihapus kira, kecuali urusniaga dapat membuktikan kerosotan aset yang dipindah. Di mana perlu, semasa menggunakan kaedah ekuiti, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu untuk memastikan keseragaman polisi-polisi perakaunan dengan Kumpulan.

Polisi susut nilai atas Perbelanjaan Pembangunan Lebuhraya di bawah diamalkan oleh syarikat-syarikat bersekutu yang terlibat dalam operasi dan penyelenggaraan lebuhraya bertol.

Perbelanjaan Pembangunan Lebuhraya terdiri daripada perbelanjaan pembangunan dan peningkatan (termasuk caj faedah berkaitan dengan pembiayaan pembangunan sebelum lebuhraya siap) yang ditanggung untuk menyiapkan lebuhraya bagi membolehkan permulaan operasi tol.

Perbelanjaan Pembangunan Lebuhraya terkumpul yang ditanggung disusutnilaikan dan dicajkan kepada penyata pendapatan syarikat-syarikat bersekutu ke atas tempoh konsesi selama 20 hingga 30 tahun selepas siap kerja pembangunan lebuhraya berdasarkan kadar kenderaan membayar tol sebenar dalam tahun kewangan berbanding jumlah kenderaan membayar tol yang diunjurkan bagi keseluruhan tempoh konsesi. Unjur-unjur ini adalah berdasarkan kepada penyelidikan transit yang dikemaskini secara tahunan.

#### (e) Entiti Kawalan Bersama

Kepentingan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama, yang merupakan entiti dalam mana Kumpulan mempunyai pengaturan kontrak jangka masa pendek dengan pihak-pihak ketiga untuk melaksana projek pembinaan dan lain-lain projek, diakaunkan dalam penyata-penyata kewangan Kumpulan dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti di mana bahagian Kumpulan ke atas keputusan entiti kawalan bersama dimasukkan dalam penyata kewangan Kumpulan.

Keuntungan tak direalis atas urusniaga di antara Kumpulan dan entiti kawalan bersamanya dihapus kira sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam entiti kawalan bersamanya; kerugian tak direalis juga dilupuskan melainkan urusniaga menunjukkan bukti kerosotan aset-aset yang dipindahkan. Jika perlu, dalam menggunakan kaedah ekuiti, pelarasan telah dibuat kepada penyata kewangan entiti kawalan bersama untuk memastikan keseimbangan polisi-polisi perakaunan dalam Kumpulan.

#### (f) Pelaburan

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos melainkan pada pendapat Pengarah-pengarah, terdapatnya pengurangan kekal dalam nilai, dalam hal mana peruntukan dibuat bagi pengurangan dalam nilai.

Pelaburan jangka pendek dalam saham-saham disebut dalam kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah ditentukan atas dasar agregat.

Atas pelupusan pelaburan, perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih dan jumlah simpanannya dicajkan atau dikreditkan kepada penyata pendapatan.

#### (g) Terjemahan Mata Wang Asing

Urusniaga mata wang asing ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran semasa yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Perbezaan pertukaran timbul atas penyelesaian perkara-perkara kewangan atau atas terjemahan aset dan liabiliti kewangan pada kadar pertukaran berkuatkuasa pada akhir tahun dibawa kepada penyata pendapatan.

Perbezaan pertukaran timbul atas pinjaman mata wang asing yang telah digunakan untuk membiayai pelaburan ekuiti dalam mata wang asing diuruskan melalui rizab terjemahan pertukaran sehingga tahap yang dilindungi oleh perbezaan pertukaran yang timbul atas aset bersih yang diwakili oleh pelaburan ekuiti. Perbezaan ini telah diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan atas pelupusan pelaburan itu.

Aset dan liabiliti anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu, dari negara asing dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan, diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada akhir tahun kewangan; dan pendapatan dan perbelanjaan diterjemahkan pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Kesemua perbezaan pertukaran yang timbul dimasukkan ke rizab terjemahan pertukaran.

Kadar penutup utama yang digunakan dalam terjemahan jumlah mata wang asing adalah seperti berikut:-

| Mata wang asing   | 31.12.2001<br>RM | 31.12.2000<br>RM |
|-------------------|------------------|------------------|
| 1 Dolar US        | <b>3.800</b>     | 3.800            |
| 1 Dolar Australia | <b>1.942</b>     | 2.106            |
| 1 Dolar Singapura | <b>2.054</b>     | 2.193            |
| 1 Dolar Hongkong  | <b>0.487</b>     | 0.487            |
| 1 Renminbi China  | <b>0.459</b>     | 0.459            |
| 1 Rupee India     | <b>0.079</b>     | 0.081            |
| 1 Peso Argentina  | <b>3.800</b>     | 3.800            |

#### (h) Harta, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

Kesemua harta, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau pada penilaian tolak susut nilai terkumpul kecuali bagi tanah pegangan kekal, perbelanjaan pembangunan ladang yang ditanggung bagi penanaman baru dan modal kerja dalam pelaksanaan yang mana tidak disusutnilaikan. Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan memandangkan ia mempunyai hayat yang berpanjangan.

Berkuatkuasa dari tahun kewangan semasa, Kumpulan telah melunaskan semua tanah pegangan pajak tanpa mengira tempoh pajakan-pajakan itu. Dalam tahun-tahun sebelumnya, tanah pegangan pajak jangka panjang selama 50 tahun dan ke atas tidak dilunaskan. Ini tidak mempunyai impak material ke atas penyata-penytaya kewangan.

Tanah ladang dan perbelanjaan pembangunan terdiri daripada tanah dinyatakan pada kos atau penilaian dan perbelanjaan ditanggung atas penanaman baru, pentadbiran estet dan penjagaan ladang sehingga matang. Kesemua perbelanjaan yang ditanggung selepas matang dan perbelanjaan penanaman semula dicajkan kepada penyata pendapatan apabila ditanggung.

Ke atas lain-lain aset, susut nilai dikira bagi penghapusan kira kos atau jumlah dinilai semula harta, loji dan peralatan atas dasar garisan lurus pada kadar yang menghapus kira aset, tolak anggaran nilai baki, ke atas anggaran hayat bergunanya. Kadar tahunan susut nilai adalah:-

|   |     |   |       |
|---|-----|---|-------|
| Tanah pegangan pajak                      | 0.1 | - | 2.5%  |
| Bangunan                                  | 2   | - | 20%   |
| Loji, mesin dan peralatan                 | 10  | - | 20%   |
| Peralatan pejabat, perabot dan pepasangan | 5   | - | 33.3% |
| Ubahsuai pejabat                          | 10  | - | 20%   |
| Kenderaan bermotor                        | 20  | - | 25%   |

Pengarah-pengarah telah menggunakan peruntukan peralihan MASB 15 ke atas Harta, Loji dan Peralatan yang membenarkan aset untuk dinyatakan pada jumlah dinilai semula terakhir tolak susut nilai. Selaras dengan itu, penilaian-penilaian ini tidak dikemaskinikan.

Susut nilai ke atas aset di bawah pembinaan bermula apabila aset telah siap sedia untuk digunakan seperti yang dihasratkan.

Di mana nilai simpanan aset adalah lebih besar daripada anggaran jumlah boleh diperolehi semula, ia dikurangkan dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehi semula.

#### (i) Pengiktirafan Hasil dan Keuntungan

##### (i) Hasil dan Perbelanjaan Kontrak Pembinaan

Di mana hasil daripada kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan pasti, hasil dan kos kontrak yang berhubung kait dengan kontrak pembinaan diiktiraf masing-masing sebagai hasil dan perbelanjaan dengan merujuk kepada tahap penyiapan kontrak. Tahap penyiapan kontrak pembinaan ditentukan berdasarkan bahagian yang kos kontrak ditanggung bagi kerja yang dilaksanakan sehingga kini daripada anggaran jumlah kos kontrak.

Apabila hasil kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan agak pasti, hasil diiktiraf hanya sehingga tahap kos kontrak ditanggung yang mungkin boleh diperolehi semula dan kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh tersebut.

Di mana ada kemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, anggaran kerugian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana kerugian dikenal pasti.

##### (ii) Hasil dan Keuntungan daripada Pembangunan Harta

Bil-bil progres daripada pembangunan harta mewakili nilai harta-harta pembangunan yang dijual diiktiraf melalui rujukan kepada tahap penyiapan harta-harta.

Keuntungan atas jualan harta-harta pembangunan diiktiraf dengan menggunakan kaedah peratusan siap. Kerugian yang dijangka diperuntukkan sepenuhnya.

##### (iii) Hasil daripada Jualan Barang

Jualan diiktiraf selepas penghantaran produk dan penerimaan pelanggan dan pelaksanaan khidmat selepas jualan, sekiranya ada, bersih daripada cukai jualan dan diskauan dan selepas pelupusan jualan dalam Kumpulan.

##### (iv) Lain-lain Hasil

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran dibuktikan.

Pendapatan faedah diiktiraf sebagaimana ia terakru melainkan pengutipannya diragukan.

#### (j) Permodalan Kos Kewangan

Faedah yang ditanggung atas pinjaman berkaitan secara langsung dengan harta-harta pembangunan dan kegiatan peladangan yang baru, masing-masing sehingga penyiapan dan kematangan, dipermodalkan dan dimasukkan masing-masing sebagai sebahagian daripada perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan pembangunan peladangan.

Kos faedah ke atas pinjaman untuk membiayai pembinaan harta, loji dan peralatan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset dalam tempoh masa yang diperlukan untuk menyiapkan dan menyediakan aset bagi kegunaan yang dihasratkan.

#### (k) Harta-harta Pembangunan

Kos tanah pembangunan dan kos pembangunan berkaitan dihantar ke hadapan masing-masing sebagai harta pembangunan dan perbelanjaan. Di mana bersesuaian, nilai saksama tanah pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan sebagai ganti kos. Kos yang dibentangkan dalam penyata pendapatan terdiri daripada bahagian kos tanah dan kos pembangunan yang berkaitan.

Kumpulan menganggap sebagai aset semasa daripada bahagian harta-harta pembangunan di mana kerja pembangunan utama telah dijalankan dan dijangka untuk disiapkan dalam pusingan operasi yang biasa dua hingga tiga tahun.

## (l) Inventori

## (i) Bangunan-bangunan Siap

Unit harta-harta pembangunan yang disiapkan dan dipegang untuk jualan dinyatakan dalam kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos terdiri daripada bahagian kos tanah dan perbelanjaan pembangunan dan pembinaan berkaitan.

## (ii) Barang Siap, Bahan Mentah, Bahan Pembinaan, Simpanan dan Alat-alat Ganti

Inventori dinilai pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah selepas peruntukan secukupnya telah dibuat bagi kesemua inventori yang lapuk, rosak, usang atau bergerak perlahan. Kos ditentukan atas dasar purata wajaran. Kos bahan mentah, simpanan dan alat-alat ganti terdiri daripada kos pembelian asal ditambah dengan kos membawa masuk inventori ke lokasi semasa dan bagi barang siap, ia terdiri daripada bahan langsung, buruh langsung, caj langsung dan overhead pengeluaran boleh berubah.

## (m) Jumlah Terutang Daripada/(Kepada) Pelanggan Atas Kontrak Pembinaan

Di mana jumlah kos kontrak pembinaan yang ditanggung campur dengan keuntungan yang diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf) melebihi bil-bil progress, baki bersih ditunjukkan sebagai jumlah terutang daripada pelanggan-pelanggan untuk kontrak pembinaan di bawah jumlah perdagangan dan lain-lain jumlah boleh diterima. Di mana bil-bil progress melebihi jumlah kos kontrak pembinaan yang ditanggung dan keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf), baki bersih ditunjukkan sebagai jumlah terutang kepada pelanggan-pelanggan daripada kontrak pembinaan di bawah perdagangan dan lain-lain jumlah perlu dibayar.

## (n) Jumlah Dagangan Boleh Diterima

Jumlah dagangan boleh diterima termasuk wang-wang dalam tahanan yang ditahan oleh prinsipal. Hutang lapuk yang diketahui dihapus kira dan peruntukan dibuat bagi mana-mana hutang yang dianggap ragu untuk dikutip.

## (o) Aset Pajakan

Pajakan harta, loji dan peralatan di mana Kumpulan secara utamanya mengambil alih sebahagian besar faedah dan risiko pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Pajakan kewangan dipermodalkan pada anggaran nilai semasa bayaran pajakan mendasari pada tarikh kemasukan. Setiap bayaran pajakan diperuntukkan di antara caj liabiliti dan kewangan untuk mencapai kadar seimbang ke atas pajakan utama yang belum dijelas. Obligasi sewa sepadan, bersih daripada caj kewangan, dimasukkan dalam pinjaman. Elemen faedah caj kewangan dimasukkan kepada penyata pendapatan ke atas tempoh pajakan.

Harta, loji dan peralatan dibeli di bawah kontrak pajakan kewangan disusutnilai ke atas anggaran hayat berguna aset. Sekiranya tidak ada kepastian munasabah bahwa pemilikan akan dipindah kepada Kumpulan, aset disusutnilaikan ke atas tempoh pajakan dan anggaran hayat bergunanya yang mana lebih pendek.

Bagi urusan jualan dan pajakan balik yang melibatkan loji dan peralatan tertentu yang membawa kepada pajakan kewangan, lebihan hasil jualan ke atas nilai simpanan aset tersebut di atas dilunaskan atas dasar garisan lurus ke atas tempoh pajakan yang mempunyai tempoh hayat selama 3 hingga 4 tahun.

## (p) Perbelanjaan Tertunda

(i) Perbelanjaan yang ditanggung ke atas pembangunan permukaan kuari dihapus kira atas dasar garisan lurus berdasarkan hayat ekonomi berguna permukaan kuari yang dibangunkan. Pembangunan biasanya dilaksanakan dalam fasa dan hayat berguna setiap fasa adalah lebih kurang dua hingga tiga tahun.

(ii) Premium dibayar atas penukaran tanah lombong pegangan pajak kepada tanah perindustrian dihapus kira atas dasar garisan lurus ke atas tempoh pegangan pajak.

## (q) Cukai Tertunda

Peruntukan dibuat dengan menggunakan kaedah liabiliti, bagi cukai tertunda melalui perbezaan pemasaan kecuali di mana difikirkan secara munasabahnya berkemungkinan bahawa kesan cukai perbezaan sedemikian akan berterusan pada masa hadapan boleh dijangka.

Tidak ada faedah cukai pendapatan masa hadapan diiktiraf berhubung dengan kerugian cukai tak diguna dan perbezaan pemasaan yang membawa kepada debit bersih melainkan ia boleh ditunjukkan bahawa faedah-faedah ini boleh direalis pada masa hadapan boleh dijangka.

## (r) Faedah Persaraan

Syarikat dan anak-anak syarikat tertentu yang menyertai dalam Skim Persaraan IJM yang mana merupakan skim faedah yang ditakrifkan diluluskan di bawah Seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967. Faedah yang perlu dibayar semasa persaraan adalah berdasarkan tempoh perkhidmatan dan purata gaji asas selama lima tahun perkhidmatan yang lepas. Liabiliti berhubung dengan skim faedah yang dinyatakan tersebut ditentukan melalui penilaian aktuari yang dilaksanakan setiap tiga tahun oleh aktuari yang layak berdasarkan kaedah penilaian faedah yang diunjurkan. Penilaian terakhir telah diadakan pada Disember 1999.

Kos dalam menyediakan faedah persaraan berdasarkan penilaian aktuari terkini dicajkan terhadap keuntungan atas dasar sistematis supaya mencukupi untuk memenuhi liabiliti skim ke atas tempoh hayat bekerja pada masa hadapan kakitangan sedia ada. Perbezaan di antara jumlah yang dicajkan kepada penyata pendapatan dan pembayaran dibuat kepada dana dianggap sebagai liabiliti tertunda.

## (s) Tunai dan Setara Tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki bank, overdraf bank, deposit tuntutan dan jangka pendek, pelaburan berkecairan tinggi yang sedia ada boleh ditukar kepada jumlah tunai diketahui dan adalah tertakluk kepada risiko tak ketara perubahan dalam nilai.

## (t) Cadangan dividen

Cadangan dividen diakrukan sebagai liabiliti hanya selepas kelulusan oleh pemegang-pemegang saham. Dalam tahun-tahun sebelumnya, dividen telah terakru sebagai liabiliti apabila dicadangkan oleh para Pengarah. Perubahan dalam polisi perakaunan ini telah diakaukan secara retrospektif sebagaimana ditunjukkan dalam Nota 43.

## 4. HASIL KENDALIAN

|  | KUMPULAN       |                | SYARIKAT       |                |
|--|----------------|----------------|----------------|----------------|
|  | 2001<br>RM'000 | 2000<br>RM'000 | 2001<br>RM'000 | 2000<br>RM'000 |
| Hasil kontrak pembinaan  | 509,653        | 409,089        | 99,552         | 74,347         |
| Jualan harta pembangunan,<br>dan perkhidmatan pengurusan harta | 135,223        | 85,463         | 2,122          | 5,592          |
| Jualan produk kuari dan dikilang                               | 160,969        | 71,527         | -              | -              |
| Jualan minyak sawit mentah dan<br>produk sampingan             | 47,604         | 46,855         | -              | -              |
| Pendapatan dividen   | 961            | 342            | 87,896         | 45,786         |
| Sewa harta   | 2,981          | 2,572          | 2,736          | 2,024          |
|  | 857,391        | 615,848        | 192,306        | 127,749        |
| Bahagian hasil kendalian: -                                    |                |                |                |                |
| Syarikat bersekutu   | 245,366        | 337,614        | -              | -              |
| Entiti kawalan bersama   | 83,379         | 141,162        | -              | 91,958         |
|  | 1,186,136      | 1,094,624      | 192,306        | 219,707        |

## 5. KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN

|  | KUMPULAN       |                | SYARIKAT       |                |
|--|----------------|----------------|----------------|----------------|
|  | 2001<br>RM'000 | 2000<br>RM'000 | 2001<br>RM'000 | 2000<br>RM'000 |
| <b>Keuntungan kendalian sebelum kos kewangan dinyatakan selepas dicaj: -</b>                     |                |                |                |                |
| Susutnilai   | 24,446         | 20,802         | 1,364          | 1,544          |
| Sewa loji dan peralatan  | 934            | 1,449          | -              | -              |
| Imbuhan juruaudit:   |                |                |                |                |
| - tahun semasa   | 541            | 514            | 113            | 105            |
| - terkurang peruntukan berhubung dengan tahun terdahulu  | 46             | 10             | 33             | -              |
| Lain-lain yuran bukan audit dibayar/perlu dibayar kepada:  |                |                |                |                |
| - juruaudit Syarikat dan sekutu mereka   | 209            | 201            | 95             | 98             |
| - juruaudit lain anak-anak syarikat  | 6              | 21             | -              | -              |
| Pelunasan bagi perbelanjaan tertunda   | 1,235          | 2,058          | -              | -              |
